

Visi Baharu
**KE ARAH
KELESTARIAN**

Laporan Tahunan 2016



DANA YANG BERKAT

Usia tua sesantainya angin nyaman yang sihat,
renyai hayat anugerah Tuhan yang teramat nikmat.

Kini kita maruahi lagi sejarah kebajikan,
Menyemaininya dengan benih jerih perih pendapatan
agar usia tua akan waras terpelihara:
damai di tangan, nikmat di hati dan indah di mata.


Dan tarikh lahirnya badan dana yang amat bertuah -
Mac – kini bulan yang molek, cahaya manis sejarah;
dengan wang dirancang untuk ranum ke usia sarat
peluh jujur rezeki subur mengisi dana berkat.

Sopan di tangan, jernih di mata dan santun di kalbu,
peranum labur jimat tercermat yang mengembang gebu.
Diurus tangan canggih amanah yang tulus berhemah
sehingga pepohon rezeki sempat merimbun buah.

Tulus petugas setia serasi bakti pekerja
ringani bahu pentadbir, suburi harta pesara,
alir pencen sumber harta yang luhur sepanjang hayat
tersimbah tuahnya ke yatim diri, ke badan sihat.

Dengan tekun berilmu, tindakan yang bersanubari,
yakin dipasti taman labur terindah harum ini.

5 – 15, Februari, 2007
A. SAMAD SAID



RASIONAL KULIT HADAPAN



Visi Baharu Ke Arah Kelestarian

Tema Visi Baharu Ke Arah Kelestarian yang digambarkan di kulit laporan tahunan ini menceritakan mengenai evolusi KWAP yang telah membawa kepada visi baharu yang dilaksanakan dengan mengambil kira masa depan mamparn. Penyata visi dan misi yang menyeluruh dan merangkumi nilai-nilai serta aspirasi dan jangkaan kami dalam strategi pelaburan dan operasi perkhidmatan persaraan kami. Integrasi dua peranan penting KWAP ini akan membina asas organisasi kerana kami bergerak selangkah lebih dekat ke arah menjadi dana persaraan sepenuhnya untuk masa hadapan.

Visi Baharu

KE ARAH KELESTARIAN

VISI

Menjadi dana persaraan yang dipercayai serta menyokong pembangunan negara dengan memberikan manfaat yang berkekalan secara inovatif

MISI

Mengoptimumkan pulangan pelaburan dan memberikan perkhidmatan cemerlang dengan menerima pakai amalan terbaik dalam memenuhi komitmen pihak berkepentingan utama

NILAI-NILAI



Kepimpinan



Kecemerlangan &
Pencapaian



Semangat
Kerjasama



Berorientasikan Pihak
Berkepentingan



Akauntabiliti



Pembelajaran
Berterusan & Inovasi



Integriti

KANDUNGAN

01

SOROTAN KORPORAT

- 004 Profil Korporat
- 007 Pencapaian Tahun 2007 - 2016
- 012 Tahun 2016 Sepintas Lalu
- 014 Ringkasan Keputusan Kewangan 5 Tahun
- 015 Perutusan Pengerusi
- 018 Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

02

TADBIR URUS KORPORAT

- 023 Penyata Tadbir Urus Korporat
- 033 Penyata Kawalan Dalaman
- 034 Pengurusan Risiko dan Pematuhan
- 048 Ringkasan Amalan Etika
- 050 Inisiatif Tadbir Urus Korporat

03

STRATEGI KORPORAT

- 054 Kad Skor Korporat
- 065 KWAP dan Peranan dalam ESG
- 066 Peningkatan Pelaburan dalam Persada Antarabangsa
- 068 Penglibatan dengan Pesara
- 070 Menjana Lebih Kehadiran

04

AKTIVITI PELABURAN

- 081 Ulasan Pelaburan oleh Ketua Pegawai Pelaburan
- 085 Ulasan Ekonomi
- 087 Ulasan Pasaran Pelaburan
- 099 Prestasi Dana
- 102 Prestasi Kelas-kelas Aset
- 121 Subsidiari

05

AKTIVITI OPERASI

- 128 Ulasan Operasi oleh Ketua Pegawai Operasi
- 133 Tanggungjawab Sosial Korporat
- 140 Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan
- 141 Kalendar Korporat

06

KEPIMPINAN & MODAL INSAN

- 147 Carta Organisasi
- 149 Profil Lembaga
- 155 Profil Panel Pelaburan
- 160 Profil Pengurusan Kanan
- 162 Pengurusan Modal Insan
- 165 Coretan Impian

07

PENYATA KEWANGAN

- 170 Sijil Ketua Audit Negara
- 172 Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
- 173 Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan 2016 Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
- 174 Penyata-penyata Pendapatan Komprehensif
- 175 Penyata-penyata Kedudukan Kewangan
- 176 Penyata Perubahan dalam Ekuiti
- 177 Penyata-penyata Aliran Tunai
- 179 Nota-nota kepada Penyata Kewangan

08

LAMPIRAN

- 254 Istilah
- 257 Maklumat Perhubungan

Seksyen

01 **SOROTAN KORPORAT**

-
- 004 Profil Korporat
 - 007 Pencapaian Tahun 2007 - 2016
 - 012 Tahun 2016 Sepintas Lalu
 - 014 Ringkasan Keputusan Kewangan 5 Tahun
 - 015 Perutusan Pengurus
 - 018 Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif
-

PROFIL KORPORAT

“

**Latar Belakang
Akta Kumpulan
Wang Amanah
Pencen 1991 (Akta
454) telah digubal
untuk membantu
pembentukan liabiliti
pencen Kerajaan
Persekutuan. Dengan
penggubalan Akta
tersebut, Kumpulan
Wang Amanah
Pencen telah
ditubuhkan pada
1 Jun 1991 dengan
geran pelancaran
sebanyak RM500
juta dari Kerajaan
Persekutuan.

Kumpulan Wang
Amanah Pencen
ditadbir oleh Majlis
Kumpulan Wang
Amanah Pencen.**

”

Pada 1 Mac 2007, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) atau KWAP, telah ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) menggantikan Akta Kumpulan Wang Amanah Pencen 1991 (Akta 454) yang dimansuhkan. Dengan penubuhan KWAP, kesemua kuasa, fungsi, aktiviti, aset dan liabiliti Kumpulan Wang Amanah Pencen diambil alih sepenuhnya oleh KWAP.

TUJUAN

Menampung beban Kerajaan Persekutuan bagi kos pembayaran pencen, ganjaran dan faedah lain di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk pegawai perkhidmatan awam dan kakitangan Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan mengikut cara dan pada masa-masa tertentu seperti diarahkan oleh Menteri Kewangan.

OBJEKTIF

Mengurus dana ke arah mencapai pulangan optimum ke atas pelaburan. Pendapatan yang dijana oleh dana tersebut akan digunakan untuk membantu Kerajaan Persekutuan bagi tujuan pembentukan liabiliti pencennya.

FUNGSI

Fungsi-fungsi KWAP adalah seperti berikut:

- Pengurusan caruman daripada Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi-Agenzi lain;
- Pentadbiran, pengurusan dan pelaburan Dana dalam ekuiti, sekuriti pendapatan tetap, instrumen pasaran wang dan bentuk-bentuk pelaburan lain yang dibenarkan di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662); dan
- Pengurusan dan pembayaran pencen.

Peranan KWAP dalam konteks kakitangan sektor awam berpencen adalah seperti berikut:

MENGURUSKAN KUTIPAN CARUMAN

Kerajaan Persekutuan mencarum 5% daripada jumlah emolumen tahunan yang dibajetkan bagi kakitangan Kerajaan Persekutuan manakala Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi-agensi lain menyumbang 17.50% daripada gaji hakiki pekerja berpencen masing-masing kepada KWAP setiap bulan.

MENETAPKAN POLISI DAN GARIS PANDUAN PELABURAN

Panel Pelaburan dan Lembaga bertanggungjawab meluluskan dan menyemak semula Polisi dan Garis Panduan Pelaburan secara berkala.

PENGURUSAN DAN PENGAWASAN PELABURAN

KWAP melabur dananya di dalam kelas-kelas aset mengikut Alokasi Aset Strategik dan Garis Panduan Pelaburan seperti yang diluluskan oleh Panel Pelaburan dan Lembaga. Aktiviti pelaburan dilakukan oleh sepasukan warga kerja pelaburan profesional yang cekap dan berpengalaman. Status dan prestasi pelaburan KWAP dilaporkan secara bulanan kepada Panel Pelaburan dan Lembaga. Analisis prestasi termasuk prestasi relatif berbanding indeks penanda aras serta pulangan sasaran mutlak bagi setiap kelas aset.

PENGURUSAN DAN PEMBAYARAN PENCEN

Bertindak sebagai ejen Kerajaan Persekutuan untuk mengurus pembayaran pencen, ganjaran atau faedah lain yang diluluskan di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk dana yang disatukan sebagaimana yang dipersetujui antara Kerajaan Persekutuan dan KWAP.

PROFIL KORPORAT

VISI KAMI

Menjadi dana persaraan yang dipercayai serta menyokong pembangunan negara dengan memberikan manfaat yang berkekalan secara inovatif

MISI KAMI

Mengoptimumkan pulangan pelaburan dan memberikan perkhidmatan cemerlang dengan menerima pakai amalan terbaik dalam memenuhi komitmen pihak berkepentingan utama

NILAI KAMI



KEPIMPINAN

Keupayaan untuk memimpin diri sendiri dan memimpin orang lain bagi terus bertambah baik



KECEMERLANGAN & PENCAPAIAN

Pencapaian melalui kecemerlangan



SEMANGAT KERJASAMA

Bekerjasama untuk memberikan hasil secara cekap dan berkesan untuk setiap pihak berkepentingan



BERORIENTASIKN PIHK BERKEPENTINGAN

Fokus pada semua pihak berkepentingan



AKAUNTABILITI

Bertanggungjawab ke atas semua tindakan yang dibuat



PEMBELAJARAN BERTERUSAN & INOVASI

Untuk menjadi inovatif dan sentiasa belajar daripada cabaran dan pencapaian kita



INTEGRITI

Prinsip dan moral yang kukuh, suatu sifat dalam yang diperlukan

MENJAMIN PERSARAAN ANDA

PROFIL KORPORAT

KWAP DALAM SISTEM PENCEN MALAYSIA

	Pembentukan Dasar	Sistem Caruman Ahli	Dasar Pelaburan dan Garis Panduan	Pengurusan Pelaburan	Pentadbiran Ahli	Faedah Bayaran
	Tetapkan dasar untuk pencen/dana persaraan	Mengurus kutipan caruman ahli individu	Menetapkan dasar pelaburan dan garis panduan	Melaksana pengurusan pelaburan	Mengurus akaun ahli	Mengurus pentadbiran kewangan dan bayaran
Kakitangan Sektor Awam Berpencen	Perbendaharaan <ul style="list-style-type: none"> Pengiraan impak kewangan Meluluskan dasar EPU Membentuk dan mengkaji semula dasar 	<i>Ejen yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan</i>				
	JPA Membentuk dan mengkaji semula dasar					
Angkatan Tentera	MINDEF Membentuk dan mengkaji semula dasar	LTAT <ul style="list-style-type: none"> Memungut caruman dari kakitangan angkatan tentera & kerajaan Mengira bayaran balik LTAT kepada KWAP 			Hal Ehwal Veteran (MINDEF) <ul style="list-style-type: none"> Berkomunikasi bersama pesara Mengira faedah Berkomunikasi dengan ahli aktif Mentadbir akaun ahli 	<ul style="list-style-type: none"> Mengagihkan pengeluaran Memindahkan bayaran balik kepada KWAP
Kakitangan Sektor Swasta dan Awam Tidak Berpencen	KWSP Memberi input untuk pembentukan dasar					

Petunjuk:

Perbendaharaan : Perbendaharaan, Kementerian Kewangan
JPA : Jabatan Perkhidmatan Awam

MINDEF : Kementerian Pertahanan
LTAT : Lembaga Tabung Angkatan Tentera
KWSP : Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

PENCAPAIAN TAHUN 2007 - 2016

TAHUN 2007

PIHAK BERKEPENTINGAN

- Penubuhan KWAP pada 1 Mac 2007
- Memperkenalkan Kad Skor Korporat untuk mewujudkan budaya yang didorong oleh prestasi
- Penggubalan nilai-nilai korporat

OPERASI

- Berpindah dari Putrajaya ke pejabat baharu di Kuala Lumpur
- Membangunkan dasar utama atau prosedur seperti Piagam Lembaga, Prosedur Kewangan dan Dasar dan Garis Panduan Pelaburan
- Penggubalan Nilai-nilai Korporat

PEMBELAJARAN & PEMBANGUNAN

- Melancarkan Siri Kepimpinan, Siri 'Golden Hour' dan laman web korporat
- 

TAHUN 2008

PIHAK BERKEPENTINGAN

- Menghalusi semula Nilai-nilai Korporat dan menggubalkan Visi dan Misi

OPERASI

- Menggubal Alokasi Aset Strategik
- Melancarkan Program Transformasi yang melibatkan pelaksanaan 20 inisiatif dengan matlamat mempertingkatkan pengurusan organisasi, risiko dan tatacara pengurusan pelaburan
- Menubuhkan Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan untuk menerajui penerapan budaya pengurusan risiko yang kukuh dalam organisasi
- Melaksanakan Sistem Maklumat Sumber Manusia

PEMBELAJARAN & PEMBANGUNAN

- Memulakan kolaborasi dengan sekolah-sekolah terpilih luar bandar sebagai inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) pertama
- 

TAHUN 2009

PIHAK BERKEPENTINGAN

- Bekerjasama dengan Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam dalam melaksanakan Kajian Liabiliti Pencen dengan tujuan mewujudkan pilihan-pilihan bagi KWAP untuk membantu Kerajaan Persekutuan dalam membiayai tanggungan pencen

OPERASI

- *Dealing Room* baharu telah dirasmikan oleh Menteri Kewangan II, YB Dato' Seri Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah
- Mengadakan sesi dialog bersama Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Malaysia berkenaan tadbir urus korporat dan isu-isu berkaitan dengan ekuiti dan pasaran pendapatan tetap
- Mengguna pakai model operasi baharu untuk Jabatan Ekuiti dan Jabatan Pendapatan Tetap
- Jabatan Strategi Portfolio diwujudkan untuk memantau dan mengawal selia pelaksanaan Pelan Utama Peralihan Peruntukan Strategik Aset
- Jabatan Prestasi Perniagaan mula beroperasi bagi membolehkan prestasi jabatan-jabatan pelaburan diukur secara objektif dan bebas
- Sistem Pengurusan Pelaburan Kewangan Bersepadu (IFIMS) mula dibangunkan
- Melaksanakan Rangka Kerja Pengurusan Perniagaan Berterusan
- Melaksanakan Laporan Insiden Operasi (ORE)
- Jabatan Penjelasan Pelaburan dan Jabatan Kustodian ditubuhkan untuk mempertingkatkan pengagihan tugas-tugas dan kawalan dalaman

PENCAPAIAN TAHUN 2007 - 2016

PEMBELAJARAN & PEMBANGUNAN

- Mula menyumbang artikel kepada penerbitan perniagaan utama untuk mempromosikan pemahaman tentang subjek-subjek berkaitan pelaburan sebagai inisiatif CSR
- Seminar Perancangan Kewangan Persaraan tahunan mula diadakan untuk kakitangan kerajaan yang menghampiri umur persaraan sebagai inisiatif CSR
- Memperkenalkan Skim 'CFA Financial Assistance' kepada kakitangan pelaburan

TAHUN **2010**

PIHAK BERKEPENTINGAN

- Kabinet meluluskan cadangan KWAP untuk menanggung pembentukan liabiliti pencegah Kerajaan Persekutuan
- Pengumuman Keputusan Kewangan KWAP yang pertama dan pelancaran laman portal oleh Menteri Kewangan II, YB. Dato' Seri Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah

KEWANGAN

- State Street Global Advisors dan World Bank Treasury telah dilantik sebagai pengurus dana luaran untuk mengurus dana ekuiti dan pendapatan tetap antarabangsa
- Membeli harta tanah antarabangsa pertama di Melbourne, Australia

OPERASI

- Penyumberan luar perkhidmatan kustodian global
- Model Skor Penarafan Kredit Dalaman telah diwujudkan. Menyempurnakan pemerolehan Sistem Pengurusan Risiko Menyeluruh
- Pelan Kesinambungan Perniagaan diwujudkan dan Pelan Pemilihan Bencana diuji

PEMBELAJARAN & PEMBANGUNAN

- Lawatan ke California Public Employee's Retirement System (CalPERS) dan California State Teachers' Retirement System (CalSTRS)
- Menyertai Program Cross Fertilisation anjuran Kementerian Kewangan
- Menjalankan Bengkel Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah luar bandar yang terpilih bagi meningkatkan minat di kalangan pelajar untuk berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris sebagai sebahagian dari inisiatif TSK

TAHUN **2011**

PIHAK BERKEPENTINGAN

- Mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam selepas kelulusan Kabinet mengenai pelaksanaan pembentukan liabiliti pencegah Kerajaan Persekutuan oleh KWAP

KEWANGAN

- Pelaburan dalam Global Sukuk
- Pembelian harta tanah antarabangsa kedua di Sydney, Australia
- Melanggan Bon Matawang Asing Islamik dan melindungi nilainya menerusi Pertukaran Matawang Bersilang

OPERASI

- Memperolehi Pengecualian Imuniti Berdaulat dari Pihak Berkusa Cukai UK
- Menerima penarafan ISO 9001:2008 Sistem Pengurusan Kualiti untuk Pengurusan Pelaburan bagi ekuiti domestik
- Bermula operasi fungsi kustodian global bagi memudahkan pelaburan antarabangsa oleh pengurus dana dalaman dan luaran
- Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat (*Whistle Blowing*) telah diwujudkan
- Mewujudkan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Strategik
- Menyediakan laporan perkembangan prestasi secara bulanan untuk ekuiti dan pendapatan tetap dalaman serta pengurus dana luaran domestik
- Mewujudkan Manual Kredit untuk memproses penilaian mentadbir kredit pendapatan tetap
- Melaksanakan Tadbir Urus KWAP serta Prinsip dan Garis Panduan Pengundian

PEMBELAJARAN & PEMBANGUNAN

- Menjadi pengajur bersama bagi Persidangan Asian Pension Fund Roundtable oleh Pacific Pension Institute; 2 wakil KWAP menjadi penceramah
- Tiga program pembangunan tenaga kerja telah dilancarkan seperti Program Penukaran Bakat, Pelan Pembangunan Individu dan Program Peningkatan Pencapaian

PENCAPAIAN LAIN

- Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, Dato' Azian Mohd Noh dinamakan sebagai salah seorang dari 25 Wanita Paling Berpengaruh dalam Pengurusan Aset di Rantaui Asia Pasifik *Asian Investor*
- Pengurus dana dalaman, Mohamed Izwan Moriff bin Mohamed Shariff, dicalonkan sebagai Pengurus Dana Bon Ringgit Malaysia Bijak Bagi Tahun 2011 oleh *The Asset Benchmark Research*

PENCAPAIAN TAHUN 2007 - 2016

TAHUN 2012

KEWANGAN

- Melabur RM1.50 bilion dalam Sukuk Berkekalan, pengeluaran di dunia
- Pelaburan antarabangsa ditingkatkan kepada 6.58%, melebihi sasaran 6%
- Membeli harta tanah pertama di London, UK

OPERASI

- Pejabat Prima Ekuiti (UK) Limited mula beroperasi untuk melabur dalam pasaran ekuiti UK
- Memperluaskan ekuiti bagi Asia Pasifik tidak termasuk Jepun
- Mendapat pensijilan ISO 9001:2008 bagi pendapatan tetap domestik dan harta tanah antarabangsa
- Melaksanakan Sistem Bersepadu Pengurusan Caruman (ICMS)
- Melaksanakan Sistem Strategi Prestasi Risiko (RPSS)

PEMBELAJARAN & PEMBANGUNAN

- Melaksanakan Skim Bantuan Pendidikan Pekerja
- Menjalankan program e-pembelajaran dengan Bank Dunia
- Pengurusan Kanan KWAP mengambil bahagian sebagai penceramah di Persidangan Keselamatan IDC ASEAN dan Forum Tahunan Institusi Pelaburan Asia Tenggara Keempat
- KWAP menjadi ahli untuk Jawatankuasa Kerja Tadbir Urus Korporat [terdiri daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Khazanah Nasional Berhad, Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)]

TAHUN 2013

PIHAK BERKEPENTINGAN

- Memulakan perancangan bagi cadangan pengambilalihan Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam
- Bekerjasama dengan Kementerian Kewangan bagi mengatasi isu kemampunan caruman berterusan Kerajaan kepada KWAP

KEWANGAN

- Peningkatan alokasi aset antarabangsa kepada 9.45%
- Melabur dalam 4 dana ekuiti persendirian antarabangsa
- Pembelian 3 harta tanah antarabangsa, 1 di UK dan 2 di Australia
- Melabur dalam Bon Dolar Berdaulat Malaysia

OPERASI

- Memperkenalkan Dasar Pertukaran Mata Wang Asing dan Garis Panduan Perlindungan Nilai
- Menyediakan fungsi untuk melabur terus dalam instrumen pendapatan tetap serantau
- Proses pensijilan disempurnakan bagi Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat berdasarkan piawaian ISO/IEC 27001:2005
- Meluaskan skop ISO 9001:2008 Sistem Pengurusan Kualiti bagi merangkumi fungsi pengurusan caruman
- Sistem Pengurusan Caruman Bersepadu (ICMS) telah dilancarkan dan mula beroperasi
- Menubuhkan dana permulaan bagi melabur dalam saham bermodal kecil domestik

- Membangunkan asas untuk mencapai Objektif Pelaburan Jangka Panjang KWAP:
 - Mengilhamkan Keyakinan Pelaburan KWAP
 - Mewujudkan Rangka Kerja Risiko Pelaburan KWAP
 - Peningkatan pengurusan risiko pasaran dengan pelaksanaan Sistem Strategi Prestasi Risiko (RPSS)

PEMBELAJARAN & PEMBANGUNAN

- Melancarkan Program KWAP Young Talent

PENCAPAIAN TAHUN 2007 - 2016

TAHUN 2014

KEWANGAN

- Meningkatkan Alokasi Aset Strategik bagi pelaburan antarabangsa kepada 10.9%
- Melabur dalam sektor harta tanah baharu seperti harta tanah niaga di UK dan logistik di Australia
- Melabur dalam 6 dana ekuiti persendirian baharu dan 1 pelaburan langsung
- Melantik pengurus dana luaran bagi mengurus portfolio dana bermodal kecil domestik

OPERASI

- Menerima penilaian 4 bintang untuk "Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Mengikut Indeks Akauntabiliti Tahun 2013"
- Peningkatan peruntukan portfolio modal kecil kepada 1.5% dan portfolio Syariah domestik kepada 15%
- Melantik 3 pengurus dana luaran untuk menguruskan portfolio Sukuk domestik
- Memulakan pelaksanaan Piawaian Laporan Kewangan (FRS) (Fasa 1) dengan mewujudkan dasar dan prosedur untuk melaksanakan FRS 139 dan FRS 7
- Menubuhkan fungsi penasihat cukai berpusat bagi menyokong inisiatif pelaburan baharu
- Menubuhkan pasukan QMS dan audit ISMS untuk audit dalaman ISO
- Meningkatkan pengurusan risiko kredit dengan belian Sistem Risiko Kredit yang baharu
- Menambahbaik sistem RENTAS bagi menyokong urus niaga mata wang asing melalui SWIFT
- Melaksanakan OMGEO untuk mempercepatkan penjelasan dan penyelesaian dagangan

TAHUN 2015

PIHAK BERKEPENTINGAN

- Pindaan Akta Kumpulan Wang Persaraan diluluskan oleh Parlimen dan diwartakan
- Pengambilalihan fungsi Bahagian Pasca Perkhidmatan Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam
- Penyumberan luar 3 mandat ESG kepada pengurus dana luaran dan menetapkan mandat ESG pengurusan dana dalaman
- Bekerjasama dengan Malaysia Financial Planning Council (MFPC) untuk menganjurkan persidangan Perancangan Kewangan dan ceramah kepada kementerian/badan-badan kerajaan

KEWANGAN

- Memulakan pelaksanaan Piawaian Laporan Kewangan (FRS) bagi mewujudkan polisi, prosedur dan proses berkaitan

OPERASI

- KWAP membuat pelaburan harta tanah domestik pertama dengan memperoleh bangunan pejabat dan harta tanah untuk pembangunan di Kuala Lumpur
- Ketua Pegawai Eksekutif KWAP dilantik sebagai Pengerusi pertama Institutional Investor Council (IIC) dan ahli Jawatankuasa Penasihat FTSE ESG (London)
- Ketua Pegawai Eksekutif KWAP menerima anugerah pengiktirafan khas daripada MSWG diatas sumbangan ke arah peningkatan amalan tadbir urus korporat di Malaysia
- Menjadi ahli Institut Integriti Malaysia dan ahli korporat International Corporate Governance Network (ICGN) dan Asian Corporate Governance Association (ACGA)
- Memperkenalkan Buku Kod Etika dan Panduan Kelakuan Pekerja dan memperkenalkan Polisi Tiada Hadiah

PENCAPAIAN TAHUN 2007 - 2016

PEMBELAJARAN & PEMBANGUNAN

- Mengambil bahagian dalam Pameran Kerjaya Graduan UKEC
- Menganjurkan Pesta Sukan Kementerian Kewangan (PSKK) bersama Suruhanjaya Sekuriti untuk Kementerian Kewangan dan agensi-agensi dibawahnya
- Menubuhkan Program Kepimpinan Perniagaan dengan kerjasama ICLF
- Mengambil bahagian sebagai penceramah di seminar dan persidangan peringkat industri seperti di ceramah Institut Penyelidikan Khazanah, Forum *Mobility* oleh Computerworld Malaysia, *BMS-GenCorp Careers Advice Evening (UK)*, *CIO Summit Malaysia 2015* dan Seminar Perancangan Kewangan
- Mengambil bahagian dalam Misi Bantuan Banjir Kementerian Kewangan di Pantai Timur 2015 sebagai inisiatif TSK

2016
TAHUN

PIHAK BERKEPENTINGAN

- KWAP telah menyemak semula visi, misi dan nilai-nilai korporat untuk mencerminkan peranan semasa KWAP selepas pengambilalihan operasi pencen dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada Disember 2015
- Menganjurkan Program Perancangan Kewangan untuk pesara dengan kerjasama Unit Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) JPA untuk meningkatkan kesedaran mengenai perancangan persaraan dan telah menarik lebih daripada 2,000 peserta
- KWAP menghasilkan Polisi Pelaburan ESG Peringkat Korporat untuk menyokong aplikasi ESG
- Menyiapkan tiga (3) perpindahan pejabat KWAP di Kuala Lumpur, Cyberjaya dan UK

- Berjaya menganjurkan Forum Ekuiti Persendirian di Kuala Lumpur dan Simposium Pelaburan PEUK di London
- Penglibatan dengan kakitangan sumber manusia di agensi-agensi mengenai perkara melibatkan pencen
- Penglibatan dengan persatuan pencen seperti Kelab Pesara Kerajaan 1Malaysia (KUPEKMAS), Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia (PPKM) dan Persatuan Pesara Bekas Polis Sabah

KEWANGAN

- Memulakan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) sepenuhnya dengan perubahan yang dibuat seperti berikut:
 - (1) Pengolahan dan klasifikasi instrumen kewangan; dan
 - (2) Penyata kewangan dan seluruh SOP yang merangkumi proses dan prosedur yang mengikut piawaian MFRS.
- Mencapai penjimatan kos melebihi 10% untuk dua (2) perpindahan pejabat KWAP - Kuala Lumpur dan Cyberjaya

OPERASI

Perkhidmatan Persaraan

- Mencapai 93.8% daripada Perjanjian Tahap Perkhidmatan, melebihi 90% dari yang ditetapkan didalam Perjanjian Agensi.

Pelaburan

- Kajian yang dijalankan ke atas Alokasi Aset Strategik (SAA) untuk memastikan KWAP mencapai pelan pelaburan strategik dalam jangka masa panjang
- Membeli harta tanah domestik kedua - CapSquare, Kuala Lumpur
- Menyiapkan pembangunan kemudahan bidang logistik di Erskine Park, Sydney
- Pelupusan harta tanah antarabangsa pertama di Wood Street, London
- Melabur dalam bidang teknologi, Uber dan DAG Ventures

Inisiatif Pelaburan Patuh Syariah

- Menyemak semula dan menambahbaik Polisi Pelaburan dan Garis Panduan Sukuk Global
- Melantik pengurus dana luaran untuk mengurus mandat ekuiti domestik syariah

Kecemerlangan Operasi

- Melancarkan sistem ekuiti persendirian dan sistem sumber manusia
- Memulakan kerja-kerja persediaan bagi Projek IFIMS


Pengurusan/Kawalan Risiko

- Melaksanakan Profil Risiko Korporat KWAP
- Program Kesedaran Penyelewengan dijalankan
- Program Pencegahan Kebocoran Data dilaksanakan

PEMBELAJARAN & PEMBANGUNAN


- Mengambil bahagian dalam Pameran Kerjaya Graduan UKEC
- Melaksanakan Program Kepimpinan Perniagaan untuk tenaga kerja terpilih bagi menyokong pembangunan kerjaya pengurusan pertengahan
- Memperkenalkan *KWAP Experiential Learning Program (KELP)* untuk memudahkan pemindahan pengetahuan di Jabatan Perkhidmatan Persaraan
- Pengurusan Kanan KWAP mengambil bahagian sebagai penceramah persidangan dan di peringkat industri
- Pejabat baharu yang direka bentuk dan berkONSEP menggalakkan kerjasama, persekitaran kerja yang kondusif dan bersemangat yang menyokong amalan mesra alam sekitar

TAHUN 2016 SEPINTAS LALU




3.86%

KADAR PULANGAN
PERAKAUNAN



5.35%

PENDAPATAN
PELABURAN KASAR



4.60%

KADAR PULANGAN
BERWAJARAN MASA

PENDAPATAN PELABURAN KASAR

RM6.36
BILION


JUMLAH DANA

RM125.00
BILION

SUMBER DANA


PENDAPATAN PELABURAN KASAR

RM6.36
BILION




CARUMAN MAJIKAN

RM2.95
BILION



CARUMAN KERAJAAN PERSEKUTUAN



RM0.40
BILION



TAHUN 2016 SEPINTAS LALU

PULANGAN ATAS PELABURAN MENGIKUT PECAHAN KELAS ASET

DOMESTIK



RINGKASAN KEPUTUSAN KEWANGAN 5 TAHUN

	2012 (1 Jan-31 Dis)	2013 (1 Jan-31 Dis)	2014 (1 Jan-31 Dis)	2015 (1 Jan-31 Dis)	2016 (1 Jan-31 Dis)	Purata 2012-2016
Saiz Dana Pada Nilai Kos (RM Bilion)	88.73	99.92	109.43	116.70	125.00	
Peningkatan Tahunan (%)	12	13	10	7	7	9.70%
Pendapatan dan Perbelanjaan (RM)						
Pendapatan Kasar Pelaburan (Bilion)	5.75	6.66	6.47	6.43	6.36	6.33
Perbelanjaan Mengurus (Juta)	62.82	94.98	120.91	193.62	271.63	148.79
Pendapatan Bersih Pelaburan (Bilion)	5.69	6.57	4.84	4.36	4.83	5.26
Pendapatan dan Perbelanjaan (%)						
Pulangan Atas Pelaburan Kasar (ROI Kasar)	6.84	7.05	6.15	5.41	5.35	6.16%
Kadar Pulangan Perakaunan (ROI Bersih)	6.79	6.97	4.58	3.26	3.86	5.10%
Nisbah Perbelanjaan Operasi Berbanding Pendapatan Kasar	1.09	1.42	1.87	3.01	4.27	2.33%
Nisbah Perbelanjaan Operasi Berbanding Purata Dana	0.08	0.10	0.12	0.16	0.22	0.14%
Pulangan dan Risiko (%)						
Kadar Pulangan Berwajaran Masa	8.63	10.03	4.03	5.39	4.60	NA
Volatiliti	2.86	3.15	2.38	3.14	2.16	NA
Caruman (RM Bilion)						
Caruman Bersih Majikan	2.67	2.70	2.87	2.78	2.95	
Caruman Kerajaan Persekutuan	1.50	1.50	1.50	0.50	0.40	
Komposisi Portfolio Pelaburan Pada Nilai Kos (RM Bilion)						
Domestik						
Ekuiti	27.37	29.00	35.85	39.06	45.73	
Pinjaman dan Sekuriti Hutang Persendirian	25.72	28.63	28.78	31.40	29.11	
Sekuriti Hutang Kerajaan	22.01	25.55	29.49	29.43	32.86	
Deposit Pasaran Wang	7.80	7.16	5.01	5.91	6.70	
Ekuiti Persendirian	0.43	0.44	0.52	0.12	0.11	
Hartanah	0.00	0.00	0.00	1.21	1.81	
Antarabangsa						
Ekuiti	1.89	2.96	4.16	5.40	6.87	
Pendapatan Tetap	1.54	1.66	2.47	2.51	2.56	
Ekuiti Persendirian	0.24	0.37	0.67	1.14	1.64	
Hartanah	2.00	4.07	3.71	3.92	2.56	
Pengurusan Dana						
Pengurusan Dana Dalaman (%)	93.09	89.85	89.56	87.50	88.34	
Pengurusan Dana Luaran (%)	6.91	10.15	10.44	12.50	11.66	
Bilangan Majikan Mencarum	613	505	503	498	513	
Bilangan Ahli	145,855	160,560	171,528	177,757	186,511	
Bilangan Kakitangan KWAP**	175	207	255	529	592	
Pendapatan Setiap Kakitangan (RM Juta)	32.87	32.29	25.37	12.16	10.74	

** HQ = 306; PeSD = 286

PERUTUSAN PENGERUSI

TAN SRI DR. MOHD IRWAN SERIGAR

ABDULLAH

Pengerusi



“

Ekonomi Malaysia terus mencatat pertumbuhan yang baik pada 2016, disokong oleh permintaan perbelanjaan dalam negeri yang berdaya tahan.

”

PENGENALAN

Ekonomi Malaysia terus mencatat pertumbuhan yang baik pada 2016, disokong oleh permintaan perbelanjaan dalam negeri yang berdaya tahan. Walaupun pertumbuhan global perlamban dan harga minyak global jatuh, ekonomi Malaysia terus mendapat manfaat menerusi pelbagai langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan. Pengurangan caruman berkanun pekerja dari 11% ke 8% bagi pekerja di bawah umur 60 bermula dari Mac 2016 sehingga Disember 2017, ditambah pula dengan program pemberian tunai kerajaan seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) juga memberi sokongan yang amat diperlukan terhadap pihak yang disasarkan, bagi meningkatkan perbelanjaan pengguna.

Sementara itu, KDNK global dianggar mencatatkan pertumbuhan yang lebih baik iaitu melebihi kadar 3% pada 2016, yang juga merupakan tahun ketujuh berturut-turut di mana kadar pertumbuhan adalah di sekitar 3%. Walau bagaimanapun, anggaran 3.1% untuk tahun 2016 juga adalah kadar pertumbuhan yang direkodkan paling perlamban selepas krisis kewangan tahun 2008, terutamanya disebabkan ketidaaan tinjauan makro yang kukuh di ekonomi global.

PERUTUSAN PENGERUSI

Malaysia dijangka mencatat pertumbuhan KDNK sebanyak 4% hingga 5% pada tahun 2017 didorong oleh harga komoditi yang stabil dan peningkatan dalam pertumbuhan global.

Dari sudut geopolitik, terdapat perubahan stratosfera dalam landskap politik tahun 2016, antaranya pilihan UK untuk meninggalkan Kesatuan Eropah dan kejutan kemenangan Donald Trump dalam pilihan raya AS. Kemenangan ini menimbulkan kebimbangan serius terhadap kesan dasar perlindungan beliau kepada perdagangan global. Disember menyaksikan Rizab Persekutuan AS meningkatkan sasaran kadar faedah jangka pendeknya sebanyak 25 mata asas. Di masa akan datang, Rizab AS dijangka semakin agresif dan juga perbezaan yang semakin ketara antara dasar kewangan Eropah dan Amerika Syarikat.

Peristiwa-peristiwa ini mencerminkan persekitaran pasaran yang tidak menentu oleh kerana pemuliharan global masih bergantung kepada pasaran kewangan, terdapat kebimbangan bahawa kejutan global boleh menyebabkan kelembapan pertumbuhan.


Percanggahan pasaran kewangan berterusan dengan FBM KLCI mencatatkan penurunan untuk tiga tahun berturut-turut. Secara keseluruhan, FBM KLCI jatuh 3% tahun lalu, berikutan aliran keluar modal dari pasaran baharu muncul disebabkan oleh jangkaan kadar faedah AS yang lebih tinggi dan pasaran mata wang yang tidak menentu.

MELANGKAH KE HADAPAN

Melangkah ke hadapan, ekonomi global dijangka bergerak agak stabil, berdasarkan kepada peningkatan dalam data perdagangan serantau baru-baru ini. Penstabilan harga komoditi, iaitu minyak mentah, juga akan meningkatkan sentimen keseluruhan pasaran global. Aliran pasaran ekuiti dilihat lebih kukuh dan mantap seperti yang ditunjukkan oleh indeks terpilih utama yang telah menunjukkan tahap tertinggi baru. Tahap keyakinan yang tinggi boleh melimpah kepada indeks serantau termasuk Malaysia. Walau bagaimanapun, kekecohan politik dari Barat boleh menjelaskan prospek pertumbuhan, terutamanya dengan pilihan raya yang bakal tiba di Perancis dan Jerman.

Malaysia dijangka mencatat pertumbuhan KDNK sebanyak 4% hingga 5% pada tahun 2017 didorong oleh harga komoditi yang stabil dan peningkatan dalam pertumbuhan global. Peluang pekerjaan yang stabil,

Alokasi Aset Strategik



langkah-langkah sokongan pendapatan kerajaan dan pengurangan dalam kadar dasar semalam baru-baru ini melahirkan persekitaran kondusif untuk penggunaan swasta.

Asas eksport yang pelbagai di Malaysia, terutamanya sektor pembuatan, dijangka menyokong perdagangan luar. Dari segi mata wang, langkah-langkah Bank Negara untuk mengekang perdagangan ringgit di pasaran luar pesisir dapat membantu untuk menyerap sebarang kejutan ekonomi tidak wajar.

PRESTASI KEWANGAN

Saya gembira untuk menyatakan bahawa walaupun keadaan pasaran mencabar, KWAP terus menunjukkan prestasi kewangan yang konsisten dan berdaya tahan. KWAP mencapai pulangan kasar ke atas pelaburan (ROI) sebanyak 5.35%, melebihi pertumbuhan KDNK negara sebanyak 4.20%. Ini adalah satu pencapaian yang layak diketengahkan kerana walaupun suasana pelaburan dan ekonomi yang kurang memberangsangkan pada 2016, di peringkat global dan domestik, KWAP masih dapat menyampaikan sasaran ROI minimum melebihi 5%.

Gabungan caruman pencen majikan dan syer kerajaan persekutuan yang diterima berjumlah RM3.35 bilion tahun lalu, membawa kepada peningkatan saiz dana KWAP sebanyak 7% lagi pada 2016 kepada RM125.00 bilion pada 31 Disember 2016 berbanding RM116.70 bilion pada tahun sebelumnya.

Pujian yang saya dapat berikan ialah sejak 10 tahun yang lalu, KWAP telah berjaya mencatat pertumbuhan purata 11.2% setiap tahun, dengan pendapatan pelaburan sebagai penyumbang utama pertumbuhan asetnya.

PERUTUSAN PENGERUSI

SEMAKAN SEMULA ALOKASI ASET

Dengan kelulusan yang diberikan oleh Lembaga dan Panel Pelaburan untuk semakan semula Selera Risiko, Alokasi Aset Strategik (SAA), dan Alokasi Aset Taktikal (TAA) KWAP, orientasi pertumbuhan lebih tinggi telah ditetapkan, selaras dengan strategi pelaburan utama untuk meningkatkan jumlah pulangan serta sasaran pendapatan dana KWAP. Alokasi disyorkan ialah sebanyak 40% bagi Ekuiti, 46% bagi Pendapatan Tetap, dan 14% dalam Pelaburan Alternatif, dapat membantu KWAP untuk mengurangkan risiko dalam persekitaran hasil pulangan yang rendah dan ketidaktentuan yang tinggi dalam pasaran global semasa.

ALAM SEKITAR, SOSIAL DAN TADBIR URUS

Melalui pendekatan amalan yang baik bagi alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG), organisasi boleh meningkatkan prospek prestasi pelaburan mereka, dan tahun 2016 menyaksikan KWAP mengambil satu lagi langkah ke arah ini. Bertujuan untuk membolehkan KWAP memenuhi tanggungjawab kepada semua pihak berkepentingan, dan menghasilkan prestasi pelaburan yang berterusan, di samping menggalakkan amalan ESG baik dalam pasaran modal dan semua syarikat dalam rantaian nilai KWAP, integrasi ESG telah tertanam dalam operasi pelaburan dan perniagaan melalui Garis Panduan ESG Tahap Korporat, Garis Panduan Pelaburan, dan Kaedah Penyelidikan berasaskan ESG. Langkah yang diambil ke arah kemajuan dalam ekosistem ESG adalah bukti komitmen KWAP terhadap amalan ini.

PERPINDAHAN PEJABAT

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada KWAP atas kejayaan perpindahan tiga pejabatnya iaitu, pejabat utama, dari Menara Yayasan Tun Razak ke Menara Integra, yang menandakan kemasukan pertama KWAP dalam hartaan domestik, pejabat Jabatan Perkhidmatan Persaraan ke MKN Embassy Techzone di Cyberjaya yang berfungsi sebagai pusat perkhidmatan yang lebih kondusif bagi pesara. Pejabat Prima Ekuiti juga telah berpindah ke ruang yang lebih besar.


PENUTUP

Bagi pihak Lembaga, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak berkepentingan kami atas sokongan mereka yang tidak berbelah bahagi selama ini. Dalam keadaan pasaran global yang mencabar ini, kita telah mengharungi pelbagai kesukaran bersama, dan masih berjaya mencapai satu lagi prestasi terpuji. Pencapaian ini tidak dapat dibuat secara individu, tetapi telah dikecapi dengan pimpinan Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, Dato' Wan Kamaruzaman, disokong pihak pengurusan, serta dedikasi dan kebertanggungjawaban terhadap tugas semua tenaga kerja KWAP.

2016 juga menyaksikan beberapa Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan mengucapkan selamat tinggal, setelah bertahun memberikan komitmen kepada KWAP. Ahli Lembaga kami, Datuk Muhammad bin Ibrahim, yang telah berkhidmat dengan KWAP sejak penubuhannya telah mengorak langkah lebih jauh lagi dalam kerjayanya dengan pelantikan sebagai Gabenor baharu Bank Negara Malaysia. Ucapan tahniah yang tulus ikhlas diucapkan kepada beliau, dan Datuk Yeow Chin Kiong yang telah bersara dan menamatkan tempoh perkhidmatan beliau di KWAP. Encik Cheah Tek Kuang, yang juga telah menjadi sebahagian daripada KWAP sejak ia ditubuhkan hampir sedekad lalu, serta Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir, telah tamat tempoh jawatan mereka sebagai anggota Panel Pelaburan kami. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka diatas segala nasihat, pandangan yang tidak ternilai, kebijaksanaan dalam pelaburan, serta dedikasi kepada tugas sepanjang tempoh perkhidmatan mereka di KWAP.

Walaupun tahun 2016 telah berlalu dengan pelbagai cabaran, saya percaya bahawa usaha untuk terus tabah, maju dan berkembang akan dilakukan bersama. Strategi kepelbagaiannya dalam pelaburan, perancangan usaha niaga geografi, serta perancangan strategik seluruh organisasi pasti akan melonjakkan KWAP ke tahap lebih tinggi. Tahun 2017 akan melihat kewujudan KWAP selama satu dekad, dan ianya lebih bermakna dengan sambutan ulang tahunnya yang ke-10. Saya mengalu-alukan kedatangan dan kemeriahan tahun 2017 di KWAP.

KWAP mencapai pulangan kasar ke atas Pelaburan (ROI) sebanyak 5.35%, mengatasi pertumbuhan KDNK negara sebanyak 4.20%



Sejak 10 tahun yang lalu, KWAP telah berjaya mencatat pertumbuhan purata 11.2% setiap tahun, dengan pendapatan pelaburan yang menjadi penyumbang utama pertumbuhan asetnya

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

DATO' WAN KAMARUZAMAN

BIN WAN AHMAD

Ketua Pegawai Eksekutif



“

Dalam keadaan yang bergolak, tahun 2016 adalah tahun yang bersejarah, kerana pelbagai peristiwa yang berlaku mempunyai kesan yang mendalam terhadap pasaran global yang boleh membentuk semula masa depan.

”

PENGENALAN

Dalam keadaan yang bergolak, tahun 2016 adalah tahun yang bersejarah, kerana pelbagai peristiwa yang berlaku mempunyai kesan yang mendalam terhadap pasaran global yang boleh membentuk semula masa depan. Ekonomi dunia telah bergoyah berikutan keputusan Britain untuk meninggalkan Kesatuan Eropah (EU) dan kemenangan mengejut Trump dalam pilihan raya Presiden Amerika Syarikat. Peristiwa-peristiwa geopolitik tersebut adalah punca utama yang menyumbang kepada lebih banyak ketidaktentuan dan kebingungan pasaran global.

Malah, tahap ketidakpastian terhadap prospek global telah menyebabkan Rizab Persekutuan AS menaikkan semula kadar faedah yang dijangka. Sementara itu di Asia, tahap ekonomi China sekali lagi menimbulkan kerisauan dan menyumbang kepada persekitaran perdagangan yang lebih berhati-hati kerana keimbangan baharu terhadap kelembapan ekonomi China, turut menggemparkan seluruh pasaran global. Semua peristiwa ini menyebabkan sentimen pasaran kekal sepi untuk jangka masa lama tanpa arah tujuan yang jelas.

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Dalam ruang komoditi, harga minyak mentah akhirnya berada di julat dagangan yang lebih baik selepas ketidaktentuan sepanjang tahun. Walaupun diketahui bahawa harga minyak secara semula jadinya adalah tidak menentu, harga emas hitam tahun lepas melepassi trend sejarah tersendiri, sekaligus menyebabkan anjakan negatif dalam sentimen. Permulaan 2016 menyaksikan harga minyak mentah Brent jatuh ke paras terendah dalam 13 tahun pada USD28 setong sehingga keimbangan pasaran global ke atas bekalan lebihan dipergiatkan. Walau bagaimanapun, harga minyak beransur pulih kerana keyakinan bahawa langkah OPEC untuk mengehadkan pengeluaran dan membantu memperbetulkan pergerakan harga. Oleh itu, harga minyak meningkat semula dengan harga di akhir tahun menjadi USD 56 setong. Penstabilan harga minyak global petanda baik untuk negara kita, kerana minyak mengemudi hasil Kerajaan.

Pasaran mata wang juga tidak terkecuali. Tiada mata wang lain yang jatuh lebih teruk daripada Pound Sterling. Sterling jatuh ke paras terendah dalam jangkamasa 31 tahun berbanding dolar AS berikutan keputusan Britain untuk meninggalkan EU. Jangkaan kadar faedah AS yang lebih tinggi menurunkan lagi kadar Sterling. Sebaliknya, indeks FTSE 100 merekodkan lonjakan, apabila pasaran penilaian UK yang menarik telah menggalakkan pelabur antarabangsa untuk memihak kepada saham UK tersenarai dan aset lain. Sebaliknya, kekuatan dolar AS menyebabkan banyak mata wang pasaran baharu, termasuk Ringgit, merekodkan kadar yang lemah.

MELANGKAH KE HADAPAN

Politik dunia dijangka mencatat banyak peristiwa penting pada tahun 2017 dengan jadual pilihan raya yang sibuk terutama di Eropah dan hasil ketidaktentuan atau pengumuman dasar yang terhasil di Amerika Syarikat, boleh menentukan bagaimana kedua-dua ekonomi global dan pasaran kewangan dilaksanakan.

KWAP terus mengatasi penanda aras dan had prestasi yang lain tanpa menjelaskan tumpuannya terhadap perkembangan dan mematuhi amalan pelaburan yang bertanggungjawab dan mampu

Melihat ke masa hadapan dan tidak kurang pentingnya adalah dasar dari bank-bank pusat utama yang disaksikan oleh peserta pasaran. Ia adalah penting bagi kerajaan dan bank-bank pusat untuk tidak terlalu awal mengambil risiko pertumbuhan global yang baik dan kestabilan pasaran kewangan dengan mentadbir dasar yang boleh merosakkan. Apa-apa rancangan untuk menggalakkan deglobalisasi boleh mengganggu trajektori pertumbuhan yang rapuh dan boleh mendedahkan negara berorientasi eksport, untuk jadi tidak menentu. Malangnya, dengan perlantikan Presiden Amerika Syarikat yang baharu, ancaman deglobalisasi telah menjadi semakin hampir dan pasti berlaku.

PRESTASI KEWANGAN

Sementara itu, buat pertama kalinya, FBM KLCI mencatatkan pulangan negatif untuk tahun ketiga berturut-turut. FBM KLCI merosot sebanyak 3% pada 2016 (2015: -3,90%) kerana pasaran tidak terlindung daripada risiko politik global dan turun naik Ringgit. Sentimen keseluruhan bursa tempatan mengalami kesan buruk disebabkan beberapa faktor termasuk aliran keluar modal dan harga komoditi yang lemah. Walaupun langkah kejutan Bank Negara untuk mengurangkan kadar dasar semalam sebanyak 25 mata asas kepada 3% menyokong pasaran bon domestik, prospek kadar faedah AS yang lebih tinggi mempengaruhi kejatuhan bon global dan pasaran bon domestik juga tidak terkecuali.

Walaupun ketidakpastian pasaran dan prospek pertumbuhan global yang lemah, KWAP terus mengatasi penanda aras dan had prestasi yang lain tanpa menjelaskan tumpuannya terhadap perkembangan dan mematuhi amalan pelaburan yang bertanggungjawab dan mampu.

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PRESTASI PELABURAN

Walaupun secara keseluruhannya berhati-hati, KWAP berusaha dan terus memberikan prestasi mampan untuk memenuhi komitmen pihak berkepentingan kami dan terus menjadi pelabur berhemat dan bertanggungjawab. Saiz dana KWAP meningkat sebanyak 7% lagi bagi tahun 2016 kepada RM125.00 bilion pada 31 Disember 2016 berbanding RM116.70 bilion pada tahun sebelumnya. Dari segi pulangan atas pelaburan, KWAP mencatatkan pendapatan kasar sebanyak RM6.36 bilion, berbanding dengan pencapaian tahun sebelumnya sebanyak RM6.43 bilion. Dari segi peratusan, pulangan atas pelaburan kasar keseluruhan yang dicapai adalah 5.35%, berbanding dengan pulangan atas pelaburan tahun 2015 sebanyak 5.41%. Walaupun lebih rendah daripada tahun sebelumnya, pulangan atas pelaburan yang dicapai mele过asi pertumbuhan KDNK Malaysia kira-kira 4.20% pada 2016. Pelaburan hartaan antarabangsa memberi pulangan atas pelaburan tertinggi sebanyak 13.59%, manakala pelaburan ekuiti antarabangsa menduduki tempat kedua, dengan 11.80%. Kelas aset lain yang memberi pulangan atas pelaburan antara 2.06% kepada 5.31%. Malah, sepanjang tempoh 9 tahun, KWAP telah berjaya mengekalkan pulangan atas pelaburan kasar purata tidak kurang daripada 6% setiap tahun. Mencapai pertumbuhan aset yang mampan adalah amat penting bagi KWAP untuk menguruskan liabiliti masa hadapan dengan berkesan.

Pelaburan ekuiti persendirian menambah 3 lagi dana baharu ekuiti persendirian di rantau Amerika Utara, iaitu 2 pembelian semula dan 1 modal usaha niaga dengan komitmen yang diluluskan berjumlah USD120 juta. Dari segi pelaburan langsung, KWAP berjaya menyempurnakan pelaburan dalam Uber dengan modal sebanyak USD30 juta. Ini menandakan langkah berani pertama kami untuk melabur dalam aset bukan tradisional.

Dari segi pelaburan hartaan, KWAP telah menyempurnakan pengambilalihan tanah Changkat Kia Peng, dan Menara AIA CapSquare di mana pakar hartaan telah memilih sebagai salah satu daripada

Saiz dana KWAP meningkat sebanyak 7% pada tahun 2016 kepada RM125.00 bilion pada 31 Disember 2016 berbanding RM116.70 bilion pada tahun sebelumnya

tawaran terbaik tahun 2016. Penjualan bangunan pejabat 18 tingkat di 88 Wood Street, London, United Kingdom (UK) juga telah disempurnakan pada bulan April 2016. Ini menjadikan jumlah harta yang dimiliki dan dimiliki bersama oleh KWAP kepada 14, dengan 8 hartanah di Australia, 2 hartanah di UK dan 4 hartanah di Malaysia.

2016 menyaksikan kemajuan strategi pelaburan KWAP dengan kelulusan semakan semula Selera Risiko KWAP, Alokasi Aset Strategik dan Alokasi Aset Taktikal oleh Lembaga dan Panel Pelaburan. Alokasi yang dipinda mewakili 40% bagi Ekuiti, 46% bagi Pendapatan Tetap dan 14% bagi Pelaburan Alternatif berbanding sasaran SAA sebelumnya sebanyak 36% untuk Ekuiti, 54% untuk Pendapatan Tetap dan 10% untuk Pelaburan Alternatif. Sasaran alokasi aset strategik yang disemak semula mempunyai orientasi pertumbuhan yang lebih tinggi, selaras dengan strategi pelaburan peringkat atas KWAP untuk meningkatkan jumlah pulangan dan pendapatan dana.

PRESTASI OPERASI

Selaras dengan penuhuhan Jabatan Perkhidmatan Persaraan, KWAP telah menyemak semula Visi, Misi dan Nilai-nilai Teras yang inklusif, selaras dengan fungsi baharu KWAP. Dengan Visi baharu iaitu untuk menjadi dana persaraan yang dipercayai serta menyokong pembangunan negara dengan memberikan manfaat yang berkekalan secara inovatif, KWAP meletakkan penekanan kepada peranannya sebagai dana persaraan Malaysia yang dipercayai untuk pesara sektor awam, dan pentadbir dana awam. Di samping itu, kami berhasrat untuk menyediakan faedah persaraan dan menyokong pelan pembangunan dan aktiviti-aktiviti pasaran modal ekonomi negara.

Misi baharu KWAP pula adalah untuk mengoptimumkan pulangan pelaburan dan memberikan perkhidmatan cemerlang dengan menerima pakai amalan terbaik dalam memenuhi komitmen pihak berkepentingan utama. Ia diilhamkan dari matlamat kami untuk memaksimumkan pulangan pelaburan berdasarkan parameter risiko yang ditetapkan, dan menyampaikan perkhidmatan inovatif dan kos efektif. Ini hendaklah dilakukan melalui penanda arasan dan menerima pakai amalan terbaik di seluruh organisasi, yang akhirnya akan membantu Kerajaan dalam memenuhi tanggungjawabnya.

Tahun 2016 menyaksikan dua perpindahan pejabat KWAP di negara ini – perpindahan Jabatan Perkhidmatan Persaraan ke MKN Embassy Techzone di Cyberjaya, pada Mei 2016, dan pejabat utama KWAP dari Menara Yayasan Tun Razak ke bangunan moden dan canggih – Menara Integra, pada bulan Oktober 2016. Selain itu, KWAP juga telah

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

melancarkan pejabat baharu Prima Ekuiti (UK) Limited di United Kingdom pada bulan Disember 2016. Ia masih beroperasi di dalam bangunan yang sama - Berkeley Square House, tetapi ia berpindah ke ruang pejabat baharu yang lebih besar, yang boleh menampung pengembangan masa akan datang.

2016 menyaksikan integrasi ESG ke seluruh rangkaian nilai melalui pelaksanaan rasmi untuk pendekatan ESG secara holistik dalam amalan pelaburan, operasi dan pentadbiran dan pengurusan pencen yang telah dilakukan oleh pembentukan Garis Panduan ESG Peringkat Korporat KWAP, Garis Panduan Pelaburan, dan Metodologi Penyelidikan Berasaskan ESG.

MODAL INSAN

KWAP telah meningkatkan kekuatan modal insan sebanyak 12.5% pada tahun 2016, dengan 66 rekrut baharu, menjadikan jumlah bilangan tenaga kerja kami seramai 592 orang setakat 31 Disember 2016. Penambahbaikan juga dibuat dalam Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia, yang telah menghasilkan sistem yang lebih terperinci, bersepada dan canggih untuk menampung jumlah tenaga kerja yang semakin berkembang.

FORUM EKUITI PERSENDIRIAN

Tahun lalu, untuk julung kalinya kami menganjurkan acara antarabangsa, Forum Ekuiti Persendirian Malaysia 2016, bertemakan *Private Equity: The Impetus for Growth and Innovation* di mana penceramah dan delegasi dari seluruh dunia berkumpul untuk berkongsi pandangan mereka. Majlis telah dirasmikan oleh Tan Sri Dato' Seri Ranjit Ajit Singh, Pengurus Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Ianya ini telah menerima hampir 500 peserta, melebihi sasaran kami iaitu 300 orang.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)

KWAP terus berusaha untuk menjadi warga korporat yang prihatin dengan menjalankan pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial korporat sepanjang tahun. Pada 2016 KWAP telah memulakan program *KWAP Eco-Green* di Kampung Santubong, Sarawak sebagai projek perintis kepada usaha terhadap alam sekitar, dengan aktiviti seperti menanam pokok, membersihkan jejak mendaki Gunung Santubong, dan mengedarkan Kit Eco Green dan keperluan asas kepada penduduk setempat. Inisiatif *KWAP Eco-Green* akan diperluaskan lagi ke negeri-negeri lain di Malaysia.

PERJALANAN SEDEKAD

Tahun 2017 juga bakal menandakan satu lagi pencapaian penting bagi KWAP, kerana ia menandakan tahun kesepuluh sebagai organisasi sejak ditubuhkan.

KWAP ditubuhkan pada tahun 2007 dengan saiz dana sebanyak RM41.94 bilion. Dana meningkat dengan mantap pada kadar RM10 bilion setiap tahun, dan membawa kepada RM125.00 bilion pada 2016. Banyak pencapaian penting telah diraih dalam tempoh sepuluh tahun ini. Pada tahun 2010, KWAP telah berjaya dalam usaha memasuki pasaran hartanah dan memperoleh harta antarabangsa yang pertama di Melbourne, Australia. 2012 menyaksikan KWAP memasuki berita utama antarabangsa, kerana berjaya melabur RM1.5 bilion dalam produk Sukuk Kekal yang pertama di dunia. Pada tahun yang sama, Prima Ekuiti (UK) Limited telah beroperasi sebagai pemacu pelaburan KWAP bagi pasaran di UK dan Eropah. Penubuhan ini telah menunjukkan prestasi yang baik dengan mencatat pulangan ke atas dana pemegang saham sebanyak 4.42% dalam tahun pertama beroperasi, dan angka itu melonjak kepada 57.25% hanya dalam masa 3 tahun. Pada tahun 2015, KWAP merekodkan satu lagi pencapaian dengan penubuhan Jabatan Perkhidmatan Persaraan, yang membawa KWAP selangkah lebih dekat ke arah menjadi institusi dana persaraan sepenuhnya. KWAP juga memperluaskan penerokaan pelaburan hartanah ke pasaran hartanah domestik dengan pemerolehan Menara Integra, sebuah bangunan bertaraf Platinum LEED Certified yang serba moden dan canggih yang terletak di dalam Segi Tiga Emas Kuala Lumpur.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua di atas dedikasi dan usaha gigih yang berterusan, dalam menjadikan organisasi kami lebih kukuh. Dengan komitmen dan kerja pasukan padu yang ditunjukkan oleh tenaga kerja KWAP, saya percaya kita sama-sama boleh mencapai kejayaan yang lebih hebat pada tahun-tahun akan datang.

KWAP telah meningkatkan kekuatan modal insan sebanyak 12.5% pada tahun 2016, dengan 66 rekrut baharu, menjadikan jumlah bilangan tenaga kerja kami seramai 592 orang pada tahun 2016.



Seksyen

02

TADBIR URUS KORPORAT

023 Penyata Tadbir Urus Korporat

033 Penyata Kawalan Dalaman

034 Pengurusan Risiko dan Pematuhan

048 Ringkasan Amalan Etika

050 Inisiatif Tadbir Urus Korporat

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

“

LEMBAGA

Sejak penubuhannya, kuasa dan tanggungjawab untuk mentadbir dan mengurus Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) telah diberikan kepada Lembaga seperti di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) yang dipinda dalam Akta A1496 atau “Akta”.

”

Selaras dengan tugas utamanya, Tadbir Urus Korporat telah lama terukir sebagai sebahagian daripada nilai-nilai Lembaga KWAP dan sebagai panduan bagi Lembaga melaksanakan tanggungjawabnya mengikut Akta untuk memastikan perlindungan dan peningkatan nilai pihak berkepentingan KWAP dengan menggalakkan dan mengamalkan standard tinggi tadbir urus dengan integriti, ketelusan, dan profesionalisme, yang penting untuk kemajuan dan kejayaan berterusan KWAP ke arah mencapai objektif pihak-pihak berkepentingan.

Lembaga KWAP sentiasa berusaha untuk memastikan amalan KWAP dan hal ehwal perniagaan KWAP menitik beratkan tadbir urus korporat yang baik dan ini terbukti apabila KWAP menjadi salah satu penandatangan Kod Malaysia bagi Institusi Pelabur pada tahun 2015. Di samping itu, KWAP juga telah menggunakan prinsip-prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) seperti yang tertera di dalam Garis Panduan ESG Peringkat Korporat, Garis Panduan ESG bagi Pelaburan dan Kaedah Penyelidikan Berasaskan ESG - yang mana ianya telah diperkenalkan pada tahun 2016.

Menyedari kepentingan kepimpinan melalui teladan, terutamanya berkaitan dengan tadbir urus korporat yang baik, KWAP telah menganjurkan Latihan Tadbir Urus Korporat Strategik untuk ahli Lembaga, Panel Pelaburan dan Pengurusan pada 19 Oktober 2016.

Lembaga juga telah meluluskan semakan semula Visi, Misi, dan Nilai pada bulan Jun 2016 yang antara lain, menerapkan nilai-nilai seperti integriti dan akauntabiliti yang merupakan komponen utama ke arah tadbir urus yang baik.

Bermula pada Julai 2016 sebagai salah satu daripada inisiatif KWAP ke arah menjadi sebuah organisasi yang mesra alam sekitar, semua mesyuarat Lembaga, Panel Pelaburan, dan Jawatankuasa Lembaga KWAP telah dijalankan melalui mesyuarat tanpa kertas. Selain menjimatkan penggunaan kertas, inisiatif itu bertujuan untuk menyediakan kaedah yang cekap dan selamat untuk menyebarkan kertas dan maklumat kepada Lembaga dan Panel Pelaburan.

Komposisi Lembaga

Lembaga KWAP terdiri daripada ahli-ahli yang berpengalaman dan berkemahiran dengan pelbagai latar belakang dari Kerajaan, sektor swasta, Bank Negara Malaysia dan wakil pencarum dimana mereka memainkan peranan penting bagi kejayaan keseluruhan KWAP.

Seperti yang dinyatakan dalam seksyen 6 Akta Kumpulan Wang Persaraan (Akta 662), Lembaga hendaklah dianggotai oleh ahli-ahli berikut yang dilantik oleh Menteri Kewangan:

- (i) seorang Pengurus yang merupakan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan;
- (ii) seorang wakil daripada Bank Negara Malaysia;
- (iii) seorang wakil daripada Kementerian Kewangan;
- (iv) Ketua Pegawai Eksekutif yang merupakan ahli ex-officio;
- (v) tiga orang wakil Kerajaan Malaysia;
- (vi) tiga orang wakil dari sektor swasta yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam perniagaan atau kewangan; dan
- (vii) seorang wakil pencarum yang menyumbang kepada Dana Persaraan selain daripada wakil Kerajaan Malaysia.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Profil ringkas setiap ahli Lembaga dibentangkan di muka surat 149 hingga 154 dalam Laporan Tahunan ini.

Pada tahun 2016, seramai 8 orang Lembaga yang telah tamat tempoh perkhidmatan pada 28 Februari 2016 dan dilantik semula, iaitu:

- (i) YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah - Pengerusi;
- (ii) YBhg. Dato' Muhammad bin Ibrahim;
- (iii) YBhg. Dato' Che Pee bin Samsudin;
- (iv) YBhg. Datuk Yeow Chin Kiong;
- (v) YBhg. Dato' Siow Kim Lun;
- (vi) YBhg. Dato' Azmi bin Abdullah;
- (vii) YBhg. Dato' Dr. Gan Wee Beng; dan
- (viii) YBhg. Datuk Azih bin Muda.

Selanjutnya, 2 orang ahli baharu Lembaga iaitu YBhg. Dato' Siti Zauyah binti Md Desa sebagai wakil daripada Kementerian Kewangan dan YBhg. Datuk Siti Zainab binti Omar sebagai wakil Kerajaan Malaysia, telah dilantik di bawah Seksyen 6 Akta (4)(c) dan 6(4)(e).

Lembaga juga menerima ahli baharu pada tahun 2016 berikutan peletakan jawatan YBhg. Dato' Muhammad bin Ibrahim pada 1 Mei 2016, berikutan pelantikan beliau sebagai Gabenor Bank Negara yang baharu. Beliau telah digantikan oleh Encik Adnan Zaylani bin Mohamad Zahid pada 7 Jun 2016 sebagai wakil Bank Negara Malaysia di bawah peruntukan Seksyen 6 (4) (b) KWAP 2007. YBhg. Dato' Muhammad bin Ibrahim adalah seorang ahli Lembaga KWAP sejak tahun 2007 dan telah memberi sumbangan besar kepada KWAP.

Pada 31 Disember 2016, terdapat satu kekosongan kerusi Lembaga di bawah Seksyen 6 Akta (4)(e) untuk menggantikan YBhg. Datuk Yeow Chin Kiong yang bersara pada 6 November 2016 dan persiapan untuk mengisi kekosongan itu telah dibincangkan bersama Kementerian Kewangan.

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif

Sebagai amalan terbaik di KWAP, peranan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah diasingkan.

Pengerusi KWAP bertanggungjawab terutamanya dalam memastikan keberkesanan dan tatacara Lembaga manakala Ketua Pegawai Eksekutif dilantik oleh Lembaga dengan kebenaran Menteri Kewangan, bertanggungjawab bagi keseluruhan operasi perniagaan dan pelaksanaan dasar dan keputusan yang dibuat oleh Lembaga dan keputusan pelaburan yang dibuat oleh Panel Pelaburan selaras dengan Akta. Ketua Pegawai Eksekutif dibantu oleh Pengurusan dalam menjalankan pentadbiran harian dan kawalan pentadbiran tenaga kerja KWAP. Ketua Pegawai Eksekutif juga merupakan ahli ex-officio Lembaga.

Tanggungjawab dan Akauntabiliti Lembaga

Di bawah Seksyen 6 Akta 662, Lembaga Pengarah dipertanggungjawabkan pada urusan pentadbiran dan pengurusan KWAP. Penubuhan Lembaga adalah untuk mentadbir, menetapkan hala tuju strategik dan menyelia pengurusan KWAP dengan memberi tumpuan kepada perlindungan dan meningkatkan kepentingan pencarum dan pihak yang berkepentingan.

Sejajar dengan tanggungjawab berkanun dan sebagai sebahagian daripada fungsi-fungsinya, Lembaga merumus dan menentukan pentadbiran dan pengurusan polisi dan prosedur dalam memastikan KWAP untuk mencapai objektif dengan kejayaan dan kecemerlangan.

Lembaga melaksanakan beberapa tugas khusus seperti mengawal selia perjalanan operasi, mengenal pasti risiko-risiko utama dan memastikan pelaksanaan sistem yang sesuai untuk mengurus risiko berkaitan dan juga mengkaji kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman seperti yang diperincikan dalam Akta dan Piagam Lembaga.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

KOMPONEN LEMBAGA YANG BERKESAN

Menstruktur Lembaga berprestasi tinggi	<ul style="list-style-type: none"> Menstruktur Lembaga untuk memadankan keperluan organisasi Mentakrifkan peranan jawatankuasa, struktur dan komposisi untuk melengkapkan keperluan Lembaga Memilih dan mencalon Ahli Lembaga menggunakan proses berdisiplin Menilai Lembaga secara keseluruhan dan setiap Ahli Lembaga secara berkala
Memastikan Operasi dan Interaksi Lembaga yang Berkesan	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan tiap-tiap mesyuarat Lembaga yang produktif Memastikan kualiti dan ketepatan masa semua maklumat Lembaga Membina kepercayaan melalui interaksi Lembaga yang positif dan komunikasi terbuka dalam Lembaga serta pihak pengurusan
Memenuhi peranan dan tanggungjawab atas Lembaga	<ul style="list-style-type: none"> Menyumbang kepada membangunkan strategi korporat dan penetapan matlamat Mengekalkan pendekatan pengurusan prestasi korporat yang kukuh Menyelia pembangunan pemimpin masa hadapan dan modal insan organisasi Memahami dan menguruskan risiko organisasi Guna pakai perspektif pihak berkepentingan apabila membuat keputusan Mengimbangi kepentingan pemegang kepentingan yang sah

Mesyuarat Lembaga

Mesyuarat Lembaga ditetapkan lebih awal pada setiap tahun, manakala Mesyuarat Khas Lembaga hanya diadakan bila perlu bagi membincangkan perkara-perkara yang memerlukan keputusan segera.

Ahli-ahli Lembaga disediakan dengan agenda dan kertas mesyuarat yang mengandungi maklumat yang relevan tentang perkara-perkara yang akan dibincangkan dalam mesyuarat terlebih dahulu untuk penelitian mereka. Pada setiap mesyuarat, Setiausaha akan memastikan bahawa kuorum lengkap pada permulaan mesyuarat supaya dapat membentuk mesyuarat yang sah.

Sepanjang tahun kewangan 2016, 10 mesyuarat Lembaga telah diadakan.

Ringkasan kehadiran Ahli Lembaga adalah seperti berikut:

BIL	NAMA	KEHADIRAN
1.	YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah <i>Pengerusi</i>	10/10
2.	YBhg. Dato' Che Pee bin Samsudin	9/10
3.	YBhg. Dato' Siti Zauyah binti Md Desa (*Dilantik pada 1 Mac 2016)	3/8*
4.	YBhg. Datuk Siti Zainab binti Omar (*Dilantik pada 1 Mac 2016)	7/8*
5.	YBhg. Datuk Yeow Chin Kiong (*Bersara pada 6 November 2016)	6/8*
6.	YBhg. Dato' Muhammad bin Ibrahim (*Meletak jawatan pada 1 Mei 2016)	4/4*
7.	YBhg. Dato' Siow Kim Lun	10/10
8.	YBhg. Dato' Azmi bin Abdullah	10/10
9.	YBhg. Dato' Dr. Gan Wee Beng	10/10
10.	YBhg. Datuk Azhiz bin Muda	7/10
11.	YBhg. Dato' Wan Kamaruzaman bin Wan Ahmad	10/10

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Antara aktiviti-aktiviti utama Lembaga bagi tahun 2016 adalah seperti berikut, iaitu dalam bidang kuasa seperti dinyatakan pada Seksyen 12 (1) Akta 662:

BIL	BIDANG TANGGUNGJAWAB LEMBAGA DAN AKAUNTABILITI SEPERTI YANG DIPERUNTUKKAN OLEH AKTA	TUGAS/AKTIVITI LEMBAGA BAGI TAHUN 2016
1.	Mewujudkan prosedur berkenaan dengan hal-hal kewangan dan perakaunan, termasuk penyimpanan, penutupan dan pengauditan akaun KWAP dan membangunkan prosedur perakaunan dan kewangan tersendiri	<ul style="list-style-type: none"> • Meluluskan Bajet Perbelanjaan KWAP bagi Tahun Kewangan 2016 • Meluluskan Bajet Tambahan untuk Jabatan Perkhidmatan Persaraan • Meluluskan <i>Malaysian Financial Reporting Standards MFRS9</i>
2.	Menetapkan tanggungjawab tenaga kerja KWAP termasuk perkara-perkara berkenaan saraan, terma dan syarat perkhidmatan, tempoh perkhidmatan dan cuti tenaga kerjanya	<ul style="list-style-type: none"> • Meluluskan Pelantikan Ketua Jabatan Perkhidmatan Persaraan • Meluluskan penambahan jumlah <i>KWAP Young Talent Program 2016</i> • Meluluskan Pelantikan Ketua Jabatan Akaun dan Pengurusan Perkhidmatan KWAP • Meluluskan pembaharuan kontrak Ketua Jabatan Pelaburan Alternatif
3.	Menubuhkan pihak berkuasa tatatertib yang sesuai untuk kelakuan dan disiplin warga kerja KWAP	<ul style="list-style-type: none"> • Nil
4.	Menubuhkan jawatankuasa dan prosedur untuk jawatankuasa tersebut	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada pelantikan jawatankuasa baharu pada tahun 2016
5.	Mengawal selia prosedur dalaman termasuk tatacara prosedur berkaitan operasi	<ul style="list-style-type: none"> • Meluluskan Rangka Kerja Pengurusan Kesinambungan Perniagaan yang telah disemak semula • Meluluskan Dasar Pengurusan Kesinambungan Perniagaan • Meluluskan Dasar dan Garis Panduan Pelaburan KWAP yang telah disemak semula • Meluluskan Peruntukan Alokasi Aset Strategik dan Taktikal KWAP yang telah disemak semula
6.	Menetapkan cara dimana apa-apa dokumen, cek dan instrumen perlu ditandatangani atau disempurnakan bagi pihak KWAP	<ul style="list-style-type: none"> • Meluluskan Cadangan Pemberian Kuasa Wakil Peguam dalam Perkara Berkaitan Tuntutan Cukai untuk KWAP
7.	Menyediakan peruntukan bagi semua perkara berkenaan atau perlu atau wajar untuk memberi kesan kepada dan untuk digunakan bagi menjalankan peruntukan-peruntukan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662)	<ul style="list-style-type: none"> • Pelantikan Perunding dan Pengusaha Wajar Hartanah, Panel Peguambela dan Peguamcara dan Pengurus Dana Luaran

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

PANEL PELABURAN

Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) juga memperuntukkan penubuhan Panel Pelaburan yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara berkaitan pelaburan untuk menentukan hala tuju strategik perkara berkaitan pelaburan. Ia menentukan dan meluluskan dasar pelaburan dan peraturan, dasar pengurusan risiko, alokasi aset dan arah tuju strategik pelaburan.

Komposisi Panel Pelaburan

Panel Pelaburan hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut, seperti yang ditetapkan di dalam Seksyen 7 Akta 662 sebagaimana yang dipinda dalam Akta A1496, iaitu dilantik oleh Menteri Kewangan:

- (i) seorang Pengurus hendaklah menjadi Pengurus Lembaga atau orang lain yang dilantik oleh Menteri Kewangan [Seksyen 7(2)(a)];
- (ii) seorang wakil daripada Kementerian Kewangan [Seksyen 7(2)(c)];
- (iii) Ketua Pegawai Eksekutif KWAP hendaklah menjadi setiausaha [Seksyen 7(2)(d) Akta]; dan
- (iv) Empat individu daripada sektor awam atau swasta yang mempunyai pengalaman dan kepakaran perniagaan, pelaburan, perbankan atau kewangan [Seksyen 7(2)(e)].

Pada tahun 2016, 2 orang ahli Panel Pelaburan yang telah tamat tempoh pada 28 Februari 2016 telah dilantik semula, iaitu:

- (i) YBhg. Dato' Mohammed Azlan bin Hashim – Pengurus; dan
- (ii) YBhg. Datuk Abdul Farid bin Alias.

Seorang lagi anggota Panel Pelaburan iaitu Encik Johari bin Abdul Muid hanya akan tamat tempoh 28 Februari 2018, oleh itu, pada masa ini beliau tidak perlu untuk dilantik semula.

Tempoh seorang lagi ahli Panel Pelaburan iaitu Encik Cheah Tek Kuang tamat pada 28 Februari 2016 di bawah Seksyen 7(2)(e) sebagai wakil daripada sektor awam atau swasta yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang perniagaan, pelaburan, perbankan dan kewangan dan beliau tidak dilantik semula.

Merujuk kepada pindaan Akta 662, di Seksyen 7 (2) (b) dalam Akta, keperluan wakil daripada Bank Negara Malaysia, Cik Che Zakiah binti Che Din telah dipadam dan tidak dilantik semula sebagai ahli Panel Pelaburan.

Dua perubahan ketara yang lain dengan komposisi Panel Pelaburan pada 2016 adalah, pelantikan YBrs. Dr. Yusof bin Ismail yang telah dilantik berkuatkuasa pada 15 Mei 2016 sebagai seorang wakil Kementerian Kewangan menggantikan YBhg. Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir yang telah tamat tempoh dan tidak diperbaharui kerana dilantik sebagai Pengarah baharu Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan. Pelantikan YBrs. Dr. Yusof bin Ismail sebagai wakil Kementerian Kewangan adalah menurut Seksyen 7 (2) (c) Akta tersebut.

Kedua, berkuatkuasa 1 Mei 2016, Encik Mohamed Nazri bin Omar telah dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan untuk mengisi kekosongan itu di bawah Seksyen 7 (2) (e) sebagai wakil daripada sektor awam atau swasta yang mempunyai pengalaman dan kepakaran perniagaan, pelaburan, perbankan dan kewangan.

Profil ringkas setiap ahli Lembaga dibentangkan di muka surat 155 hingga 159 dalam Laporan Tahunan ini.

Tanggungjawab dan Akauntabiliti Panel Pelaburan

Tanggungjawab Panel Pelaburan diberi kuasa oleh Seksyen 7 (1) Akta. Panel Pelaburan bertanggungjawab terutamanya untuk meluluskan, antara lain, hala tuju strategik KWAP berhubung dengan semua perkara berkaitan dengan pelaburan yang merangkumi, dasar pelaburan, garis panduan, alokasi aset strategik serta penentuan pada semua cadangan pelaburan. Dalam melaksanakan fungsinya, Panel Pelaburan hendaklah melaporkan aktivitinya kepada Lembaga dan hendaklah bertindak mengikut dasar am yang dikeluarkan oleh Lembaga dan kemudiannya diluluskan oleh Menteri Kewangan.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Mesyuarat Panel Pelaburan

Dalam tahun kewangan 2016, 12 Mesyuarat Panel Pelaburan dan 2 Mesyuarat khas telah diadakan. Ringkasan kehadiran Ahli Panel Pelaburan adalah seperti berikut:

Kehadiran Mesyuarat Panel Pelaburan:

BIL	NAMA	KEHADIRAN
1.	YBhg. Dato' Mohammed Azlan bin Hashim Pengerusi	13/14
2.	YBhg. Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir (* Terma tamat pada 28 Februari 2016)	2/2*
3.	YBhg. Datuk Abdul Farid bin Alias	9/14
4.	Encik Cheah Tek Kuang (* Terma tamat pada 28 Februari 2016)	2/2
5.	Cik Che Zakiah binti Che Din (* Terma tamat pada 28 Februari 2016)	2/2
6.	Encik Johari bin Abdul Muid	14/14
7.	YBrs. Dr. Yusof bin Ismail (* Dilantik berkuatkuasa 15 Mei 2016)	10/10
8.	Encik Mohamed Nazri bin Omar (* Dilantik berkuatkuasa 1 Mei 2016)	10/10

Dalam keadaan di mana terdapat keputusan segera diperlukan, dan Setiausaha tidak dapat mengadakan mesyuarat, kelulusan boleh diminta melalui edaran kepada semua ahli Panel Pelaburan. Keputusan melalui edaran memerlukan kelulusan sebulat suara yang akan dilaporkan semasa mesyuarat panel seterusnya untuk pengesahan.

Tahun 2016, Panel Pelaburan mempertimbang dan membincangkan 69 cadangan di mana 64 cadangan telah diluluskan termasuk kelulusan melalui edaran.

JAWATANKUASA LEMBAGA

Dalam usaha untuk membantu Lembaga dalam melaksanakan tugas, Lembaga telah menubuhkan pelbagai jawatankuasa untuk memantau perkara-perkara tertentu yang berkaitan dengan operasi KWAP, iaitu Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Lembaga Tender. Semua Jawatankuasa Lembaga mempunyai terma rujukan bertulis yang dikaji semula dari semasa ke semasa bagi memastikan ia relevan dan terkini.

Butiran aktiviti Jawatankuasa Lembaga pada tahun kewangan 2016 adalah seperti berikut.

JAWATANKUASA AUDIT

Jawatankuasa Audit telah ditubuhkan untuk memastikan penubuhan dan penguatkuasaan kawalan dalaman dan sistem di KWAP.

Keahlian

Pada masa ini, Jawatankuasa Audit terdiri daripada 4 orang ahli Lembaga Pengarah, iaitu seorang Pengerusi dan diikuti oleh 3 ahli lain yang dilantik oleh Lembaga Pengarah:

- (i) YBhg. Dato' Azmi bin Abdullah – Ahli
- (ii) YBhg. Dato' Siew Kim Lun – Ahli
- (iii) YBhg. Dato' Dr. Gan Wee Beng – Ahli
- (iv) YBhg. Dato' Che Pee bin Samsuddin – Ahli

YBhg. Dato' Azmi bin Abdullah dan YBhg. Dato' Che Pee bin Samsuddin adalah ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA).

3 mesyuarat Jawatankuasa Audit dan 1 Mesyuarat Jawatankuasa Audit Khas telah diadakan sepanjang tahun 2016.

Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Audit

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit:

- (i) Untuk mencadangkan dan mengkaji peraturan-peraturan kewangan, peraturan perakaunan, dasar dan amalan;
- (ii) Untuk mengkaji dan membincangkan asas dan bidang audit dalaman dan luaran dan memastikan pendekatan selaras antara juruaudit dalaman dan luaran;
- (iii) Untuk mengkaji penyata kewangan KWAP dengan pengurusan dan juruaudit sebelum ia diluluskan oleh Lembaga;
- (iv) Untuk membincangkan masalah dan keraguan yang timbul daripada audit interim dan audit akhir dan sebarang perkara yang juruaudit ingin bincangkan (bila diperlukan semasa ketidaaan pihak pengurusan);
- (v) Untuk mengkaji pemerhatian audit oleh juruaudit luaran dan tindakan susulan pengurusan;

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

- (vi) Untuk mempertimbangkan penemuan utama siasatan dalaman dan tindak balas pengurusan;
- (vii) Untuk mengarahkan sebarang siasatan khas dijalankan oleh juruaudit dalaman dan mengkaji penemuan juruaudit dalaman;
- (viii) Untuk mempertimbangkan sebarang urusniaga pihak berkaitan yang mungkin timbul dalam KWAP;
- (ix) Untuk menyediakan penilaian bebas mengenai kecukupan dan kebolehpercayaan proses pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman dan pematuhan dengan dasar risiko, undang-undang, garis panduan dalaman dan keperluan peraturan;
- (x) Untuk mengkaji perubahan Prosedur Kewangan; dan
- (xi) Untuk mempertimbangkan isu-isu lain seperti yang ditakrifkan oleh Lembaga.

Juruaudit luar KWAP adalah Ketua Audit Negara Malaysia sebagaimana ditentukan oleh Akta Badan-Badan Berkanun (Akuan dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240].

Kehadiran Jawatankuasa Audit:

BIL	NAMA	KEHADIRAN
1.	YBhg. Dato' Azmi bin Abdullah	4/4
2.	YBhg. Dato' Siew Kim Lun	4/4
3.	YBhg. Dato' Dr. Gan Wee Beng	4/4
4.	YBhg. Dato' Che Pee bin Samsuddin	1/4

Ringkasan Aktiviti Jawatankuasa Audit

Antara isu-isu/cadangan utama dibincang dan diluluskan oleh Jawatankuasa Audit adalah:

- Penyata Kewangan KWAP bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2015;
- Laporan Audit Dalaman/Pemerhatian Audit: Sebutharga dan Proses Tender; Keselamatan dan Pengurusan Risiko Kawalan dalam Infrastruktur Pembayaran dan Pencapaian Saluran; Kesediaan untuk Melaksanakan Sistem RENTAS Baharu; Pematuhan kepada Peraturan MyClear, Prosedur dan Manual; Pengurusan

Kesinambungan Perniagaan dan Pemulihan Bencana; Pengurusan Tunai; Pengurusan pinjaman; dan Kawalan Dalaman tentang Urusan Pelaburan;

- Meyumber bersama Laporan Audit Dalaman mengenai Pengurusan Risiko, Pelaburan Alternatif dan Mata Wang Asing Yang Disediakan oleh Tetuan PricewaterhouseCoopers.;
- Status terkini mengenai Rangka Kerja Amalan Profesional Antarabangsa (IPPF) Ulasan Kesediaan Kesesuaian;
- Cadangan Semakan dan Pindaan kepada Piagam Audit Dalaman;
- Kajian Laporan Tahunan Audit Dalaman 2015;
- Rancangan Audit Dalaman bagi tahun kewangan 2016 dan 2017;
- Isu-isu berkaitan pelaksanaan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS); dan
- Ulasan Audit Dalaman dan Isu Audit Belum Dijelaskan daripada pelbagai jabatan di KWAP.

JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO

Jawatankuasa Pengurusan Risiko telah ditubuhkan untuk membantu Lembaga dalam melaksanakan fungsinya berkaitan dengan pengurusan risiko.

Keahlian

Pada masa ini, Jawatankuasa Pengurusan Risiko terdiri daripada 3 orang ahli Lembaga dan 1 ahli Panel Pelaburan yang dilantik oleh Lembaga:

- (i) YBhg. Dato' Muhammad bin Ibrahim – Pengerusi (Meletak jawatan pada 1 Mei 2016)
- (ii) YBhg. Dato' Dr. Gan Wee Beng – Ahli/Pengerusi (Dilantik sebagai pengerusi pada 1 Jun 2016)
- (iii) YBhg. Dato' Siew Kim Lun – Ahli
- (iv) YBhg. Dato' Mohammed Azlan bin Hashim – Ahli
- (v) YBhg. Dato' Kamaruzaman bin Wan Ahmad – Ahli

Empat mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko telah diadakan sepanjang tahun 2016.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan Risiko:

- (i) untuk membentuk dan menjalankan strategi dan dasar pengurusan risiko;
- (ii) untuk menilai dan meluluskan cadangan mengenai polisi pengurusan risiko dan prosedur dalam perniagaan dan risiko kewangan seperti risiko pasaran, risiko kredit, risiko strategik, dan risiko operasi;
- (iii) untuk mengenal pasti keinginan/toleransi/parameter risiko kepada Lembaga untuk diterima pakai;
- (iv) untuk mengukur/menilai dasar-dasar yang sedia ada dan baharu, kawalan dan mencadangkan kepada Lembaga untuk apa-apa perubahan, kelulusan dan penerimaan;
- (v) untuk memastikan kecukupan dasar dan sistem pengurusan risiko dan memastikan takat keberkesanannya;
- (vi) untuk memastikan bahawa infrastruktur, sumber dan sistem yang ada telah tersedia untuk mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko;
- (vii) untuk menetapkan pendedahan risiko KWAP dan aktiviti pengurusan risiko;
- (viii) untuk merumuskan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM);
- (ix) untuk mencadangkan kepada Lembaga untuk apa-apa perubahan kepada Rangka Kerja Pengurusan Risiko; dan
- (x) untuk mempertimbangkan isu-isu berkaitan risiko lain seperti yang ditetapkan oleh Lembaga.

Kehadiran Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko:

BIL	NAMA	KEHADIRAN
1.	YBhg. Dato' Muhammad bin Ibrahim <i>Pengerusi</i> (*Meletak Jawatan berkuatkuasa 1 Mei 2016)	1/1*
2.	YBhg. Dato' Dr. Gan Wee Beng (*Dilantik sebagai Pengerusi berkuatkuasa 1 Jun 2016)	4/4*
3.	YBhg. Dato' Siow Kim Lun	4/4
4.	YBhg. Dato' Mohammed Azlan bin Hashim	4/4
5.	YBhg. Dato' Wan Kamaruzaman bin Wan Ahmad	4/4

Ringkasan Aktiviti Jawatankuasa Pengurusan Risiko:

Antara isu-isu/cadangan utama dibincang dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko adalah:

- Profil Risiko Korporat;
- Tinjauan Risiko;
- Kejadian Risiko Operasi;
- Risiko Pelaburan;
- Rangka Kerja Pengurusan Kesinambungan Perniagaan, Dasar, Pelan Program dan Garis Panduan untuk KWAP;
- Aktiviti Pendedahan dan Lindung Nilai Pertukaran Asing;
- Penyeragaman Garis Panduan Penilaian;
- Garis Panduan Ujian Tekanan Kredit;
- Garis Panduan Belanjawan Risiko Kredit; dan
- Laporan Pematuhan sepanjang tahun 2016.

LEMBAGA IMBUHAN

Jawatankuasa Imbuhan telah ditubuhkan untuk membantu Lembaga dalam melaksanakan fungsinya dengan tanggungjawab utama untuk mewujudkan rangka kerja dasar yang berkenaan dalam menentukan pelantikan dan imbuhan untuk pengurusan dan tenaga kerja KWAP dan mencadangkan kepada Lembaga ganjaran hasil prestasi setiap pekerja.

Keahlian

Jawatankuasa Imbuhan terdiri daripada 3 ahli Lembaga dan 1 ahli Panel Pelaburan, yang telah dilantik oleh Lembaga:

- (i) YBhg. Dato' Siow Kim Lun – Pengerusi
- (ii) YBhg. Dato' Mohammed Azlan bin Hashim – Ahli
- (iii) YBhg. Dato' Azmi bin Abdullah – Ahli
(Dilantik berkuatkuasa 1 Mac 2016)
- (iv) YBhg. Datuk Azih bin Muda – Ahli
(Dilantik berkuatkuasa 1 Mac 2016)
- (v) YBhg. Dato' Kamaruzaman bin Wan Ahmad – Ahli

Tiga Mesyuarat Jawatankuasa Imbuhan telah dijalankan sepanjang tahun 2016.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Imbuhan

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Imbuhan:

- (i) Untuk mencadangkan keperluan minimum kemahiran, pengalaman, kelayakan dan kemahiran utama tenaga kerja;
- (ii) Untuk mencadangkan dan mengkaji terma dan syarat pekerjaan dan perkhidmatan tenaga kerja;
- (iii) Untuk mencadangkan dan mengkaji kod kelakuan dan tatatertib tenaga kerja;
- (iv) Untuk mencadangkan mekanisme bagi penilaian formal atas keberkesanan tenaga kerja;
- (v) Untuk mencadangkan kenaikan pangkat tenaga kerja;
- (vi) Untuk mencadangkan rangka kerja dasar yang relevan dalam menentukan imbuhan (kewangan dan bukan kewangan) tenaga kerja;
- (vii) Untuk mencadangkan struktur perjanjian perkhidmatan/prinsip untuk pekerja termasuk faedah persaraan/penamatian faedah;
- (viii) Untuk mengkaji setiap tahun dan mencadangkan polisi imbuhan keseluruhan untuk pegawai pengurusan utama untuk memastikan ganjaran yang diberikan bersesuaian dengan sumbangan mereka kepada pertumbuhan dan keuntungan KWAP;
- (ix) Untuk mengkaji prestasi pengurusan pada setiap tahun dan mencadangkan pelarasaran khusus imbuhan kepada Lembaga dan/ atau pembayaran ganjaran jika ada, selaras dengan sumbangan mereka bagi tahun tersebut; dan
- (x) Untuk mempertimbangkan isu-isu lain yang ditentukan oleh Lembaga.

Kehadiran Mesyuarat Jawatankuasa Imbuhan:

BIL	NAMA	KEHADIRAN
1.	YBhg. Dato' Siow Kim Lun	3/3
2.	YBhg. Dato' Mohammed Azlan bin Hashim	2/3
3.	Encik Cheah Tek Kuang (*Terma pelantikan tamat berkuatkuasa pada 28 Februari 2016)	1/1*
4.	YBhg. Dato' Azmi bin Abdullah (*Dilantik berkuatkuasa pada 1 Mac 2016)	2/2*
5.	YBhg. Datuk Azih bin Muda (*Dilantik berkuatkuasa pada 1 Mac 2016)	0/2*
6.	YBhg. Dato' Wan Kamaruzaman bin Wan Ahmad	3/3

Ringkasan Aktiviti Jawatankuasa Imbuhan:

Antara isu-isu/cadangan utama dibincang dan diluluskan oleh Jawatankuasa Imbuhan adalah:

- Bayaran Bonus 2015 dan Kenaikan Gaji Tahunan 2016;
- Integrasi Jabatan Perkhidmatan Persaraan ke dalam Struktur KWAP dan Pelantikan Ketua Jabatan Perkhidmatan Persaraan;
- Cadangan bilangan tenaga kerja tambahan untuk *KWAP Young Talent Program 2016/2017*; dan
- Pembaharuan beberapa Kontrak Pekerjaan bagi Ketua Jabatan di KWAP.

LEMBAGA PEROLEHAN

Lembaga Perolehan ditubuhkan untuk membantu Lembaga dalam melaksanakan fungsi berkaitan dengan penilaian cadangan perolehan.

Keahlian

Pada masa kini, Lembaga Perolehan terdiri daripada 5 ahli Lembaga, yang telah dilantik oleh Lembaga:

- (i) YBhg. Dato' Siti Zauyah Md Desa – Pengurus (Dilantik pada 1 Mac 2016)
- (ii) YBhg. Dato' Che Pee bin Samsudin – Ahli (Dilantik pada 1 Mac 2016)
- (iii) YBhg. Datuk Azih bin Muda – Ahli (Dilantik pada 1 Mac 2016)
- (iv) YBhg. Dato' Yeow Chin Kiong – Ahli (Bersara pada 6 November 2016)
- (v) YBhg. Dato' Wan Kamaruzaman bin Wan Ahmad – Ahli

Pada tahun ini, 4 Mesyuarat Lembaga Perolehan dan 1 Mesyuarat Lembaga Perolehan Khas telah diadakan untuk membincang dan mencadangkan kepada Lembaga cadangan perolehan dalam had kuasanya.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Tugas dan Tanggungjawab Lembaga Perolehan

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab Lembaga Perolehan:

- (i) Untuk menilai pendaftaran petender dengan Kementerian Kewangan dan Pusat Khidmat Kontraktor, iklan pelawaan tender, spesifikasi tender, dokumen tender (jika perlu), penyediaan jadual tender oleh Jawatankuasa Pembuka Tender, laporan penilaian teknikal dan kewangan, dan lain-lain;
- (ii) Untuk memastikan bahawa proses perolehan mematuhi semua polisi dan prosedur perolehan;
- (iii) Cadangan teknikal akan dibuka dan dinilai terlebih dahulu diikuti oleh cadangan kewangan;
- (iv) Untuk mempertimbangkan dan mencadangkan pemberian tender yang bermanfaat kepada KWAP, mengambil kira faktor-faktor seperti harga, penggunaan produk dan barang dan/atau perkhidmatan, penghantaran atau tempoh siap, kos penyelenggaraan serta faktor-faktor lain yang berkaitan;
- (v) Untuk memutuskan mengenai proses tender semula atau mencadangkan mana-mana kaedah perolehan lain, jika Lembaga Perolehan mendapati bahawa prosedur perolehan tidak mengikut peraturan-peraturan atau mengesyaki bahawa terdapat penyelewengan dalam proses tender;
- (vi) Untuk mempertimbangkan dan menerima tender yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa dengan sekurang-kurangnya majoriti mudah dan berada dalam had yang diluluskan;
- (vii) Untuk mempertimbangkan dan menerima sebarang sebutharga yang diperakui oleh Jawatankuasa Sebutharga yang melebihi had sebutharga; dan
- (viii) Untuk mempertimbangkan isu-isu perolehan lain sebagaimana yang ditakrifkan oleh Lembaga.

Kehadiran Mesyuarat Lembaga Perolehan:

BIL	NAMA	KEHADIRAN
1.	YBhg. Dato' Siti Zauyah binti Md Desa – Pengerusi (Dilantik pada 1 Mac 2016)	5/5
2.	YBhg. Dato' Che Pee bin Samsudin (Dilantik pada 1 Mac 2016)	2/5
3.	YBhg. Datuk Azih bin Muda (Dilantik pada 1 Mac 2016)	3/5
4.	YBhg. Dato' Yeow Chin Kiong (*Bersara pada 6 November 2016)	4/4
5.	YBhg. Dato' Wan Kamaruzaman bin Wan Ahmad	5/5

PELANTIKAN DAN IMBUHAN AHLI LEMBAGA DAN PANEL PELABURAN

Ahli Lembaga dan Panel Pelaburan dilantik bagi tempoh tidak melebihi 3 tahun, dan setelah tamat tempoh itu layak untuk dilantik semula. Imbuhan ahli Lembaga dan Panel Pelaburan ditentukan dari masa ke semasa, tertakluk kepada kelulusan Menteri Kewangan.

Pada tahun 2016, ahli Lembaga dan Panel Pelaburan menerima imbuhan masing-masing sebanyak RM723,854.99 dan RM447,606.65.

PENYATA KAWALAN DALAMAN

PROSES KAWALAN DALAMAN

Proses kawalan dalaman utama yang diwujudkan untuk mengkaji kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman adalah seperti berikut:

- **Jawatankuasa Audit**

Ia adalah sebuah jawatankuasa di peringkat Lembaga yang ditugaskan untuk memastikan penggubalan, kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman, menyediakan pengawasan, penyata kewangan KWAP serta pelaksanaan tanggungjawab pengurusan. Semua penemuan penting yang dibangkitkan oleh juruaudit dalaman, juruaudit luaran dan pihak ketiga yang dilantik dalam kajian khas dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit untuk kajian dan perbincangan. Jawatankuasa Audit sentiasa mengkaji dan memastikan pelaksanaan pelan tindakan pengurusan untuk menangani penemuan yang dibangkitkan.

- **Jawatankuasa Risiko**

Jawatankuasa Pengurusan Risiko adalah membantu Lembaga dalam melaksanakan fungsi pengurusan risiko serta penggubalan dan pelaksanaan strategi pengurusan risiko dan dasar. Dasar-dasar dan garis panduan ini menjadi asas bagi aktiviti-aktiviti pengurusan risiko di dalam KWAP. Antara cadangan mengenai dasar risiko pengurusan dan prosedur dan menentukan keinginan risiko, toleransi dan parameter kepada Lembaga untuk diterima pakai.

Pada peringkat Pengurusan, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Menyeluruh ditubuhkan untuk membantu Jawatankuasa Pengurusan Risiko dalam membincangkan strategi pengurusan risiko, dasar dan garis panduan sebelum kelulusan. Antara fungsinya adalah untuk mengkaji dan menilai pendedahan risiko KWAP dan membuat keputusan yang bersesuaian dalam kawalan pengurangan risiko. Jawatankuasa Pengurusan Risiko juga bertanggungjawab untuk memastikan ketersediaan infrastruktur, sumber dan sistem bagi pengurusan risiko yang berkesan.

- **Jawatankuasa Eksekutif**

Jawatankuasa Eksekutif (EXCO) bertanggungjawab ke atas pelaksanaan dan penilaian serta komunikasi yang berkesan ke seluruh KWAP mengenai operasi utama dan keputusan pihak pengurusan.

- **Keselamatan Maklumat**

Dasar Keselamatan Maklumat mengandungi domain utama dalam mengurus dan mentadbir keselamatan maklumat. Ini adalah untuk melindungi dan memelihara kerahsiaan, integriti, dan ketersediaan semua maklumat dalam KWAP daripada potensi ancaman, sama ada dalaman atau luaran, dan secara sengaja atau kebetulan, yang boleh memberi kesan kepada perniagaan KWAP.

- **Polisi dan Prosedur Dalam**

Polisi, prosedur dan proses direkodkan dalam manual operasi dan garis panduan disemak secara berkala. Dokumen-dokumen ini digunakan untuk menentukan kepatuhan terhadap sistem kawalan dalaman.

- **Sumber Manusia**

Garis panduan yang baik bagi perekutan dan penamatian perkhidmatan warga kerja, mengelakkan konflik berkepentingan, pengisytiharan harta dan liabiliti, penilaian prestasi setengah tahunan dan tahunan serta program latihan dirangka bagi menjamin kecekapan, keupayaan dan prestasi warga kerja dalam melaksanakan tanggungjawab secara profesional.

- **Penilaian Prestasi**

Pelan perniagaan dan bajet tahunan KWAP disediakan dan dibentangkan kepada Lembaga bagi semakan dan kelulusan. Disamping itu, prestasi sebenar KWAP dibandingkan dengan pelan perniagaan dan bajet yang diluluskan setiap bulan, dan jika mempunyai perbezaan ketara, akan dijelaskan oleh Pengurusan kepada Lembaga.

- **Fungsi Audit Dalam**

Jabatan Audit Dalam KWAP telah melaksanakan tugas audit dalam bidang Pelaburan, Operasi dan Teknologi Maklumat mengikut pelan audit yang diluluskan bagi tahun 2016. Hasil daripada kajian luar dan pertemuan audit dijalankan telah dimasukkan dalam laporan audit. Ia memaparkan keberkesanan keseluruhan sistem kawalan dalaman dan risiko-risiko penting, dan juga tindak balas dan pemulihan tindakan pihak Pengurusan berhubung dengan isu-isu audit, penemuan dan pemerhatian.

Pada tahun yang sama, Jabatan Audit Dalam juga telah melantik Tetuan PricewaterhouseCoopers untuk menjalankan audit secara bekerjasama dengan objektif utama untuk memperkuatkkan pengetahuan Audit Dalam KWAP dalam bidang Pengurusan Risiko, Pelaburan Alternatif, dan mata wang asing.

Di antara tugas-tugas lain yang dijalankan oleh Jabatan Audit Dalam adalah seperti berikut:

- a) Mengambil bahagian dalam latihan Pemulihan Bencana KWAP sebagai pemerhati bebas dan menilai sama ada latihan telah mencapai objektif yang dinyatakan
- b) Ulasan Polisi, Manual dan Piawaian Prosedur Operasi dan menyediakan cadangan audit daripada sistem kawalan dalaman dan proses peningkatan perspektif
- c) Menjalankan audit berkala susulan ke atas isu-isu audit yang tertunggak yang dibangkitkan oleh juruaudit dalaman dan luaran sehingga semua isu telah diselesaikan

PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

PENYATA KEHENDAK RISIKO

Penyata Kehendak Risiko mentakrifkan sikap merangkumi semua Lembaga untuk pengambilan risiko dan bagaimana ia berkaitan dengan harapan pihak berkepentingan. Ia menggariskan, secara meluas, keupayaan organisasi untuk mengambil risiko dalam konteks objektif organisasi dan toleransi risiko.

Adalah penting bagi organisasi kerana ia menentukan tahap komitmen dan sempadan pihak Pengurusan di mana organisasi beroperasi, dan membimbing organisasi dalam membuat keputusan dengan menerapkan kesedaran risiko dan toleransi risiko ke dalam DNA operasi organisasi. Dalam pada, KWAP berusaha untuk menjadi sebuah organisasi berprestasi tinggi, Lembaga memperakui bahawa keperluan pihak berkepentingan, terutamanya kerajaan dan pesara, memerlukan sebuah organisasi yang mengamalkan pengurusan risiko yang berhemat dalam aktiviti pelaburan dan bukan pelaburannya.


PENGURUSAN RISIKO MENYELURUH

GAMBARAN MENYELURUH

KWAP dalam usahanya yang berterusan untuk mencapai Misi dan Visi mengakui bahawa persekitaran perniagaan yang sentiasa berubah membawa kepada pelbagai bentuk ancaman dan peluang. KWAP bertekad melangkah ke hadapan, mengurus ancaman, dan merebut peluang-peluang yang tepat bagi penghasilan nilai dan pemeliharaan modal dalam mana-mana bentuk. Pendekatan pengurusan risiko untuk menyokong inisiatif ini adalah khususnya melalui penggunaan Pengurusan Risiko Menyeluruh (ERM) sebagai strategi teras seluruh organisasi. Pendekatan ini bertujuan untuk mengenal pasti peristiwa yang berpotensi yang boleh menjelaskan entiti dan menguruskan risiko dalam kehendak risiko, sekali gus menyediakan jaminan yang munasabah berkaitan dengan pencapaian objektif organisasi.

STRUKTUR TADBIR URUS PENGURUSAN RISIKO

Struktur Pengawasan Pengurusan Risiko Menyeluruh



PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

Lembaga KWAP bertanggungjawab sepenuhnya di atas pengawasan dan pengurusan risiko KWAP. Lembaga, melalui Jawatankuasa Pengurusan Risiko adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pengawasan risiko di KWAP.

Antara tanggungjawab Pengurusan Risiko dan Pematuhan termasuk mengkaji dan memastikan kecukupan dasar dan prosedur pengurusan risiko, mengkaji pendedahan risiko, dan memastikan infrastruktur, sumber dan sistem untuk mentadbir aktiviti-aktiviti pengurusan risiko berjalan dengan lancar.

Lembaga juga dibantu oleh Jawatankuasa Audit yang bertanggungjawab untuk memberi penilaian bebas terhadap kesempurnaan dan kebolehpercayaan proses pengurusan risiko dan sistem kawalan dalam dan dasar pematuhan risiko dan keperluan peraturan. Ahli Lembaga juga disokong oleh Jawatankuasa Audit yang bertanggungjawab untuk memberi penilaian bebas mengenai kecukupan dan kebolehpercayaan proses-proses pengurusan risiko dan sistem kawalan dalam, dan juga pematuhan kepada dasar risiko dan keperluan pengawalseliaan.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Menyeluruh dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, yang berfungsi sebagai satu platform di mana semua perkara berkaitan risiko, sama ada operasi atau pelaburan dibincangkan dan ditangani. Isu-isu kemudiannya dikemas kini kepada Lembaga Pengurusan Risiko untuk makluman dan keputusan, jika perlu.

Fungsi pengurusan risiko yang bebas dan berdedikasi, iaitu Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan; dan Jabatan Audit Dalam bertanggungjawab memastikan rangka kerja pengurusan risiko dan dasar-dasar yang diluluskan, dilaksanakan dan dipatuhi. Mereka juga bertanggungjawab untuk mengendalikan proses pengurusan risiko dengan unit-unit operasi termasuk mengenalpasti, menilai, mengawal dan memantau.

Di barisan hadapan, unit operasi bertanggungjawab untuk mengenalpasti dan mengurus risiko dalam operasi mereka. Mereka bertanggungjawab untuk memastikan semua aktiviti harian yang dilakukan dalam rangka kerja yang mantap dan mematuhi dasar, prosedur dan had yang diluluskan.

RANGKA KERJA DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO

KWAP mempunyai Rangka Kerja Pengurusan Risiko Menyeluruh yang telah diformalisasikan, di mana ia disokong oleh dasar Pengurusan Risiko Menyeluruh untuk memudahkan pelaksanaan Pengurusan Risiko Menyeluruh. Pendekatan Pengurusan Risiko Menyeluruh adalah sejajar dengan Standard Pengurusan Risiko ISO 31000:2009. Berikut adalah struktur bidang utama Rangka Kerja Pengurusan Risiko Menyeluruh:



PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

Kawasan-kawasan utama dan rangka kerja kecil termasuk Rangka Kerja Pengurusan Risiko Operasi, Risiko Pasaran dan Risiko Kredit. Rangka kerja ini telah dibangunkan secara modular untuk memberi peruntukan saksama bagi pengasingan, kedalaman dan penjelasan risiko utama. KWAP mempunyai fleksibiliti untuk membangunkan rangka kerja kecil baharu bagi menangani risiko-risiko lain.

Risiko-risiko lain di luar kategori risiko menyeluruh (jika ada) ditangani melalui profil risiko korporat. Pengurusan risiko tersebut sering dilaksanakan melalui program-program pengurangan risiko yang kemudiannya disempurnakan dengan sewajarnya di KWAP.

Penambahan terbaru kepada Rangka Kerja Pengurusan Risiko Operasi adalah Rangka Kerja Pengurusan Risiko Reputasi yang dibentuk untuk memastikan pendekatan yang jelas dan berterusan; dan metodologi pengurusan risiko reputasi di KWAP. Pelaksanaan rangka kerja itu hendaklah menyediakan risiko reputasi yang mempunyai keselesaan yang tinggi kepada pihak berkepentingan utama, iaitu Lembaga dan Panel Pelaburan dimana ia haruslah di uruskan dengan betul dan seimbang.

PENGURUSAN RISIKO OPERASI


Risiko operasi adalah risiko kerugian yang timbul daripada proses dalaman yang tidak mencukupi atau gagal, tenaga kerja dan sistem atau kejadian luaran. Melalui Laporan Kejadian Risiko Operasi, KWAP mampu untuk mengesan dan merakam kejadian kehilangan atau kejadian yang hampir terjadi di dalam operasi KWAP. Ia juga berfungsi sebagai saluran bagi mana-mana jabatan berkaitan untuk bekerjasama berusaha ke arah menangani isu-isu risiko yang berkaitan dengan kejadian yang dilaporkan, dibantu oleh Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan.

Pada tahun 2016, tiada Laporan Kejadian Risiko Operasi yang memberi kesan kerugian operasi terhadap KWAP dilaporkan, kerana majoriti kejadian telah diperbetulkan secara tepat pada masanya. Laporan Kejadian Risiko Operasi dilaporkan termasuk dalam kategori peristiwa risiko tersebut:




Dalam menangani risiko operasi yang dilaporkan, langkah-langkah proaktif telah diambil seperti menjalankan kaji selidik ke atas proses-proses utama untuk memasukkan kawalan baharu dengan peranan yang lebih jelas dan bertanggungjawab bagi pihak yang terlibat. Carta berikut menunjukkan bilangan Laporan Kejadian Risiko Operasi 2016:

JUMLAH LAPORAN KAJIAN RISIKO OPERASI YANG DILAPORKAN (TAHAP IMPAK)



Sumber: Rekod RMCD tahun 2016

JUMLAH LAPORAN KEJADIAN RISIKO OPERASI YANG DILAPORKAN (JENIS)



Sumber: Rekod RMCD tahun 2016

PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

Selain itu, Pasukan Pengurusan Risiko Operasi (ORM) telah terlibat dalam strategi penyelarasan dan perpindahan pejabat KWAP dari Menara Yayasan Tun Razak ke Menara Integra, seperti logistik bagi dokumen sulit dan pemindahan peralatan pusat data. Pasukan ORM memastikan peralatan pengawasan keselamatan seperti CCTV, akses pintu, dan rakaman suara mencukupi untuk urusniaga tersedia sebelum hari pertama beroperasi dari Menara Integra, Kuala Lumpur.

Pengurusan Kesinambungan Perniagaan

Pengurusan Kesinambungan Perniagaan adalah salah satu keutamaan di KWAP. Pada 2016, rangka kerja Pengurusan Kesinambungan Perniagaan KWAP disemak semula dan dasar meningkatkan keupayaan meneruskan perniagaan dalam tempoh yang ditetapkan sekiranya berlaku gangguan operasi yang teruk. Salah satu peningkatan yang dilakukan dalam rangka kerja yang disemak semula adalah kaedah komunikasi di antara Pengurusan Kanan dan tenaga kerja sepanjang tempoh gangguan tersebut.

KWAP menetapkan penanda aras kepada ISO 22301 (Sistem Pengurusan Kesinambungan Perniagaan) untuk pelaksanaan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan. Salah satu aktiviti utama adalah Latihan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan di mana KWAP telah diuji keupayaannya untuk memulihkan semula fungsi kritikal pada sistem dalam masa yang ditetapkan dan kemudian memastikan kesinambungan operasi walaupun menghadapi gangguan. Pada 2016, KWAP berjaya menjalankan:

- 2 Latihan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan Dirancang (secara langsung dan secara tidak langsung)
- 1 Latihan Mengejut Pelan Pemulihan Bencana IT (secara tidak langsung)
- 1 Kesediaan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan Pemindahan pejabat utama KWAP (secara langsung)

Ini telah dipertingkatkan lagi dengan menggabungkan langkah-langkah kejutan atau senario tambahan untuk menilai keupayaan organisasi untuk mengendalikan kejutan semasa bencana.

Latihan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan secara langsung memerlukan pengenalpastian fungsi kritikal dijalankan (secara langsung) di tapak gantian KWAP dan apabila siap, pulih kembali ke pejabat utama. Semasa latihan ini, tenaga kerja yang dilantik sebagai ahli pasukan Kesinambungan Perniagaan telah digerakkan dan ditugaskan untuk melaksanakan pemulihan fungsi kritikal dalam tempoh masa yang

diperlukan. Kejayaan Latihan Pemulihan Bencana secara langsung merupakan satu pencapaian bagi KWAP dalam memastikan strategi Pengurusan Kesinambungan Perniagaan yang teguh, diuji, dan terkini.

Pendekatan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan telah digunakan semasa pemindahan pejabat KWAP dari Menara Yayasan Tun Razak ke Menara Integra. Tujuan utama adalah untuk memastikan operasi hari pertama di pejabat baharu tidak terganggu. Beberapa ujian dan latihan telah dijalankan untuk memastikan kesediaan semua tenaga kerja untuk bertindak balas terhadap gangguan pada hari pertama operasi.

Inisiatif Pengurusan Kesinambungan Perniagaan telah dilaksanakan sejak Mac 2016 di Jabatan Perkhidmatan Persaraan (PeSD) yang ditubuhkan pada November 2015. Beberapa latihan dan sesi kesedaran telah dijalankan untuk memastikan jabatan itu mempunyai strategi Pengurusan Kesinambungan Perniagaan terkini.

PEMATUHAN

Fungsi pematuhan dalam organisasi memainkan peranan yang lebih penting sejak beberapa tahun kebelakangan ini disebabkan oleh sifat dan saiz kerugian kewangan dan kehilangan reputasi yang timbul daripada keingkaruan pematuhan. Pematuhan berfungsi sebagai satu fungsi bebas yang mengenal pasti, menilai, menasihati, memantau dan melaporkan risiko pematuhan, iaitu, risiko undang-undang atau peraturan, kerugian kewangan, atau kehilangan reputasi organisasi yang boleh menjadi teruk akibat daripada kegagalan untuk mematuhi semua undang-undang, peraturan, kod etika dan piawaian atau amalan yang baik.

Objektif utama pematuhan adalah untuk mengekalkan reputasi KWAP untuk memastikan bahawa kedudukan kompetitif, reputasi dan nilai-nilai bersama bukan sahaja dikekalkan, malah dipertingkatkan. Bagi mencapai objektif, misi asas KWAP adalah untuk menilai secara berkesan dan menguruskan risiko pematuhan organisasi untuk memenuhi harapan semua pihak berkepentingan. Risiko pematuhan dalam KWAP ditakrifkan sebagai risiko gangguan di dalam model perniagaan organisasi, reputasi dan keadaan kewangan daripada kegagalan untuk memenuhi undang-undang dan peraturan-peraturan, dasar dan harapan pihak berkepentingan. Bagi memenuhi keperluan atas aspirasi Rangka Kerja Pematuhan yang telah dilaksanakan pada tahun 2010; di mana rangka fungsi pematuhan telah dibentuk. Dalam menguruskan pelancaran Rangka Kerja Pematuhan, Pematuhan telah menerima pakai model tiga barisan pertahanan dalam mengurus risiko pematuhan di KWAP.

PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN

Skop Pematuhan

a) Pematuhan Kawalselia

Ia meliputi peraturan-peraturan dan garis panduan di mana KWAP terikat untuk mematuhi Akta Parlimen berkaitan, ketetapan Menteri Kewangan dan garis panduan berkaitan dengan badan-badan pengawal seliaan seperti Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Malaysia. Pemilikan pematuhan pengawal seliaan tertakluk kepada unit operasi yang berkaitan pada peringkat transaksi atau operasi, jika terdapat potensi pelanggaran pematuhan, hendaklah dikenalpasti terlebih dahulu sebelum ia berlaku. Pendekatan proaktif telah diterima pakai sebagai pengawal seliaan kepatuhan bukanlah suatu pilihan.

b) Pematuhan Dalam

Ia bertujuan untuk mendekati dan membantu pelajar institusi tinggi dalam perancangan kerjaya. Ketua Pegawai Operasi KWAP, Encik Nik Ahmad Fauzan Nik Mohamed merasmikan program tersebut, disaksikan oleh Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar), Encik Asrul Dahari dan Penolong Profesor, Dr. Nizam Barom. Beberapa pengarah dari KWAP juga membuat pembentangan dan berkongsi pengalaman dan info kerjaya mereka bersama pelajar-pelajar yang menghadiri program ini.

Kasih KWAP - *A Day Out with the Children*

KWAP berkongsi kegembiraan Ramadhan dan Syawal bersama-sama anak-anak yatim dan kanak-kanak kurang berkemampuan dari Pusat Jagaan Rumah Kesayangan (RUKESA) yang terletak di Petaling Jaya pada 19 Jun 2016.

Seramai 40 orang anak-anak yatim dan kanak-kanak yang kurang bernasib baik serta 30 orang sukarelawan KWAP menyertai program ini untuk membeli kelengkapan Hari Raya mereka di AEON, Quill City Mall,



Program Youth Aspirations di UIAM

Kuala Lumpur. Kanak-kanak tersebut terdiri daripada 20 kanak-kanak perempuan dan 20 kanak-kanak lelaki berumur dalam lingkungan 4 hingga 16 tahun. Mereka juga turut dibawa berbuka puasa di restoran berdekatan dan diberikan cenderahati oleh KWAP dan pihak restoran.

Kasih KWAP - *A Gift of Ramadhan*

A Gift of Ramadhan merupakan inisiatif baharu yang direka untuk melibatkan diri dengan 100 pesara terpilih melalui aktiviti pengagihan kurma dan cenderahati Ramadhan KWAP. Kami mengambil peluang ini untuk mengenali pesara dengan lebih dekat lagi serta memperkenalkan peranan baharu KWAP dalam memberi perkhidmatan kepada pesara.

Kasih KWAP - Memperingati pada Yang Lebih Tua

KWAP melawat Rumah Ehsan Kuala Kubu Bharu, iaitu rumah orang-orang tua bertempat di Hulu Selangor bagi tahun ketujuh berturut-turut sebagai sebahagian daripada usaha kami dalam menyumbang kepada masyarakat melalui aktiviti sukarelawan. Program ini dipenuhi dengan rasa keinsafan dan mengambil berat terhadap warga yang lebih tua.

Semasa lawatan, KWAP telah menyumbangkan keperluan asas dan bekalan penjagaan kesihatan kepada 120 warga emas di Rumah Ehsan Kuala Kubu Bharu. Setiap penghuni turut menerima pek hadiah Ramadhan, kuih raya dan duit raya yang diberikan semasa sesi lawatan katil ke katil penghuni. Lawatan amal ini akan terus menjadi pengalaman yang menyentuh hati bagi tenaga kerja KWAP.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

KWAP telah menganjurkan program pendidikan kewangan tahunannya bagi kali yang kelapan, yang memberi manfaat kepada hampir 200 kakitangan awam.



Bengkel Bahasa Inggeris di SK Salak

KWAP meneruskan inisiatif CSR untuk menggalakkan penggunaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar sekolah rendah dengan menganjurkan *Fun Kids With KWAP*

Seminar Perancangan Kewangan Untuk Masa Hadapan & Seminar Perancangan Kewangan Untuk Persaraan

KWAP telah menganjurkan program pendidikan kewangan tahunannya bagi kali yang kelapan, yang memberi manfaat kepada hampir 200 kakitangan awam. Acara ini telah dibahagikan kepada dua acara yang berbeza, iaitu untuk kakitangan awam di bawah umur 40 tahun, dan kakitangan awam yang bakal bersara dalam masa 3 hingga ke 5 tahun.

Dianjurkan untuk semua kakitangan awam yang masih dalam perkhidmatan, seminar itu merupakan usaha untuk mendidik peserta dalam pelbagai aspek berkaitan pengetahuan kewangan dan perancangan persaraan. Ia merupakan hasil kerjasama antara KWAP dan agensi-agensi terpilih iaitu Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK), Malaysian Financial Planning Council (MFPC), Bank Negara Malaysia dan Pentadbir Pencen Pensendirian Malaysia (PPA).

Seminar ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para peserta dari pelbagai kementerian, jabatan dan agensi-agensi kerajaan seperti Kementerian Kewangan Malaysia, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Kementerian Wilayah Persekutuan, SWCorp, Jabatan Nuklear Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia.

Fun Kids With KWAP - Bengkel Bahasa Inggeris

KWAP meneruskan inisiatif CSR untuk menggalakkan penggunaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar sekolah rendah dengan menganjurkan *Fun Kids With KWAP: English Workshop* untuk murid Tahun 5 Sekolah Kebangsaan Salak, Sepang bagi tahun yang keenam. Pelbagai aktiviti Bahasa Inggeris yang menyeronokkan dijalankan oleh sukarelawan KWAP.

Untuk mewujudkan keseronokan dan memberi inspirasi kepada kanak-kanak sekolah, KWAP telah menjemput Zain Saidin, yang terkenal sebagai watak Henry Middleton dalam siri Astro TVIQ *Oh My English!* untuk memberi motivasi kepada para pelajar untuk mengatasi ketakutan mereka dalam percakapan, menggunakan Bahasa Inggeris dengan betul dan membuka minda mereka bahawa belajar dan bertutur dalam bahasa Inggeris adalah menyeronokkan.

Pada akhir program setengah hari ini, guru-guru telah memberikan maklum balas yang baik dan kanak-kanak berasa lebih bersemangat serta lebih yakin untuk bertutur dalam Bahasa Inggeris.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

KWAP FreeMarket Bersama Komuniti Orang Asli

KWAP FreeMarket adalah program jangkauan yang disasarkan untuk membantu masyarakat yang kurang bernasib baik. Pada tahun kedua, inisiatif ini mensasarkan komuniti Orang Asli di Hulu Langat pada 18 Disember 2016. Kira-kira 145 orang penghuni Kampung Orang Asli Genting Peras, Kampung Orang Asli Paya Lebar dan Kampung Orang Asli Donglai Baru mengunjungi dan mengambil bahagian dalam program yang dijalankan pada hari tersebut, iaitu:

1. Free Market

Barangan seperti pakaian hingga ke peralatan sukan dan peralatan rumah boleh didapati di 13 gerai yang berbeza. Lebih 1,500 barang diberikan secara percuma kepada komuniti Orang Asli. Kesemua barangan tersebut disumbangkan oleh tenaga kerja KWAP dan seramai 78 orang tenaga kerja mengambil bahagian sebagai sukarelawan pada acara tersebut.

2. Book Charity Drive: Books & Beyond

KWAP memperkaya komuniti Orang Asli di Hulu Langat melalui program *KWAP Book Charity Drive* di mana tujuannya adalah untuk menggalakkan tahap celik huruf di kalangan kanak-kanak di kawasan luar bandar dan untuk membangunkan tabiat membaca pada usia yang awal. Tenaga kerja KWAP menyumbang lebih daripada 300 buku, kedua-dua terpakai dan baharu.

3. I'm Ready For School

KWAP juga menganjurkan program *I'm Ready For School* dengan tujuan untuk menyediakan keperluan asas persekolahan bagi kanak-kanak yang kurang bernasib baik, pada masa yang sama dapat meringankan beban ibu bapa dalam persediaan tahunan persekolahan. Penerima keperluan asas persekolahan ini terdiri daripada kanak-kanak sekolah rendah dari ketiga-tiga kampung orang asli di Hulu Langat di mana 100 kanak-kanak tersebut menerima sebuah beg sekolah, alat tulis dan buku cerita bernilai RM50 setiap satu.

Acara setengah hari ini juga termasuk perkhidmatan menggunting rambut secara percuma untuk kanak-kanak Orang Asli, serta pemeriksaan asas kesihatan percuma yang ditaja oleh PMCare Sdn. Bhd. Di samping itu, sebanyak 55 keluarga Orang Asli turut terpilih untuk menerima peruntukan asas bernilai RM350 untuk setiap keluarga.



KWAP FreeMarket di Perkampungan Orang Asli

Penerima keperluan asas persekolahan ini terdiri daripada kanak-kanak sekolah rendah dari ketiga-tiga kampung orang asli di Hulu Langat di mana 100 kanak-kanak tersebut menerima sebuah beg sekolah, alat tulis dan buku cerita bernilai RM50 setiap satu.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT



Ketua Pegawai Eksekutif KWAP mengetuai pendakian Gunung Santubong bersama 27 orang tenaga kerja berjaya menamatkan pendakian.



TANGGUNGJAWAB PADA ALAM SEKITAR:



Program Eco Green

KWAP telah melaksanakan program CSR *Eco Green* KWAP di Kampung Santubong, Sarawak sebagai projek perintis di bawah usaha alam sekitar, dengan menjalankan aktiviti seperti penanaman pokok, membersihkan laluan pendakian Gunung Santubong dan mengedarkan kit *Eco Green* dan keperluan asas kepada penduduk kampung.

Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, Dato' Wan Kamaruzaman Wan Ahmad mengetuai program pendakian Gunung Santubong bersama 27 tenaga kerja yang berjaya menamatkan pendakian.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

TANGGUNGJAWAB PADA TEMPAT KERJA:



Program Pendidikan Kewangan untuk Tenaga Kerja

Sebagai sebahagian daripada program pendidikan kewangan untuk tenaga kerja, KWAP mengadakan Bengkel Kesejahteraan Kewangan dan Ceramah Kewangan. Bengkel ini telah dianjurkan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan perancangan kewangan di kalangan tenaga kerja KWAP. Dengan bertemakan "Rancang, Lindung dan Urus", program yang berlangsung selama tiga hari ini tertumpu kepada empat bidang penting dalam perancangan kewangan. 50 tenaga kerja yang telah menghadiri bengkel yang dijalankan oleh pakar-pakar kewangan dari Actuarial Partners Consulting menyatakan bahawa bengkel ini bermanfaat dan mereka memperolehi pengetahuan yang berguna dalam menguruskan kewangan mereka. Para peserta telah diberi bimbingan pada kesemua aspek isu kewangan, termasuk perancangan kewangan yang baik, pengurusan kewangan peribadi, perancangan persaraan dan pelaburan. Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK) telah dijemput untuk memberikan ceramah kewangan bertajuk "Bajet Raya, Kau Ada?" kepada para tenaga kerja KWAP serta berkongsi tips dan cara perbelanjaan berhemah terutamanya pada musim perayaan. Tenaga kerja yang menghadiri ceramah selama satu jam ini juga menerima sebuah buku panduan kewangan untuk rujukan mereka.



Bengkel Kesejahteraan Kewangan



Bengkel Kesejahteraan Kewangan

50 tenaga kerja yang telah menghadiri bengkel yang dijalankan oleh pakar-pakar kewangan dari Actuarial Partners Consulting menyatakan bahawa bengkel ini bermanfaat dan mereka memperoleh pengetahuan yang berguna dalam menguruskan kewangan mereka.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT



Danajamin Mighty 7 Run



Bursa Bull Charge

TANGGUNGJAWAB PADA PASARAN:



Penceramah Jemputan di Kursus Persaraan

KWAP terus memberi peluang dan sokongan penuh pada bakat dalaman untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman bersama orang ramai sebagai sebahagian daripada usaha pembangunan bakat KWAP. Pada tahun ini, Encik Md Hayrani bin Mireso daripada Jabatan Pendapatan Tetap telah dijemput untuk memberi ceramah mengenai Pengurusan Kewangan Peribadi dan Pelaburan bagi tenaga kerja Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang diadakan pada bulan Mac di Holiday Inn Resort, Pulau Pinang. Program ini telah memberi manfaat kepada hampir 100 tenaga kerja DBKL.

KWAP terus memberi peluang dan sokongan penuh pada bakat dalaman untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman bersama orang ramai.

Larian Amal: Bursa Bull Charge & Danajamin Mighty 7 Run

KWAP telah mengambil bahagian dalam acara larian amal *Bursa Bull Charge*, yang dianjurkan oleh Bursa Malaysia pada 8 September 2016. Tenaga kerja KWAP yang menyertai larian ini berjaya menamatkan larian yang meliputi pusat komersial Kuala Lumpur. 4 daripada 9 orang tenaga kerja kami telah memenangi tiga tempat teratas bagi kategori Kementerian.

KWAP juga mengambil bahagian dalam *Danajamin Mighty 7 Run* yang dianjurkan oleh Danajamin Nasional Berhad untuk menyokong kesedaran mengenai autisme melalui Persatuan Autisme Kebangsaan Malaysia (NASOM). Sebagai sebahagian daripada komitmen kami dalam menggalakkan gaya hidup sihat di kalangan tenaga kerja KWAP, seramai 12 orang pelari KWAP mengambil bahagian dalam pertandingan itu bersama-sama dengan Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, Dato' Wan Kamaruzaman bin Wan Ahmad.

JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN

Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan KWAP telah ditubuhkan untuk mengekalkan tempat kerja yang selamat dan sihat. Penubuhannya juga untuk memenuhi syarat Akta Kesihatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

Jawatankuasa yang dilantik terbahagi kepada jawatankuasa kecil yang terdiri daripada Pasukan Tindakan Kecemasan, Pasukan Pemeriksaan dan Siasatan, Pasukan Komunikasi dan Promosi serta Pasukan Dasar dan Prosedur.

Berikut adalah beberapa aktiviti yang telah dijalankan untuk meningkatkan amalan keselamatan dan kesihatan serta untuk meningkatkan kesedaran tenaga kerja mengenai keselamatan dan kesihatan di tempat kerja:



Bulan	Acara/Aktiviti
Sepanjang Tahun	Mengedarkan Vitamin C dan inhaler untuk semua tenaga kerja
Feb	E-Kesedaran - Virus Zika
Mac	Kempen Cuaca yang Tidak Menentu
Jun	Pemberian payung kepada 130 tenaga kerja KWAP
Julai	Menubuhkan Pasukan Tugas Khas JKK Jabatan Perkhidmatan Persaraan, Cyberjaya
Ogos	Kempen Keselamatan Jalan Raya & Rumah (untuk Hari Raya 2016) <ul style="list-style-type: none"> • Pengurus JKK merasmikan Kempen Keselamatan Jalan Raya & Rumah • membuka gerai Pemeriksaan Kesihatan dan mengadakan aktiviti Pop Kuiz untuk tenaga kerja (untuk meningkatkan kesedaran mereka tentang perkara-perkara berkaitan JKK) • E-Kesedaran - Pelan Pemindahan Kecemasan • E-Kesedaran - <i>The Haze Is Back</i> • Latihan pemadam kebakaran oleh Menara Yayasan Tun Razak • Cenderahati untuk tenaga kerja yang menuaikan Haji (En Md Saffi bin Nadzir, Jabatan Perkhidmatan Persaraan & En Mohd Hafiz bin Abas, Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan) • Pelantikan Ahli Jawatankuasa JKK yang baru • Pelantikan <i>First Aiders</i> tambahan bagi pejabat baru KWAP
Oktober	E-Kesedaran - Program <i>Green Office</i>
Disember	E-Kesedaran - Program <i>Clean Desk</i> <ul style="list-style-type: none"> • Mengkaji semula draf Dasar Keselamatan dan Kesihatan



KALENDAR KORPORAT

JANUARI

- 15 Mandat oleh Ketua Pegawai Eksekutif
- 18 Majlis Pertukaran Hadiah KWAP
- 20 Taklimat TPPA oleh MITI
- 22 Taklimat Pengurus Dana Luaran



FEBRUARI

- 17 Sambutan Tahun Baru Cina KWAP
- 25 Taklimat *Foreign Exchange Administrative Rules* oleh BNM
- 29 Program Kesejahteraan Wang



MAC

- 01 SPARC: Ceramah Melatih Anak-anak
- 03 Program Aspirasi Belia di UIAM
- 08 Lawatan oleh *Administrative Staff College of India*
- 25 SPARC: Mesyuarat Agong Tahunan



KALENDAR KORPORAT




APRIL

- 03 Pameran Kerjaya Graduan UKEC
- 12 Ketua Pegawai Eksekutif di Invest Malaysia 2016



- ### MEI
- 04 Ketua Pegawai Eksekutif di 6th Annual Malaysia Roundtable
 - 06 Makan Malam Tahunan KWAP 2016
 - 09 Siri Kepimpinan KWAP oleh YBhg. Tan Sri Rafidah Aziz
 - 13 Lawatan Pelajar UIAM ke KWAP
- Lawatan Belajar KWAP oleh Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun, Kementerian Kewangan



KALENDAR KORPORAT

JUN

- 01 Program Kesedaran Perancangan Kewangan KWAP
- 17 Ketua Pegawai Eksekutif Mengedarkan Kurma Kepada Tenaga Kerja Semasa Ramadhan
- 19 Sesi Bersama Kanak-kanak RUKESA
- 20 Ceramah Kewangan Bajet Raya oleh AKPK
- 21 Lawatan Kasih KWAP ke Rumah Ehsan
- 24 Ihya Ramadhan oleh YBhg. Dato' Badli Shah bin Alauddin
- 27 to 29 *International Corporate Governance Network Conference, San Francisco, US*



JULAI

- 01 Taklimat Keselamatan dan Kesihatan KWAP
- 20 Rumah Terbuka Hari Raya KWAP
- 25 Taklimat Dagangan Dalaman KWAP



KALENDAR KORPORAT

OGOS

- 09 Lawatan Korporat oleh BPJS, Indonesia
- 20 to 21 KWAP Team Building 2016
- 25 Ceramah Korporat mengenai *The New Company Bill 2015*



SEPTEMBER

- 04 Mengambil bahagian dalam *Danajamin Mighty 7 Run*
- 05 Ketua Pegawai Eksekutif di pelancaran *Institutional Investor Council Malaysia Report*
- 06 Lawatan Korporat oleh YB Dato' Othman bin Aziz, Timbalan Menteri Kewangan I dan YB Dato' Lee Chee Leong, Timbalan Menteri Kewangan II
- 08 KWAP Bursa Bull Charge Run 2016
- 21 to 22 KWAP Private Equity Forum 2016
- 26 Khazanah Megatrends Forum 2016



OKTOBER

- 07 Kembara CSR Gunung Santubong KWAP
- 13 Seminar Perancangan Kewangan untuk Masa Hadapan



KALENDAR KORPORAT

NOVEMBER

- 01 Ketua Pegawai Eksekutif di *21st Malaysian Capital Market Summit*
- 03 Seminar Perancangan Kewangan untuk Persaraan
- 15 Bengkel Bahasa Inggeris di SK Salak
- 16 Ketua Pegawai Eksekutif di *International Institutional Investor Series 2016*
- 17 to 18 Kelas Bahasa Isyarat
- 21 Bazar dengan *Malaysian Federation of the Deaf*
- 22 Lawatan oleh *The Public Service Pension Fund Supervisory Committee from Taiwan* ke KWAP



DISEMBER

- 16 Majlis Penutup Bazar dengan *Malaysian Federation of the Deaf*
- 18 KWAP FreeMarket di Kg. Orang Asli Genting Peras, Selangor




Seksyen

06

KEPIMPINAN & MODAL INSAN


-
-
-
-
-
-
-
- 147 Carta Organisasi
 - 149 Profil Lembaga
 - 155 Profil Panel Pelaburan
 - 160 Profil Pengurusan Kanan
 - 162 Pengurusan Modal Insan
 - 165 Coretan Impian
-

CARTA ORGANISASI STRUKTUR KORPORAT



CARTA ORGANISASI

STRUKTUR ORGANISASI



PROFIL LEMBAGA



TAN SRI DR. MOHD IRWAN SERIGAR BIN ABDULLAH

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan
Pengerusi Lembaga



ENCIK ADNAN ZAYLANI MOHAMAD ZAHID

Wakil Bank Negara Malaysia
(Dilantik pada 7 Jun 2016)

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah telah dilantik semula sebagai Pengerusi Lembaga pada 1 Mac 2016.

Beliau kini merupakan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan menjalankan tugas sebagai, ahli Lembaga Pengarah beberapa agensi dan badan kerajaan seperti Malaysian Airline System Berhad (MAS), Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS), Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp), Khazanah Nasional, Permodalan Nasional Berhad (PNB), Lembaga Tabung Haji (TH) dan University Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau juga adalah Pengerusi Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Cyberview Sdn. Bhd. dan memegang jawatan ex-officio dalam Lembaga Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dari Universiti Malaya, Sarjana Sains daripada University of Pennsylvania, AS, PhD dalam Ekonomi dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau juga menghadiri Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School, Harvard University, AS.

Encik Adnan Zaylani telah dilantik sebagai ahli Lembaga pada 7 Jun 2016.

Beliau merupakan Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia. Beliau adalah ahli jawatankuasa Dasar Monetari dan Kestabilan Kewangan, serta mempengerusikan jawatankuasa Pasaran Kewangan. Beliau juga adalah Pengerusi Lembaga BNM Sukuk Berhad, ahli jawatankuasa eksekutif Lembaga Perbadanan Pengurusan Liquidity Islam Antarabangsa dan Perikatan untuk Rangkuman Kewangan bagi Belanjawan dan Kewangan.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Ekonomi Pasaran Global dan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari London School of Economics, UK. Beliau juga adalah ahli Pertubuhan Pasaran Kewangan Malaysia.

PROFIL LEMBAGA



DATO' SITI ZAUYAH BINTI MD DESA

Wakil Kementerian Kewangan Malaysia
(Dilantik pada 1 Mac 2016)



DATO' CHE PEE BIN SAMSUDIN

Wakil Kerajaan Persekutuan

Dato' Siti Zauyah Binti Md. Desa telah dilantik sebagai ahli Lembaga pada 1 Mac 2016.

Beliau kini merupakan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Kewangan, Malaysia. Beliau merupakan ahli Lembaga Pengarah bagi pelbagai badan kerajaan dan bukan kerajaan iaitu Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Felda Global Ventures Holdings Berhad, Bintulu Port Holdings Berhad, Johor Corporation, Johor Petroleum Development Corporation Berhad (Pengarah Gantian).

Dato' Siti Zauyah berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Ukur Bahan dari University of Reading UK. Diploma Pentadbiran dari INTAN dan Sarjana Pengurusan (Perbankan Antarabangsa) dari University of Manchester, UK.

Dato' Che Pee bin Samsudin telah dilantik sebagai ahli Lembaga pada 1 Mac 2016.

Beliau kini merupakan Akauntan Negara Malaysia. Beliau juga menjadi pengarah di Amanah Raya Berhad dan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Malaysian Institute of Accountants dari Lembaga Perumahan Perkhidmatan Awam. Beliau memulakan kerjayanya sebagai Akauntan di sektor kerajaan sejak tahun 1982. Pengalaman beliau termasuk berkhidmat di pelbagai bahagian kerajaan termasuk Kementerian Kewangan, Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dan Perbendaharaan Negeri Kedah sebagai Bendahari Negeri selama 9 tahun.

Dato' Che Pee berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kapujian dalam Perakaunan dan adalah Akauntan Berkanun, Institut Akauntan Malaysia (MIA).

PROFIL LEMBAGA

**DATUK SITI ZAINAB OMAR**

Wakil Kerajaan Persekutuan
(Dilantik pada 1 Mac 2016)

**DATO' SIEW KIM LUN**

Wakil Sektor Swasta

Datuk Siti Zainab Binti Omar telah dilantik sebagai ahli Lembaga pada 1 Mac 2016.

Beliau kini merupakan Ketua Bahagian Penasihat, Jabatan Peguam Negara.

Sebelum ini, beliau telah berkhidmat dalam pelbagai perkhidmatan dalam beberapa agensi kerajaan termasuk Peguamcara Perbendaharaan di Kementerian Kewangan dan Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka.

Beliau berkelulusan LL.B (Kepujian) dari Universiti Essex, UK dan kelulusan Bar di England and Wales di Gray's Inn pada 1982. Pada 1998, lulus Malaysian Bar sebagai Peguam Bela & Peguam Cara.

Beliau merupakan ahli lembaga Subang Golf Course Corporation dan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.

Dato' Siew Kim Lun dilantik semula sebagai Ahli Lembaga pada 1 Mac 2016.

Beliau kini merupakan ahli Lembaga Citibank Berhad, UMW Holdings Berhad, Sunway Construction Group Berhad, Eita Resources Berhad, Hong Leong Assurance Berhad, Eco World International Berhad dan Mainstreet Advisers Sdn. Bhd. Beliau juga merupakan ahli suruhanjaya, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Catholic University of Leuven, Belgium dan menghadiri Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School, Harvard University, AS.

PROFIL LEMBAGA



DATO' AZMI BIN ABDULLAH

Wakil Sektor Swasta



DATO' DR. GAN WEE BENG

Wakil Sektor Swasta

Dato' Azmi bin Abdullah telah dilantik semula sebagai ahli Lembaga pada 1 Mac 2016.

Beliau kini merupakan pengarah bukan eksekutif bebas Bank Muamalat Malaysia Berhad. Beliau adalah Pengurus Lembaga Imbuhan dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan ahli pencalonan Lembaga Audit dan Veto. Beliau juga merupakan pengarah di Amanah Raya Berhad, Ireka Corporation Berhad, Transnational Insurance Brokers Sdn. Bhd., ECS Solution Sdn. Bhd., dan UKM Holding Sdn. Bhd.

Dato' Azmi juga adalah Pengurus Jawatankuasa Pelaburan Amanah Raya Berhad. Sebelum Bank Muamalat, beliau adalah Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Bumiputera-Commerce Bank Berhad, dimana beliau telah berkhidmat selama 26 tahun dalam pelbagai jabatan.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam Ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Doktor Kehormat dalam Pengurusan Perniagaan dari UKM pada 16 Ogos 2006.

Dato' Dr. Gan Wee Beng telah dilantik sebagai ahli Lembaga pada 1 Mac 2016.

Beliau kini merupakan ahli Lembaga PIDM. Beliau sebelumnya adalah Penasihat CIMB Group, jawatan yang disandangnya sejak tahun 2012 sehingga beliau bersara pada tahun 2015. Sebelum itu, beliau merupakan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan CIMB, bertanggungjawab bagi pengurusan risiko, dan Pengarah Eksekutif CIMB Bank. Beliau telah menjadi perunding bagi pelbagai agensi tempatan dan antarabangsa, termasuk Bank Negara Malaysia (BNM), Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan, Bank Dunia, Pertubuhan Buruh Antarabangsa, Bank Pembangunan Asia dan Pertubuhan Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Perdagangan dan Pembangunan.

Beliau juga sebelum ini ahli kerja Kumpulan Rangka Kerja Risiko Pasaran BNM dan juga ahli Jawatankuasa Penasihat Ekonomi Negara mengenai Kawalan Harga dan Subsidi. Sebelum CIMB, Dato' Gan adalah Penasihat Kanan (Ekonomi) untuk Monetary Authority of Singapore di samping memegang jawatan Professor Madya University Malaya. Beliau juga penerima anugerah Tun Abdul Razak Foundation untuk Best Published Article dalam jurnal akademik.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana dalam Ekonomi dari Universiti Malaya dan memperolehi PhD dari University of Pennsylvania, AS.

PROFIL LEMBAGA

**DATUK AZIH BIN MUDA**

Wakil Pencarum

**DATO' WAN KAMARUZAMAN BIN WAN AHMAD**Ketua Pegawai Eksekutif
Ex-Officio

Datuk Azih Muda telah dilantik sebagai ahli Lembaga pada 1 Mac 2016.

Beliau kini merupakan Presiden CUEPACS. Beliau juga merupakan Presiden Kesatuan Kebangsaan Pekerja Pihak Berkuasa Tempatan (ANULAE).

Dato' Wan Kamaruzaman telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif KWAP pada 2 Mei 2013.

Beliau kini merupakan pengarah di Valuecap Sdn. Bhd., Malakoff Corporation Berhad dan anak syarikat KWAP di London, Prima Ekuiti (UK) Limited.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengurus Besar, Jabatan Perbendaharaan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sejak Oktober 2007 hingga April 2013. Beliau memulakan kerjaya di Malayan Banking Berhad pada 1981, kebanyakannya di Jabatan Perbendaharaan dengan dua penempatan di luar negara di Hamburg, Jerman sebagai Ketua Peniaga dan Pengurus Perbendaharaan di London, UK. Selepas meninggalkan Maybank, beliau berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah di beberapa syarikat dalam Kumpulan Affin.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dalam bidang Analisis Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya.

PROFIL LEMBAGA



DATO' MUHAMMAD BIN IBRAHIM

Wakil Bank Negara Malaysia
(Meletak Jawatan pada 1 Mei 2016)



DATUK YEOW CHIN KIONG

Wakil Kerajaan Persekutuan
(Bersara pada 6 November 2016)

Dato' Muhammad bin Ibrahim telah dilantik semula sebagai ahli Lembaga pada 1 Mac 2016. Beliau meletak jawatan sebagai ahli Lembaga KWAP pada 1 Mei 2016 selepas pelantikannya sebagai Gabenor Bank Negara.

Datuk Yeow Chin Kiong telah dilantik semula sebagai ahli Lembaga pada 1 Mac 2016. Beliau bersara dari ahli Lembaga KWAP pada 6 November 2016 kerana bersara dari perkhidmatan awam.

PROFIL PANEL PELABURAN



DATO' MOHAMMED AZLAN BIN HASHIM

Pengerusi Panel Pelaburan



DR. YUSOF BIN ISMAIL

Wakil Kementerian Kewangan
(Dilantik pada 15 Mei 2016)

Dato' Mohammed Azlan bin Hashim telah dilantik sebagai Pengerusi Panel Pelaburan KWAP pada 1 Jun 2015. Sebelum ini beliau merupakan ahli panel pelaburan dari 2010 sebagai wakil sektor swasta.

Beliau merupakan Pengerusi beberapa syarikat tersenarai termasuk D&O Green Technologies Berhad, SILK Holdings Berhad, Scomi Group Berhad dan Timbalan Pengerusi IHH Healthcare. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengarah dalam pelbagai organisasi kerajaan dan pertubuhan berkaitan bukan kerajaan termasuk Khazanah Nasional Berhad dan Pihak Berkuaesa Perkhidmatan Kewangan Labuan.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Monash University, Australia dan berkelayakan sebagai Akauntan Bertauliah (Australia). Beliau adalah seorang Ahli Fellow Institute of Chartered Accountants, Australia, Ahli Malaysian Institute of Accountants, Fellow Institut Pengarah Malaysia, Ahli Fellow Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators dan Ahli Kehormat Institut Juruaudit Dalaman Malaysia.

Dr. Yusof bin Ismail telah dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan berkuatkuasa 15 Mei 2016. Beliau kini adalah Setiausaha Bahagian Pelaburan Strategik, Kementerian Kewangan.

Beliau memegang Ijazah Kedoktoran (Ph.D) Pembangunan Komuniti dari Universiti Putra Malaysia, pada 2016. Beliau memegang pelbagai jawatan dalam kerajaan termasuk Pegawai Khas kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Seksyen Tenaga, Unit Pembangunan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Pengarah Seksyen Sains dan Teknologi Industri Pembuatan.

Pada Jun 2013, beliau dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Bahagian Perancangan dan Pembangunan LADA. Beliau kemudian kembali ke Kementerian Kewangan pada 2015 sebagai Timbalan Setiausaha Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan.

Beliau juga adalah pengarah di Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), GOVCO Holdings Berhad, AgroBank, Turus Pesawat Sdn. Bhd., Sentuhan Budiman Sdn. Bhd., Twin Eagles Ventures Sdn. Bhd., DanalInfra Nasional Bhd., MRL Sdn. Bhd., SSER Sdn. Bhd. dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

PROFIL PANEL PELABURAN



DATUK ABDUL FARID BIN ALIAS

Wakil Sektor Swasta



ENCIK JOHARI BIN ABDUL MUID

Wakil Sektor Swasta

Datuk Abdul Farid bin Alias telah dilantik sebagai Ahli Panel Pelaburan KWAP pada 1 Oktober 2013.

Beliau merupakan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Maybank. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Pennsylvania State University, AS pada 1990 dan Ijazah Sarjana Kewangan dari Universiti Denver, AS pada 1991. Beliau juga telah menghadiri Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School, AS pada 2013.

Beliau adalah ahli Lembaga Pengarah Maybank Investment Bank Berhad, Maybank Ageas Holdings Berhad, Lembaga Pesuruhjaya PT Bank Maybank Indonesia Tbk, Etiqa Holdings Sdn. Bhd. dan juga Cagamas Holdings Berhad, badan gadai janji Malaysia, STF Resources Sdn. Bhd. dan Asian Banking School Sdn. Bhd.

Beliau juga Penggerusi bagi The Association of Banks di Malaysia dan Malaysian Electronic Payment System Sdn. Bhd. (MEPS). Naib Penggerusi dan Fellow Chartered Bankers of Asian Institute of Chartered Bankers (AICB) dan Chartered Banker Institute (CBI) di UK.

Ahli Jawatankuasa Sokongan Dasar The Asian Bankers Association (ASA) dan Emerging Markets Advisory Council (EMAC) of The Institute of International Finance yang beroperasi di Washington DC. Baru-baru ini beliau dilantik sebagai ahli ASEAN Business Advisory Council (ASEAN-BAC) Malaysia.

Encik Johari bin Abdul Muid telah dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan pada 20 Oktober 2015.

Beliau kini merupakan Ahli Lembaga Bursa Malaysia Berhad, Malaysia DEBT Ventures, Nomura Asset Management Malaysia Sdn. Bhd. dan Nomura Islamic Asset Management Malaysia Sdn. Bhd. Beliau telah memulakan kerjaya di CIMB Investment Bank Berhad dalam Bahagian Perbendaharaan, dan kemudian menyertai CIMB Securities Sdn. Bhd. sebagai Naib Presiden Kanan bagi Institusi Jualan. Selepas berkhidmat selama 20 tahun di Kumpulan CIMB, beliau kemudiannya menyertai Valuecap Sdn. Bhd. sebagai Ketua Pegawai Pelaburan selama setahun sebelum menyertai KWSP, sebagai Ketua Pegawai Pelaburan Ekuuiti. Beliau telah dinaikkan pangkat dan menjadi Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Bahagian Pelaburan dan kemudiannya menjadi Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Dasar Persaraan dan Perancangan Korporat. Selepas 8 tahun berkhidmat di KWSP, beliau menyertai RHB Bank Berhad sebagai Pengarah Urusan dan telah bersara pada tahun 2013. Beliau adalah Fellow Member Chartered Institute of Management Accountant, UK.

PROFIL PANEL PELABURAN

**ENCIK MOHAMED NAZRI BIN OMAR**

Wakil Sektor Swasta

**DATO' WAN KAMARUZAMAN BIN WAN AHMAD**Ketua Pegawai Eksekutif
Setiausaha

Encik Mohamed Nazri bin Omar telah dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan pada 1 Mei 2016.

Beliau merupakan Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Danajamin Nasional Berhad, berkuatkuasa pada 1 Mei 2014. Kerjaya korporat beliau adalah dalam industri kewangan, terutamanya dalam perbankan korporat dan pasaran modal. Beliau memulakan kerjayanya di Citibank Berhad dan seterusnya berkhidmat di Macquarie Bank Limited dan RHB Sakura Merchant Bankers Berhad (kini dikenali sebagai RHB Investment Bank Berhad). Sebelum menyertai Danajamin, Nazri pernah memegang beberapa jawatan di Kuwait Finance House (M) Berhad, termasuk sebagai Pengarah Perbankan Pelaburan dan Ketua Pasaran Modal dan Penasihat.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam jurusan Ekonomi (Kepujian) dan Kerajaan, dari Cornell University, AS. Beliau juga merupakan seorang *Chartered Financial Analyst* (CFA).

Dato' Wan Kamaruzaman telah dilantik sebagai Setiausaha Panel Pelaburan pada 2 Mei 2013.

PROFIL PANEL PELABURAN



DATUK AHMAD BADRI BIN MOHD ZAHIR

Wakil Kementerian Kewangan
(Tamat penggal pada 28 Februari 2016)



CIK CHE ZAKIAH BINTI CHE DIN

Wakil Sektor Awam
(Tamat penggal pada 28 Februari 2016)

Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir telah dilantik sebagai Panel Pelaburan KWAP pada 1 Mei 2014 hingga 28 Februari 2016.

Kini, beliau merupakan Pengarah Pejabat Bajet Nasional, Kementerian Kewangan. Sebelum ini, beliau merupakan Setiausaha Bahagian Pelaburan Strategik, Kementerian Kewangan.


Beliau berkelulusan Diploma dalam Pengurusan Tanah dan Hartanah dari MARA University of Technology (UiTM) dan Diploma Pentadbiran Awam dari Institut Pentadbiran Awam (INTAN). Beliau juga memegang Ijazah Pengurusan Hartanah dari Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Malaysia yang melayakkan beliau sebagai penilai yang terlatih dan berkelayakan. Beliau Juga memperolehi Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari University of Hull, UK.

Cik Che Zakiah binti Che Din telah dilantik semula sebagai ahli Panel Pelaburan KWAP pada 1 Mac 2013 di bawah Seksyen 7(2)(b) sebagai wakil Bank Negara Malaysia. Warta Kumpulan Wang Persaraan (Pindaan) 2015 (Akta A 1496), Seksyen 7(2)(b) Akta 662 telah dipadam dan wakil daripada Bank Negara Malaysia telah dikeluarkan. Oleh itu, beliau telah dilantik semula di bawah Seksyen yang dipindah 7(2)(e) sebagai wakil daripada sektor awam yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam perniagaan, pelaburan, perbankan dan kewangan pada 21 Oktober 2015 hingga 28 Februari 2016.

Beliau kini merupakan Pengarah Jabatan Penyeliaan Konglomerat Kewangan, Bank Negara Malaysia. Sebelum ini, beliau adalah Pengarah Jabatan Penguatkuasaan Peraturan Institusi Kewangan.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya.

PROFIL PANEL PELABURAN



ENCIK CHEAH TEK KUANG

Wakil Sektor Swasta
(Tamat penggal pada 28 Februari 2016)

Encik Cheah Tek Kuang dilantik semula sebagai ahli Panel Pelaburan KWAP pada 1 Mac 2013 hingga 28 Februari 2016.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Ekonomi dari Universiti Malaya dan fellow di The Asian Institute of Chartered Bankers, sebelum ini dikenali sebagai Institute of Bankers Malaysia.



PROFIL PENGURUSAN KANAN



1 Nik Amlizan binti Mohamed Ketua Pegawai Pelaburan

Beliau mempunyai lebih 20 tahun pengalaman dalam industri pengurusan dana. Sebelum menyertai KWAP, beliau merupakan Ketua Jabatan Ekuiti bagi RHB Asset Management Sdn. Bhd.

Beliau merupakan ahli Lembaga Prima Ekuiti (UK) Limited dan i-VCap Management Sdn Bhd. Beliau juga merupakan Jawatankuasa Pelaburan Metropolitan Retail JV (Jersey) Unit Trust.

Beliau adalah ahli Institut Integriti Malaysia sejak 2015. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera Ekonomi dari Claremont McKenna College, AS.

2 Nik Ahmad Fauzan bin Nik Mohamed Ketua Pegawai Operasi

Beliau mempunyai 24 tahun pengalaman dalam industri konglomerat dan kewangan. Sebelum menyertai KWAP beliau merupakan Ketua Perkhidmatan Korporat Kumpulan Pos Malaysia Berhad.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana pengkhususan dalam Kewangan dan Pelaburan dari Universiti George Washington, AS dan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari institusi yang sama.

3 Zalman bin Ismail Pengarah Jabatan Pelaburan Alternatif

Beliau mempunyai 20 tahun pengalaman dalam penarafan kredit, penyelidikan ekuiti, kewangan korporat, pembangunan perniagaan telekomunikasi, pembangunan harta tanah, industri kesihatan, dan komoditi. Sebelum menyertai KWAP, beliau merupakan Ketua Strategi dan Pembangunan Perniagaan di Sime Darby Property Berhad.

Beliau adalah ahli Lembaga Pengarah Jambatan Kedua Sdn. Bhd., Munchy Food Industries Sdn. Bhd. dan pengarah gantian Malakoff Corporation Berhad.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Peniagaan Kewangan (Kepujian Magna Cum Laude) dari Eastern Michigan University, AS.

4 Azmeen bin Adnan Pengarah Jabatan Pendapatan Tetap

Beliau mempunyai 20 tahun pengalaman dalam industri perbankan dan pengurusan aset merangkumi bidang pelaburan, perbendaharaan, jualan dan pembangunan produk. Sebelum menyertai KWAP beliau merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Islamic Asset Management Sdn. Bhd.

Beliau adalah Ahli Persatuan Pasaran Kewangan Malaysia serta berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Pentadbiran Perniagaan, Universiti Denver, AS.

5 Ismail bin Zakaria Pengarah Jabatan Strategi Korporat dan Prestasi

Beliau mempunyai 18 tahun pengalaman dalam industri kewangan dan strategi korporat khususnya dalam transformasi perniagaan. Sebelum menyertai KWAP, beliau telah berkhidmat di Strategi Kumpulan, Sime Darby Berhad.

Kini, beliau merupakan Pengurus Kumpulan Kerja Tadbir Urus & Dasar, Majlis Institusi Pelabur Malaysia.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan & Kewangan), Universiti New South Wales, Australia.

6 Tursina binti Yaacob Pengarah Jabatan Penyelidikan

Beliau mempunyai 18 tahun pengalaman sebagai penganalisis pelaburan meliputi pelbagai sektor di landskap global. Sektor pengkhususan termasuk minyak dan gas, utiliti, telekomunikasi, produk pengguna, automotif, komoditi, dan industri kewangan Islam.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Ekonomi Kewangan dari Coventry University, UK dan Sarjana (Pengurusan Strategik) Universiti Teknologi Malaysia. Kini beliau di dalam proses menamatkan Program Profesional Kewangan Islam Bertaullah di INCEIF.

7 Najihah binti Mohamad Norwi Pengarah Jabatan Akaun dan Pengurusan Perkhidmatan

Beliau mempunyai 18 tahun pengalaman sebagai akauntan korporat dalam pelbagai sektor, antaranya, insurans, IT, utiliti dan infrastruktur. Sebelum menyertai KWAP, beliau merupakan akauntan korporat di MMC Berhad.

Beliau merupakan seorang Akauntan Bertaullah dengan lulusan CPA Australia dan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Perniagaan (Perakaunan dan Kewangan) dari Monash University, Australia.

PROFIL PENGURUSAN KANAN



8 Nazaiul Affendi bin Zainal Abidin
Pengarah Jabatan Strategi Portfolio

Beliau mempunyai 19 tahun pengalaman dalam pasaran modal termasuk peranan dalam penyelidikan, analisis pasaran dan strategi dengan pendedahan dalam ekuiti, pendapatan tetap dan komoditi. Sebelum menyertai KWAP, beliau berkhidmat sebagai pakar ekonomi di Suruhanjaya Sekuriti.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Kewangan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kepujian) dalam Kewangan/Ekonomi, dari institusi yang sama. Selain itu, beliau telah menghadiri Program Pembangunan Pengurusan Kanan ASEAN Ke-4 yang diadakan pada bulan Jun dan Julai 2011.

9 Khairul Azwa bin Kamalul Bahrin
Pengarah Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan

Beliau mempunyai 24 tahun pengalaman dalam pengurusan risiko dan perbankan. Sebelum menyertai KWAP, beliau berkhidmat di OCBC Bank (Malaysia) Berhad.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Pengurusan dari University of Wales, Cardiff, UK dan Ijazah LL.B (Kepujian), University of Liverpool, UK. Beliau adalah Pengurus Risiko Kewangan Bertauliah (FRM), *Global Association of Risk Professionals*.

10 Md Saffi bin Nadzir (K.M.N)
Pengarah Kanan Jabatan Perkhidmatan Persaraan

Beliau mempunyai 27 tahun pengalaman sebagai akauntan. Sebelum menyertai KWAP, beliau berkhidmat dalam beberapa jabatan kerajaan dan Badan Berkauan.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Teknologi MARA dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Utara Malaysia. Beliau juga merupakan Akauntan Bertauliah dengan Institut Akauntan Malaysia.

11 Ambalagam R. Marappan
Pengarah Jabatan Penjelasan Pelaburan dan Perkhidmatan Sokongan

Beliau mempunyai 34 tahun pengalaman sebagai akauntan. Sebelum menyertai KWAP, beliau telah berkhidmat dalam beberapa bahagian dan cawangan di Jabatan Akauntan Negara.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Perakaunan dan Ijazah Sarjana Pengajian Kewangan & Antarabangsa dari Universiti Malaya. Beliau adalah seorang Akauntan Bertauliah dengan Institut Akauntan Malaysia dan ahli Bersekutu HBSACM (Harvard Business School Alumni Club of Malaysia).

12 Tai Kim Fong
Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat

Beliau mempunyai 27 tahun pengalaman IT dalam industri kewangan. Sebelum menyertai KWAP, beliau adalah Ketua Kumpulan IT di MIDF Berhad.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains (Sains Komputer & Ekonomi) dari Iowa State University, AS. Selain itu, beliau juga merupakan Pakar Bertauliah Kesinambungan Perniagaan (BCM Institute), COBIT Foundation (ISACA).

13 Siti Ilmiah binti Ramli
Pengarah Jabatan Sumber Manusia

Beliau mempunyai 23 tahun pengalaman sebagai pengamal undang-undang di organisasi bukan keuntungan dan di jabatan sumber manusia dalam pelbagai organisasi tempatan dan asing di Malaysia. Sebelum menyertai KWAP, beliau telah berkhidmat di Maybank Berhad.

Beliau memperolehi ijazah LL.B (Kepujian) dari University of London, UK dan Sijil Amalan Guaman (CLP) Malaysia.

14 Syed Ali Haidar bin Syed Shahabuddin
Pengarah Jabatan Undang-Undang dan Kesetiausahaan

Beliau mempunyai 20 tahun pengalaman bekerja dalam bidang undang-undang. Sebelum menyertai KWAP, beliau merupakan Ketua Bahagian Perundangan KAF Investment Bank Berhad.

Beliau berkelulusan ijazah LL.B (Hons) University of Glamorgan, Wales, United Kingdom dan Sijil Amalan Guaman, (CLP), Malaysia.

PENGURUSAN MODAL INSAN

BUDAYA BERPRESTASI TINGGI

FOKUS BAGI SUMBER MANUSIA PADA 2016

Tumpuan utama bagi sumber manusia pada tahun 2016 tertumpu kepada mewujudkan persekitaran kerja yang mampan, meningkatkan penglibatan tenaga kerja dan budaya serta pembangunan modal insan.


PERSEKITARAN KERJA YANG MAMPAH

Untuk memupuk budaya prestasi yang tinggi, kami percaya bahawa persekitaran kerja yang baik akan meningkatkan penglibatan dan prestasi tenaga kerja. Bagi memenuhi komitmen terhadap kemampanan, pejabat baharu KWAP telah di reka bina untuk memenuhi keperluan masa akan datang. Pejabat baharu ini berkONSEPkan kehidupan bermasyarakat; mengurangkan budaya *silo* serta meningkatkan kolaborasi dan interaksi yang akan menghasilkan kecekapan yang lebih berkesan dan pencapaian yang lebih baik.

Pejabat baharu memerlukan perubahan dari segi pemikiran, kehidupan dan tindakan untuk mewujudkan persekitaran yang mampan. KWAP berhasrat untuk menyumbang untuk masa hadapan yang dapat diklasifikasikan sebagai komuniti mampan yang dapat menyumbang kembali kepada masyarakat. Matlamat kami adalah untuk memastikan bahawa pejabat baharu KWAP dapat menimbulkan rasa bangga di kalangan tenaga kerja dan dapat menjadi penanda aras bagi organisasi lain di Malaysia.

PENGLIBATAN TENAGA KERJA DAN BUDAYA

Dalam memupuk budaya berprestasi tinggi, kami memastikan bahawa KWAP terus membina persekitaran kerja yang positif. Dengan penubuhan Jabatan Perkhidmatan Persaraan di Cyberjaya dan kemasukan kakitangan dari Jabatan Perkhidmatan Awam yang dipinjamkan kepada KWAP untuk berkongsi pengetahuan dan kepakaran, penyelaras dan semangat bekerjasama amat diperlukan agar dapat



mencapai matlamat dan kecemerlangan operasi yang sama serta meningkatkan perkhidmatan pelanggan. Program perubahan dalaman dan inisiatif berkenaan budaya telah dilancarkan untuk menyelaraskan tenaga kerja dan mewujudkan semangat kecintaan terhadap KWAP.

Untuk memupuk pemikiran positif di kalangan tenaga kerja kami, KWAP terus mengajurkan acara *teambuilding* tahunan yang melibatkan penyertaan semua peringkat tenaga kerja. *The Soul of Malaysia* dipilih sebagai tema acara *teambuilding* pada tahun ini kerana ia diadakan pada bulan kemerdekaan dan juga untuk meraikan kepelbagaiannya, memupuk perasaan bangga dan semangat patriotisme sebagai rakyat Malaysia yang unik.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN


Membangunkan tenaga kerja adalah keutamaan kami. Pelaburan yang banyak telah dibuat bagi pembangunan dan pembelajaran tenaga kerja untuk memastikan daya saing dan mempunyai pelbagai kemahiran. Tenaga kerja di semua peringkat mempunyai peluang untuk menghadiri program latihan dan pembangunan di dalam serta luar negara bagi meningkatkan kemahiran mereka dan sekaligus memberi nilai kepada organisasi. Kesemua lapisan tenaga kerja yang berminat untuk mendaftar program pensijilan profesional yang berkaitan dan melanjutkan pengajian di peringkat yang lebih tinggi juga amat digalakkan melalui program bantuan pendidikan.

KWAP giat menuju ke arah mengukuhkan kedudukan KWAP bagi pertumbuhan dan pengembangan masa hadapan. Oleh itu, pengukuhan aras kepimpinan KWAP adalah penting. Pada tahun 2016, pelaksanaan modul 2 tahun Program Kepimpinan Perniagaan bagi kumpulan pengurusan pertengahan telah diteruskan. Daripada jumlah populasi pengurusan peringkat peringkat pertengahan, sebanyak 63% telah menjalani program pembangunan kepimpinan. Program pembangunan telah menjadi salah satu pendekatan ke arah mewujudkan tenaga kerja pelapis KWAP. Selain daripada Program Kepimpinan Perniagaan berstruktur, bakat muda turut dilatih melalui Program *KWAP Young Talent* dan Program Pembelajaran Melalui Pengalaman KWAP.


PENGURUSAN MODAL INSAN

BUDAYA BERPRESTASI TINGGI

PECAHAN MENGIKUT GENERASI




49
Baby Boomers **167**
Generasi X




358
Generasi Y **18**
Generasi Z


PECAHAN MENGIKUT JANTINA



PECAHAN MENGIKUT ETNIK



PENGAMBILAN & PELETAKAN JAWATAN



KELAYAKAN PROFESIONAL

11%
Lepasan Ijazah/
Pemegang CFA Charter

38%
Ijazah/Kelayakan
Profesional

26%
Diploma



25%
Sijil

PROGRAM KWAP YOUNG TALENT (KYTP)


Program KWAP Young Talent merupakan sebuah program berstruktur yang merekrut bakat-bakat muda untuk menjadi pemimpin masa hadapan KWAP yang telah mendapat pengiktirafan sebagai salah satu program paling dicari-cari dalam industri selepas Program Pelatih Pengurusan. Sejak dilancarkan pada 2014, KWAP kini mempunyai 31 bakat KWAP Young Talent.

Program ini direka khas untuk memenuhi kepentingan dan permintaan generasi milenium. Kunci kepada kejayaan program ini ialah fleksibiliti, pendedahan kepada persekitaran kerja yang sebenar dan peluang latihan dan pembangunan yang luas. Selain itu, bakat-bakat muda dilatih dan dibimbing secara peribadi oleh tenaga kerja yang berpengalaman yang ingin melihat mereka berjaya di dalam kerjaya mereka.

PROGRAM KWAP EXPERIENTIAL LEARNING (KELP)


Program KWAP Experiential Learning adalah program berstruktur selama 12 bulan bagi tenaga kerja terpilih menjalani program latihan kerja di Jabatan Perkhidmatan Persaraan yang meliputi keseluruhan spektrum perkhidmatan persaraan dan pembayaran. Ia diperkenalkan dengan tujuan untuk menyediakan tenaga kerja yang bakal menjadi pakar dalam bidang persaraan di KWAP dan seterusnya bagi industri persaraan negara.

SUMBER REKRUT MODAL INSAN BAHRU MENGIKUT INDUSTRI




PENGURUSAN MODAL INSAN BUDAYA BERPRESTASI TINGGI


HARI LATIHAN MENGIKUT KATEGORI TENAGA KERJA




BAJET LATIHAN PEMBELAJARAN MENGIKUT KATEGORI TENAGA KERJA



KEHADIRAN HARI LATIHAN MENGIKUT KATEGORI PROGRAM



PEMBELANJAAN BAJET LATIHAN MENGIKUT KATEGORI



CORETAN IMPIAN KWAP YOUNG TALENTS



Abdul Afiq bin Abdul Rashid

KYT Sesi 3 (2016/2017)

Loughborough University, United Kingdom

S1

Mengapakah KWAP menjadi tempat yang terbaik untuk memulakan kerjaya anda?

Bertukar dari latar belakang kejuruteraan ke dunia pelaburan bukanlah mudah. Bergerak dari satu dunia di mana segala-galanya dipenuhi dengan sifar dan satu, ke dalam dunia yang sangat subjektif adalah hampir mustahil untuk dilakukan. Perjalanan ini penuh dengan halangan, salah faham, kesilapan dan kritikan. Tetapi bagi saya, ini adalah penyebab utama yang menjadikan ia menarik. Antara sebab KWAP merupakan tempat yang terbaik untuk memulakan kerjaya adalah kerana setiap hari di KWAP merupakan proses pembelajaran dan keluk pembelajaran adalah sangat eksponen. KWAP sedia membantu untuk belajar sebanyak yang mungkin dalam tempoh yang sangat singkat. Dengan erti kata mudah, organisasi ini tidak mempunyai perkataan ‘malas’ di dalam perbendaharaan katanya, dan ia akan menghapuskan perkataan itu dari perbendaharaan kata anda juga!

S3

Bagaimanakah peluang ini mendorong anda mencapai aspirasi kerjaya anda?

Walaupun saya baharu sahaja menyertai KWAP, pendedahan yang telah perolehi adalah sangat hebat. Semasa mengikuti program ini, personaliti saya telah dibentuk agar saya dapat mencapai aspirasi kerjaya saya. Dengan erti kata ringkas, sikap, daya pemikiran dan etika bekerja saya secara beransur telah dibentuk bagi membantu untuk mencapai aspirasi kerjaya saya.

S4

Apakah yang paling anda gemari mengenai KWAP?

Secara ringkas, mereka membantu untuk mencapai matlamat anda dengan menggunakan konsep ‘tough-love’.

S2

Apakah yang telah anda pelajari dalam program KYT ini?

Penyesuaian. Pemerhatian. Kreatif. Interaktif. Ini adalah perkara utama yang telah saya pelajari setakat ini dan melangkah ke hadapan, saya boleh jamin bahawa saya akan belajar dengan lebih banyak lagi. Dalam tempoh yang singkat, saya perlu menyesuaikan diri dengan persekitaran yang baharu, kerana itu, saya perlu menjadi lebih interaktif dengan rakan-rakan saya dan mempunyai sikap memerhati sepanjang masa.

CORETAN IMPIAN KWAP YOUNG TALENTS



Ahmad Afiz Danial bin Mohd Khairuddin

KYT Sesi 3 (2016/2017)
University of Salford, Manchester, United Kingdom

S1

Mengapakah KWAP menjadi tempat yang terbaik untuk memulakan kerjaya anda?

Berdasarkan pengalaman saya sebagai pelatih di KWAP antara tahun 2014 ke 2015 dan kembali berkerja disini sebagai KYT, ia semestinya membuktikan sesuatu! KWAP adalah organisasi yang hebat di mana ia memahami nilai tenaga kerjanya. KWAP menawarkan latihan yang luar biasa bagi para tenaga kerjanya selain kemajuan kerja dan menawarkan faedah yang terbaik yang pernah saya lihat.

S2

Apakah yang telah anda pelajari dalam program KYT ini?

Satu perkara penting yang telah saya pelajari dalam program KYT ini adalah tanggungjawab yang sentiasa bertambah. Anda akan memikul tanggungjawab yang lebih bukan sahaja kerana tindakan anda, malah, diatas prestasi pasukan anda juga. Ia bukan hanya mengenai kejayaan sendiri melakukan tugas dengan betul. Kunci yang membawa kepada kejayaan adalah diatas usaha bersepadau. Seorang individu seharusnya efektif dan pada masa yang sama menjadi seorang yang mempunyai semangat kerja berpasukan, pandai mengurus masa dan mengurus rakan sekerja, memberi maklumbalas yang membina, dan bersikap terbuka terhadap maklum balas adalah antara perkara yang telah saya pelajari sepanjang mengikuti program KYT ini.

S3

Bagaimanakah peluang ini mendorong anda mencapai aspirasi kerjaya anda?

Dalam tempoh terdekat, saya ingin menyediakan diri saya untuk menjadi KYT yang terbaik, belajar seberapa banyak yang boleh tentang peranan, serta bagaimana saya boleh memberi khidmat yang terbaik untuk jabatan saya dan organisasi ini secara keseluruhan. Dalam jangka masa panjang, saya ingin menjadi seorang yang pakar di dalam bidang kepakaran saya. Selain itu, saya ingin memajukan diri dan menjadi seorang individu yang boleh bergantung harap dalam apa juar informasi terkini. Saya juga ingin menjadi ketua dan mentor untuk membantu rakan sekerja yang lain untuk lebih berjaya dalam bidang masing-masing. KWAP menawarkan banyak peluang pembelajaran dan pertumbuhan. Proses pemantauan dan pertumbuhan tenaga kerja oleh pengurusan kanan dapat membantu saya untuk mencapai matlamat saya.

S4

Apakah yang paling anda gemari mengenai KWAP?

Tenaga kerja yang hebat untuk sama-sama bekerja serta persekitaran yang intelek dan saling bekerjasama. Selain itu, pejabat baharunya sangat cantik!

CORETAN IMPIAN KWAP YOUNG TALENTS



Barbara Ting Zhen Zhen

KYT Sesi 3 (2016/2017)

University of Exeter, United Kingdom

S1

Mengapakah KWAP menjadi tempat yang terbaik untuk memulakan kerjaya anda?

KWAP adalah tempat yang terbaik untuk memulakan kerjaya saya kerana ia memberikan banyak fleksibiliti dari segi pemilihan program putaran untuk memenuhi keperluan saya. Jika anda berminat untuk meneroka bidang pelaburan teknikal yang berkaitan, KWAP akan memberikan anda pendedahan dan latihan kerja sepanjang tempoh putaran 6 bulan. Selain daripada bidang berkaitan pelaburan teknikal, anda juga boleh menerokai bidang operasi atau fungsi sokongan yang sesuai dengan kerjaya yang anda inginkan. Sepanjang program, golongan profesional akan membimbing anda untuk memenuhi minat anda. Secara keseluruhan, KWAP memberikan kebebasan kepada lepasan ijazah yang mengikuti program KYT memilih haluan kerjayanya sendiri.

S3

Bagaimanakah peluang ini mendorong anda mencapai aspirasi kerjaya anda?

Program ini akan memberikan anda gambaran tentang apa yang anda ingin lakukan (atau mungkin, apa yang anda ingin meneroka dengan lebih lagi) dan apa yang anda tidak mahu lakukan. Program ini dapat memberikan gambaran yang lebih jelas untuk melakar haluan kerjaya anda. Selain itu, mempunyai mentor yang ditetapkan untuk melatih diri anda dari segi pembangunan diri juga amat membantu.

S4

Apakah yang paling anda gemari mengenai KWAP?

KWAP meraikan Ulang Tahun ke-10 pada tahun 2017. Dengan menjadi sebahagian daripada pasukan, saya mempunyai peluang untuk belajar, meningkatkan pengetahuan mengenai industri dan meneroka dengan lebih lanjut lagi mengenai sesuatu pekerjaan. Saya merasakan bahawa saya dapat terus maju bersama dengan KWAP dan mendaki tangga kerjaya saya di dalam organisasi ini.

S2

Apakah yang telah anda pelajari dalam program KYT ini? ?

Sebagai seorang lepasan graduan, saya perlu membiasakan diri dengan persekitaran kerja. Program KYT telah banyak membantu saya semasa tempoh peralihan dari seorang pelajar universiti ke seorang yang bekerjaya. Program putaran jabatan telah melatih saya untuk menyesuaikan diri dengan sifat sesuatu pekerjaan, perbezaan tempo berkerja dan tenaga kerja. Saya mengambil kesempatan ini untuk belajar dan akan menggunakan kemahiran tersebut di tempat kerja kelak.

CORETAN IMPIAN KWAP YOUNG TALENTS



Dina Nurnadiah binti Zainal Abidin

KYT Sesi 3 (2016/2017)
University of Manchester, United Kingdom

S1

Mengapakah KWAP menjadi tempat yang terbaik untuk memulakan kerjaya anda?

KWAP adalah sebuah organisasi yang stabil, tetapi masih mempunyai potensi pertumbuhan yang luas. Oleh itu, bekerja di KWAP, anda mempunyai potensi untuk berkembang bersama KWAP. Selain itu, KWAP juga mengambil berat tentang pertumbuhan tenaga kerjanya, bukan sahaja untuk kebaikan organisasi, malah untuk negara. Tenaga kerja KWAP menyambut kehadiran anda dengan tangan terbuka dan keluk pembelajaran di KWAP adalah sangat tinggi, dimana kesemua tenaga kerjanya sentiasa bersedia untuk berkongsi pengetahuan mereka. Oleh itu, KWAP adalah pilihan yang terbaik untuk memulakan kerjaya.

S3

Bagaimanakah peluang ini mendorong anda mencapai aspirasi kerjaya anda?

Prospek kerjaya selepas mengikuti program KYT sangat menarik. Pengetahuan yang anda perolehi semasa menjalani program pertukaran jabatan sangat menakjubkan. Saya tidak pasti jika organisasi lain selain KWAP menawarkan program seperti ini. Bayangkan berapa banyak yang akan anda pelajari sehingga masa anda ditugaskan ke dalam jabatan pilihan dan berapa jauh yang anda mampu melangkah selepas 2 hingga ke 3 tahun menjalani program ini. Program ini adalah program *fast-track* dimana KWAP menyedia dan membentuk anda untuk mencapai aspirasi kerjaya anda.

S2

Apakah yang telah anda pelajari dalam program KYT ini? ?

Program ini merupakan program peralihan yang sempurna dari dunia pelajar ke dunia seorang dewasa yang bekerja. Latihan yang ditawarkan pada bulan pertama program ini menyediakan diri untuk menempuh persekitaran korporat, dan menjadi seorang yang profesional di tempat kerja. Di KWAP, rakan sekerja mengharapkan anda untuk melakukan tugas anda sebaiknya. Secara automatik, ia mendorong anda untuk memperbaiki dan meningkatkan kemahiran teknikal dan analatikal. Sepanjang 2 bulan berada di dalam program KYT ini, saya mendapati bahawa kelu kel pembelajarannya adalah eksponen. Program ini telah menawarkan tugas secara amali dan membolehkan anda merasai pengalaman dunia pekerjaan yang sebenar dan betapa pentingnya setiap keputusan yang dibuat.

S4

Apakah yang paling anda gemari mengenai KWAP?

Semestinya tenaga kerjanya. Mereka sentiasa bersikap positif dan melaksanakan tugas dengan optimum, sekaligus membuatkan anda ingin menjadi seperti mereka. Tidak perlu bagi kami untuk mencari contoh terbaik dari organisasi lain, kerana tenaga kerja di KWAP akan sentiasa memberi inspirasi kepada anda untuk menjadi yang terbaik. Dan apa yang lebih menarik, kami baharu sahaja berpindah ke pejabat baharu yang hebat dan ia berdekatan dengan kemudahan pengangkutan awam sekaligus dapat melancarkan perjalanan kami untuk ke pejabat. Bukan itu sahaja, malah peluang yang ditawarkan disini sangat menakjubkan. Ini adalah satu cara yang terbaik untuk memulakan kerjaya anda.

Seksyen

07 PENYATA KEWANGAN

-
- 170 Sijil Ketua Audit Negara
 - 172 Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
 - 173 Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan 2016 Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
 - 174 Penyata-penjelasan Pendapatan Komprehensif
 - 175 Penyata-penjelasan Kedudukan Kewangan
 - 176 Penyata Perubahan dalam Ekuiti
 - 177 Penyata-penjelasan Aliran Tunai
 - 179 Nota-nota kepada Penyata Kewangan
-

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Saya telah mengaudit penyata kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan penting dan nota penjelasan yang lain.

Tanggungjawab Lembaga Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persempahanan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662). Lembaga juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh Lembaga bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA


yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan penyata kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjelaskan penyata kewangan.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA


25 APRIL 2017



PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)

Kami, **Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah** dan **Dato' Azmi bin Abdullah** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dengan ini mengatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan berpanduan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) dan *Malaysian Financial Reporting Standards* (MFRS), untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



Nama : **Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah**

Jawatan: Pengerusi Lembaga

Tarikh : 25 APRIL 2017

Tempat : Kuala Lumpur

Bagi pihak Lembaga,



Nama : **Dato' Azmi bin Abdullah**

Jawatan: Ahli Lembaga

Tarikh : 25 APRIL 2017

Tempat : Kuala Lumpur

PENGAKUAN

OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS
PENGURUSAN KEWANGAN 2016 KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)

Saya, **Wan Kamaruzaman bin Wan Ahmad**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), dengan sucihati mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan)
pada 25 APRIL 2017)



Di hadapan saya,



G1-1-2 Ground Floor, Menara 1 Dutamas,
Solaris Dutamas, No. 1 Jalan Dutamas 1,
50480 KUALA LUMPUR, MALAYSIA.

PENYATA-PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	Nota	Kumpulan		KWAP	
		31 Disember 2016 RM'000	31 Disember 2015 RM'000	31 Disember 2016 RM'000	31 Disember 2015 RM'000
Pendapatan Pelaburan Kasar	5	6,610,547	6,574,606	6,361,482	6,425,315
Pendapatan Bukan Pelaburan Lain	5	1,300,466	(47,747)	1,279,609	(60,296)
Perbelanjaan Operasi	6	(468,464)	(388,658)	(271,625)	(193,616)
Kerugian Tidak Nyata Bersih Daripada Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi		(62,943)	(4,778)	(62,943)	(4,778)
Kerugian Rosotnilai Atas Aset Kewangan Sedia Dijual		(2,476,601)	(1,804,500)	(2,476,601)	(1,804,500)
Keuntungan Sebelum Cukai		4,903,005	4,328,923	4,829,922	4,362,125
Kos Pembiayaan		(116,213)	(65,050)	-	-
Keuntungan Daripada Syarikat Bersekutu		49,046	(5,405)	-	-
Keuntungan Daripada Kepentingan Usaha Sama		2,983	72,046	-	-
Cukai	7	(852)	(1,522)	-	-
Keuntungan Selepas Cukai		4,837,969	4,328,992	4,829,922	4,362,125
Agihan kepada:					
Pencarum KWAP		4,837,969	4,328,992	4,829,922	4,362,125
		4,837,969	4,328,992	4,829,922	4,362,125
Pendapatan/(Kerugian) Komprehensif Lain					
Item Akan Atau Mungkin Diklasifikasikan Semula Kepada Untung Atau Rugi:					
Rizab Pertukaran Mata Wang Asing		(229,969)	419,974	-	-
Bahagian Kerugian Komprehensif Lain Daripada Syarikat Bersekutu Dan Usaha Sama		(67,485)	-	-	-
Keuntungan/(Kerugian) Atas Aset Kewangan Sedia Dijual		127,221	(1,381,181)	127,221	(1,381,181)
Jumlah (Kerugian)/Pendapatan Komprehensif Lain Bagi Tahun Semasa		(170,233)	(961,207)	127,221	(1,381,181)
Jumlah Pendapatan Komprehensif		4,667,736	3,367,785	4,957,143	2,980,944
Agihan kepada:					
Pencarum KWAP		4,667,736	3,367,785	4,957,143	2,980,944
Jumlah Pendapatan Komprehensif		4,667,736	3,367,785	4,957,143	2,980,944

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan adalah sebahagian penting daripada Penyata Kewangan ini.

PENYATA-PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2016

	Nota	31 Disember	Kumpulan	1 Januari	31 Disember	KWAP	31 Disember	1 Januari
		2016 RM'000	31 Disember 2015 RM'000	2015 RM'000	2016 RM'000	2015 RM'000	2015 RM'000	2015 RM'000
Aset Bukan Semasa								
Hartanah Dan Peralatan	8	50,299	4,349	4,994	48,457	4,021	4,494	
Perisian Komputer	9	4,031	1,714	2,560	4,031	1,688	2,560	
Pelaburan Hartanah	10	5,552,499	5,128,330	4,469,126	1,759,224	1,185,757	-	
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	11	-	-	-	2,342,294	3,405,123	3,187,702	
Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu	12	615,224	376,405	440,072	614,314	353,126	409,806	
Pelaburan Dalam Kepentingan Usaha Sama	13	393,418	484,267	962,841	10,000	10,000	10,000	
Pinjaman Dan Belum Terima	14	14,742,802	14,210,408	12,993,455	15,134,697	14,904,702	13,626,708	
Pelaburan Sedia Dijual	15	95,204,535	90,126,004	85,873,251	95,204,535	90,126,004	85,873,251	
		116,562,808	110,331,477	104,746,299	115,117,552	109,990,421	103,114,521	
Aset Semasa								
Aset Dipegang Untuk Jualan		-	1,258,867	-	-	-	-	-
Pinjaman Dan Belum Terima	14	395,000	461,412	500,000	395,000	461,412	500,000	
Aset Kewangan Pada Nilai Sakasma Melalui Untung Atau Rugi	16	1,746,400	502,915	1,694,906	1,746,400	502,915	1,694,906	
Aset Kewangan Derivatif	17	7,412	3,476	4,156	7,412	3,476	4,156	
Penghutang Runcit Dan Deposit	18	124,659	107,611	88,955	114,913	91,358	77,699	
Penghutang Perniagaan	19	1,587,887	879,482	867,255	1,585,073	904,276	897,526	
Deposit Dan Penempatan Dengan Institusi Kewangan	20	6,491,770	5,617,808	4,519,301	6,491,770	5,617,808	4,509,265	
Baki Tunai Dan Bank	20	1,046,824	1,631,369	658,584	829,056	729,184	465,701	
		11,399,952	10,462,940	8,333,157	11,169,624	8,310,429	8,149,253	
Liabiliti Semasa								
Liabiliti Kewangan Derivatif	17	787,848	1,137,820	339,688	748,990	1,071,931	326,481	
Pembiutang Perniagaan	21	479,956	473,314	554,069	461,993	466,806	451,303	
Pembiutang Dan Akruan Lain	22	156,309	125,992	121,194	74,280	57,142	38,388	
Pinjaman	23	-	802,344	-	-	-	-	-
		1,424,113	2,539,470	1,014,951	1,285,263	1,595,879	816,172	
Aset Semasa Bersih								
		9,975,839	7,923,470	7,318,206	9,884,361	6,714,550	7,333,081	
		126,538,647	118,254,947	112,064,505	125,001,913	116,704,971	110,447,602	
Dibentuk Oleh:								
Peruntukan Kumpulan Wang Terkunun	24	25,001,944	24,601,944	24,101,944	25,001,944	24,601,944	24,101,944	
Caruman Pencen	25	46,387,634	43,447,835	40,671,410	46,387,634	43,447,835	40,671,410	
Perolehan Tertahan	26	52,642,539	47,804,570	43,475,578	52,888,148	48,058,226	43,696,101	
Rizab Lain	27	(67,485)	-	-	-	-	-	-
Rizab Pertukaran Mata Wang Asing	27	190,005	419,974	-	-	-	-	-
Rizab Sedia Dijual	27	724,187	596,966	1,978,147	724,187	596,966	1,978,147	
		124,878,824	116,871,289	110,227,079	125,001,913	116,704,971	110,447,602	
Liabiliti Bukan Semasa								
Cukai Tertunda		101	14	-	-	-	-	-
Pajakan Kewangan		56,818	65,641	-	-	-	-	-
Pinjaman	23	1,602,904	1,318,003	1,837,426	-	-	-	-
		126,538,647	118,254,947	112,064,505	125,001,913	116,704,971	110,447,602	

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan adalah sebahagian penting daripada Penyata Kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

Kumpulan	<----- Tidak Boleh Diagih ----->						Perolehan Tertahan Boleh Agih (Nota 26) RM'000	Jumlah RM'000
	Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun (Nota 24) RM'000	Caruman Pencen (Nota 25) RM'000	Rizab-rizab Lain (Nota 27) RM'000	Pertukaran Mata Wang Asing (Nota 27) RM'000	Rizab Sedia Dijual (Nota 27) RM'000			
Pada 1 Januari 2015								
Seperti Dinyatakan Terdahulu	24,101,944	40,671,410	1,686	779,377	-	43,598,398	109,152,815	
Kesan Penggunaan MFRS	-	-	(1,686)	(779,377)	1,978,147	(122,820)	1,074,264	
Seperti Dinyatakan Semula	24,101,944	40,671,410	-	-	1,978,147	43,475,578	110,227,079	
Keuntungan Tahun Semasa	-	-	-	-	-	4,328,992	4,328,992	
Pendapatan Komprehensif Lain	-	-	-	419,974	(1,381,181)	-	(961,207)	
Penerimaan Peruntukan Kumpulan Wang								
Terkarun	500,000	-	-	-	-	-	500,000	
Caruman Bersih Pencen Dan Tuntutan	-	2,776,425	-	-	-	-	-	2,776,425
Pada 31 Disember 2015	24,601,944	43,447,835	-	419,974	596,966	47,804,570	116,871,289	
Pada 1 Januari 2016								
Seperti Dinyatakan Terdahulu	24,601,944	43,447,835	-	419,974	596,966	47,804,570	116,871,289	
Keuntungan Bagi Tahun Semasa	-	-	-	-	-	-	4,837,969	4,837,969
Pendapatan Komprehensif Lain	-	-	(67,485)	(229,969)	127,221	-	-	(170,233)
Penerimaan Peruntukan Kumpulan Wang								
Terkarun	400,000	-	-	-	-	-	-	400,000
Caruman Bersih Pencen Dan Tuntutan	-	2,939,799	-	-	-	-	-	2,939,799
Pada 31 Disember 2016	25,001,944	46,387,634	(67,485)	190,005	724,187	52,642,539	124,878,824	

KWAP	<----- Tidak Boleh Diagih ----->						Perolehan Tertahan Boleh Agih (Nota 26) RM'000	Jumlah RM'000
	Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun (Nota 24) RM'000	Caruman Pencen (Nota 25) RM'000	Rizab-rizab Lain (Nota 27) RM'000	Pertukaran Mata Wang Asing (Nota 27) RM'000	Rizab Sedia Dijual (Nota 27) RM'000			
Pada 1 Januari 2015								
Seperti Dinyatakan Terdahulu	24,101,944	40,671,410	-	761,405	-	43,897,381	109,432,140	
Kesan Penggunaan MFRS	-	-	-	(761,405)	1,978,147	(201,280)	1,015,462	
Seperti Dinyatakan Semula	24,101,944	40,671,410	-	-	1,978,147	43,696,101	110,447,602	
Keuntungan Tahun Semasa	-	-	-	-	-	4,362,125	4,362,125	
Pendapatan Komprehensif Lain	-	-	-	-	(1,381,181)	-	(1,381,181)	
Penerimaan Peruntukan Kumpulan Wang								
Terkarun	500,000	-	-	-	-	-	500,000	
Caruman Bersih Pencen Dan Tuntutan	-	2,776,425	-	-	-	-	-	2,776,425
Pada 31 Disember 2015	24,601,944	43,447,835	-	596,966	48,058,226	116,704,971		
Pada 1 Januari 2016								
Seperti Dinyatakan Terdahulu	24,601,944	43,447,835	-	596,966	48,058,226	116,704,971		
Keuntungan Bagi Tahun Semasa	-	-	-	-	-	4,829,922	4,829,922	
Pendapatan Komprehensif Lain	-	-	-	-	127,221	-	127,221	
Penerimaan Peruntukan Kumpulan Wang								
Terkarun	400,000	-	-	-	-	-	400,000	
Caruman Bersih Pencen Dan Tuntutan	-	2,939,799	-	-	-	-	2,939,799	
Pada 31 Disember 2016	25,001,944	46,387,634	-	724,187	52,888,148	125,001,913		

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan adalah sebahagian penting daripada Penyata Kewangan ini.

PENYATA-PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	Kumpulan 2016 RM'000	2015 RM'000	KWAP	
			2016 RM'000	2015 RM'000
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Operasi				
Keuntungan Sebelum Cukai	4,903,005	4,328,923	4,829,922	4,362,125
Pelarasan Untuk:				
Susut Nilai Hartanah Dan Peralatan Dan Pelaburan Hartanah	128,012	131,786	30,721	21,028
Pelarasan Hartanah Dan Peralatan Serta Pelaburan Hartanah	19	644	19	644
Pelunasan Perisian Komputer	1,106	1,551	1,106	1,527
Kerugian Tidak Nyata Bersih Daripada Pelaburan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi	62,943	4,778	62,943	4,778
(Keuntungan)/Kerugian Belum Direalisasi Bersih Atas Nilai Saksama Derivatif	(332,880)	1,467,030	(311,926)	1,467,030
Keuntungan Daripada Jualan Pelaburan	(1,692,071)	(2,039,129)	(1,340,490)	(1,321,746)
Pendapatan Faedah	(3,038,143)	(2,716,524)	(3,054,865)	(2,743,844)
Pendapatan Dividen	(1,058,969)	(1,165,847)	(1,466,260)	(1,561,204)
Keuntungan Belum Direalisasi Atas Pertukaran Mata Wang Asing	(929,884)	(1,412,569)	(929,896)	(1,401,232)
Rosotnilai Pelaburan	2,476,601	1,804,500	2,476,601	1,804,500
Pendapatan Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja	519,739	405,143	297,875	633,606
Perubahan Dalam Modal Kerja:				
Penambahan Penghutang Perniagaan	(512,192)	(1,975,474)	(813,196)	(2,247,488)
Penambahan Penghutang Runcit Dan Deposit	(17,048)	(18,656)	(23,555)	(13,659)
Penambahan/(Pengurangan) Pemutang Perniagaan	6,642	(80,755)	(4,813)	15,503
(Pengurangan)/Pertambahan Pinjaman	(526,266)	348,562	-	-
Penambahan Pemutang Dan Akruan Lain	30,404	4,800	17,138	18,754
Wang Tunai Bersih Digunakan Untuk Aktiviti Operasi	(498,721)	(1,316,380)	(526,551)	(1,593,284)

PENYATA-PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	Kumpulan	KWP		2015 RM'000
	2016 RM'000	2015 RM'000	2016 RM'000	
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan				
Penerimaan Jualan Pelaburan Sedia Dijual	44,167,816	33,965,163	43,816,234	33,965,163
Penerimaan Jualan Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi	6,099,427	8,916,756	6,099,427	8,916,756
Penerimaan Jualan Aset Dipegang Untuk Jualan	775,801	-	-	-
Pembelian Hartanah dan Peralatan	(48,413)	(1,216)	(46,672)	(1,216)
Pembelian Pelaburan Hartanah	(549,737)	(2,001,143)	(601,971)	(1,205,740)
Pembelian Perisian Komputer	(3,423)	(705)	(3,449)	(655)
Pembelian Daripada Jualan Pelaburan Sedia Dijual	(49,100,993)	(37,299,438)	(49,100,980)	(37,299,438)
Deposit dan Penempatan Dengan Institusi Kewangan	337,689	(1,160,411)	337,689	(1,170,447)
Pembelian Daripada Jualan Pelaburan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi	(7,405,855)	(7,729,543)	(7,405,855)	(7,729,543)
Peningkatan Derivatif	(21,028)	(720,900)	(14,951)	(720,900)
Penerimaan Faedah	2,387,384	2,799,860	2,382,528	2,142,755
Penerimaan Dividen	1,032,309	1,125,356	1,429,245	1,475,284
Pengurangan/(Peningkatan) Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari, Syarikat Bersekutu Dan Kepentingan Usaha Sama	(147,970)	542,241	801,641	(160,741)
Bayaran Balik Pinjaman Daripada Institusi Korporat	492,990	90,771	492,990	90,771
Bayaran Balik Pinjaman Daripada Syarikat Subsidiari	-	-	312,399	216,389
Wang Tunai Bersih Diguna Untuk Aktiviti Pelaburan	(1,984,003)	(1,473,209)	(1,501,725)	(1,481,562)
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pembiayaan				
Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun	400,000	500,000	400,000	500,000
Penerimaan Caruman Pencen	2,947,785	2,784,494	2,947,785	2,784,494
Bayaran Balik Caruman Pencen	(7,986)	(8,069)	(7,986)	(8,069)
Hasil Daripada Pinjaman	-	4,071	-	-
Wang Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pembiayaan	3,339,799	3,280,496	3,339,799	3,276,425
Penambahan Bersih Tunai Dan Kesetaraan Tunai	857,075	490,907	1,311,523	201,579
Kesan Perubahan Dalam Pertukaran Mata Wang Asing	(229,969)	419,974	-	-
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada 1 Januari	4,332,384	3,421,503	3,430,199	3,228,620
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada 31 Disember	4,959,490	4,332,384	4,741,722	3,430,199

Polisi-polisi perakaunan dan nota-nota penerangan yang disertakan adalah sebahagian penting daripada Penyata Kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

1. MAKLUMAT KORPORAT

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) ditubuhkan pada 1 Mac 2007 di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) dengan geran pelancaran sebanyak RM27.0 juta dari Kerajaan Persekutuan, Malaysia.

Tanggungjawab utama KWAP adalah untuk mengurus Kumpulan Wang Persaraan (Dana) sejajar dengan seksyen 13 Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) untuk mencapai pulangan optimum atas pelaburannya. Sumber utama Dana KWAP adalah diperoleh dari peruntukan tahunan daripada Badan Berkanun, Pihak Berkua Tempatan dan lain-lain Agensi, penerimaan bahagian Kerajaan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan agensi-agensi lain serta pendapatan pelaburan. Dana KWAP dilaburkan dalam kelas-kelas aset berpandukan kepada Peruntukan Aset Strategik serta Polisi dan Garis Panduan Pelaburan yang dicadangkan oleh pihak Panel Pelaburan dan diluluskan oleh pihak Lembaga. Dana KWAP akan digunakan untuk membantu pembentukan liabiliti pencen Kerajaan oleh Kerajaan Persekutuan.

Berkuat kuasa dari 1 November 2015, KWAP secara rasminya telah dilantik sebagai ejen kepada Kerajaan bagi pengurusan serta operasi pembayaran pencen secara keseluruhan.

Aktiviti utama syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu diperjelaskan di dalam Nota 11 dan Nota 12. Tiada perubahan signifikan dari segi sifat aktiviti utama syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu sepanjang tahun kewangan.

KWAP adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan dan bermastautin di Malaysia. Alamat berdaftar dan tempat perniagaan utama KWAP terletak di Aras 36, Menara Integra, The Intermark, 348 Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

Penyata-penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 telah diterima dan diluluskan oleh pihak Lembaga KWAP pada 25 April 2017.

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING

2.1 Asas Perakaunan

Penyata Kewangan Kumpulan dan KWAP telah disediakan berdasarkan *Malaysian Financial Reporting Standards ("MFRS")*, *International Financial Reporting Standards ("IFRS")*, Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 dan peruntukan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Penyata Kewangan Kumpulan dan KWAP bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 adalah set Penyata Kewangan pertama yang disediakan berdasarkan MFRS termasuk *MFRS 1 – First Time Adoption of MFRS*. Angka-angka perbandingan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 di dalam Penyata Kewangan telah dinyatakan semula untuk menggambarkan penukaran kepada MFRS. Nota 4 mendedahkan perbandingan serta kesan penukaran ke atas kedudukan kewangan Kumpulan dan KWAP.

Penyata Kewangan Kumpulan dan KWAP telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

Penyata Kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") yang merupakan mata wang fungsian Kumpulan dan KWAP di mana semua nilai dibundarkan kepada ribuan ringgit Malaysia yang terhampir, melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

2.2 Perubahan Dalam Polisi Perakaunan

Berkuat kuasa dari 1 Januari 2015, Kumpulan dan KWAP secara rasmi telah menerima pakai pindaan MFRS yang berikut serta penambahbaikan tahunan mandatori bagi tempoh kewangan tahunan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2015:

Deskripsi	Berkuat kuasa dari tempoh tahunan bermula pada atau selepas
<i>Amendments to MFRS 119 – Defined Benefit Plans:</i>	
<i>Employee Contributions</i>	1 Julai 2014
<i>Annual Improvements to the MFRS 2010 – 2012 Cycle</i>	1 Julai 2014
<i>Annual Improvements to the MFRS 2011 – 2013 Cycle</i>	1 Julai 2014

1 Julai 2014
1 Julai 2014
1 Julai 2014

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.2 Perubahan Dalam Polisi Perakaunan (sambungan)

Sifat dan impak MFRS yang baru dan MFRS yang telah dipinda adalah seperti berikut:

Amendments to MFRS –119 Defined Benefit Plans: Employee Contributions

Pindaan kepada MFRS 119 menjelaskan prinsip perakaunan bagi caruman oleh pekerja atau pihak ketiga kepada pelan manfaat yang ditentukan berdasarkan kebergantungan secara individu terhadap bilangan tahun perkhidmatan yang disumbangkan oleh pekerja atau pihak ketiga tersebut. Sekiranya caruman bergantung kepada bilangan tahun perkhidmatan, syaratnya ialah supaya caruman diperuntukkan kepada tempoh perkhidmatan pekerja atau pihak ketiga tersebut. Sekiranya caruman tidak bergantung kepada bilangan tahun perkhidmatan, caruman boleh diambil kira sebagai pengurangan kos perkhidmatan dalam tempoh di mana perkhidmatan tersebut dilaksanakan, dan bukan diperuntukkan kepada tempoh perkhidmatan pekerja atau pihak ketiga.

Pindaan ini telah diguna pakai secara retrospektif ke atas Penyata Kewangan. Tiada kesan material ke atas amaun yang diiktiraf di dalam Penyata Kewangan serta pendedahan di dalam Nota-Nota kepada Penyata Kewangan.

Annual Improvements to the MFRS 2010 – 2012 Cycle

Annual Improvements to the MFRS 2010-2012 Cycle merangkumi beberapa pindaan kepada pelbagai MFRS yang dirumuskan seperti berikut:

(a) MFRS 2 – Share-based Payment

Penambahbaikan ini mempunyai kesan ke atas transaksi bayaran berdasarkan saham di mana tarikh pemberian adalah pada atau selepas 1 Julai 2014. Pindaan ini tiada memberi impak kepada Kumpulan dan KWAP disebabkan oleh ketiadaan pembayaran berdasarkan saham oleh Kumpulan dan KWAP.

(b) MFRS 3 – Business Combinations

Pindaan kepada MFRS 3 menjelaskan bahawa pertimbangan luar jangka yang dikelaskan sebagai liabiliti (atau aset) harus dinilai pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi pada setiap tarikh laporan, tanpa mengambil kira sama ada pertimbangan luar jangka tersebut melibatkan instrumen kewangan di bawah skop MFRS 9 atau MFRS 139. Pindaan ini adalah berkesan bagi gabungan perniagaan di mana tarikh pengambilalihan adalah pada atau selepas 1 Julai 2014. Pindaan ini tiada memberi impak kepada Kumpulan dan KWAP disebabkan oleh ketiadaan transaksi gabungan perniagaan oleh Kumpulan dan KWAP.

(c) MFRS 8 – Operating Segments

Pindaan ini adalah untuk digunakan secara retrospektif dan menjelaskan bahawa:

- Entiti hendaklah mendedahkan pertimbangan yang dibuat oleh pihak pengurusan dalam pelaksanaan kriteria agregat dalam MFRS 8, termasuk penerangan ringkas berkeraan dengan segmen operasi yang telah diagregatkan serta ciri-ciri ekonomi yang digunakan bagi menilai sama ada segmen tersebut adalah serupa; dan
- Penyesuaian di antara segmen aset kepada jumlah aset hanya perlu didedahkan jika penyesuaian tersebut dilaporkan kepada ketua pembuat keputusan operasi.

Kriteria aggregat yang dinyatakan di atas tidak digunakan oleh Kumpulan dan KWAP.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.2 Perubahan Dalam Polisi Perakaunan (sambungan)

(d) **MFRS 116 – *Property, Plant and Equipment* dan MFRS 138 – *Intangible Assets***

Pindaan ini menghapuskan percanggahan di dalam perakaunan bagi susut nilai terkumpul atau pelunasan terkumpul apabila sesuatu hartanah, loji dan peralatan atau aset tidak ketara dinilai semula. Pindaan ini menjelaskan bahawa penilaian semula aset boleh dilaksanakan dengan merujuk kepada data yang boleh diperhatikan sama ada melalui pelarasan ke atas nilai dibawa kasar aset kepada nilai pasaran atau dengan menentukan nilai pasaran bagi nilai dibawa dan menyesuaikan nilai dibawa kasar mengikut kadar supaya nilai dibawa tersebut adalah sama dengan nilai pasaran. Di samping itu, susut nilai terkumpul atau pelunasan terkumpul adalah merupakan perbezaan di antara nilai kasar dan nilai dibawa aset. Pindaan ini tiada memberi sebarang impak kepada Kumpulan dan KWAP.

(e) **MFRS 124 – *Related Party Disclosures***

Pindaan ini menjelaskan bahawa entiti pengurusan yang menyediakan perkhidmatan kakitangan pengurusan utama kepada entiti laporan adalah merupakan pihak berkaitan kepada entiti laporan tersebut. Entiti laporan perlu mendedahkan jumlah yang dikenakan bagi perkhidmatan kakitangan pengurusan utama yang telah dibayar atau perlu dibayar kepada entiti pengurusan yang juga merupakan transaksi pihak yang berkaitan bagi entiti laporan tersebut. Pindaan ini tidak melibatkan Kumpulan dan KWAP disebabkan oleh ketiadaan perkhidmatan pengurusan yang diterima dari entiti lain.

Annual Improvements to the MFRS 2011–2013 Cycle

Annual Improvements to the MFRS 2011–2013 Cycle merangkumi beberapa pindaan kepada pelbagai MFRS yang dirumuskan seperti berikut:

(a) **MFRS 3 – *Business Combinations***

Pindaan kepada MFRS 3 menjelaskan bahawa piawaian tersebut tidak terpakai kepada perakaunan bagi pembentukan semua jenis pengaturan bersama di dalam Penyata Kewangan pengaturan bersama tersebut. Pindaan ini adalah diguna pakai secara prospektif. Pindaan ini tiada diguna pakai oleh Kumpulan dan KWAP disebabkan ketiadaan pengaturan bersama oleh Kumpulan dan KWAP.

(b) **MFRS 13 – *Fair Value Measurement***

Pindaan kepada MFRS 13 menjelaskan bahawa pengecualian portfolio di dalam MFRS 13 boleh diguna pakai untuk aset kewangan serta liabiliti kewangan, dan juga kontrak lain di bawah skop MFRS 9 (atau MFRS 139 di mana berkenaan). Pindaan ini tiada diguna pakai oleh Kumpulan dan KWAP disebabkan ketiadaan pengecualian portfolio yang dilaksanakan oleh Kumpulan dan KWAP.

(c) **MFRS 140 – *Investment Property***

Pindaan kepada MFRS 140 menjelaskan penentuan kriteria-kriteria berikut selepas pengambilalihan harta tanah pelaburan:

- Hartanah memenuhi definisi pelaburan harta tanah selaras dengan MFRS 140; dan
- Transaksi memenuhi definisi gabungan perniagaan berdasarkan MFRS 3, bagi menentukan sama ada urus niaga tersebut adalah merupakan pembelian aset atau gabungan perniagaan.

Di dalam tahun-tahun kewangan yang lepas, Kumpulan dan KWAP telah menggunakan pakai MFRS 140 dan bukan MFRS 3 dalam menentukan sama ada pengambilalihan pelaburan harta tanah adalah merupakan pembelian aset atau gabungan perniagaan. Pindaan ini tiada memberi impak kepada Kumpulan dan KWAP.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.2 Perubahan Dalam Polisi Perakaunan (sambungan)

Piawaian Yang Diterbitkan Tetapi Belum Berkuat Kuasa

Piawaian dan interpretasi yang diterbitkan tetapi belum berkuat kuasa sehingga tarikh pengeluaran Penyata Kewangan Kumpulan dan KWAP adalah seperti yang dinyatakan di bawah. Kumpulan dan KWAP akan menerima pakai piawaian tersebut, jika berkenaan, apabila piawaian-piawaian berkuat kuasa.

Deskripsi	Berkuat kuasa dari tempoh tahunan bermula pada atau selepas
MFRS 15 – Revenue from Contracts with Customers	1 Januari 2018
MFRS 9 – Financial Instruments	1 Januari 2018

Penggunaan piawaian dan tafsiran di atas dijangka tiada memberi impak ketara ke atas Penyata Kewangan bagi tempoh penggunaan awal, kecuali seperti yang dinyatakan di bawah.

MFRS 9 – Financial Instruments

MASB telah menerbitkan versi akhir *MFRS 9 – Financial Instruments* ("MFRS 9") pada bulan November 2014 yang mengambil kira semua fasa projek instrument kewangan serta menggantikan *MFRS 139 – Financial Instruments: Recognition and Measurement* ("MFRS 139") serta semua versi MFRS 9 yang terdahulu. Piawaian ini memperkenalkan syarat baru bagi pengelasan dan pengukuran, rosotnilai dan perakaunan lindung nilai. MFRS 9 berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018, di mana penerimaan pakai awal adalah dibenarkan. Aplikasi piawaian perlu dilaksanakan secara retrospektif di mana maklumat perbandingan tidak diwajibkan. Penerimaan pakai MFRS 9 akan mempunyai impak ke atas pengelasan, pengukuran serta rosotnilai aset kewangan dan liabiliti kewangan Kumpulan dan KWAP. Kumpulan dan KWAP telah melaksanakan penilaian impak piawaian ke atas Penyata Kewangan di mana penerimaan pakai dijadualkan pada 1 Januari 2018.

2.3 Syarikat Subsidiari dan Asas Penyatuan

(a) Subsidiari

Subsidiari ialah entiti di mana Kumpulan mempunyai kriteria-kriteria berikut:

- Kuasa untuk pelaksanaan kawalan ke atas polisi-polisi kewangan dan operasi untuk mengurus aktiviti yang berkaitan dengan entiti;
- Pendedahan, atau hak, kepada pulangan tidak tetap daripada pelaburan dalam entiti; dan
- Keupayaan penggunaan kuasa ke atas entiti untuk mempengaruhi pulangan daripada entiti.

Syarikat subsidiari digabungkan sepenuhnya dari tarikh di mana kawalan dipindahkan kepada Kumpulan dan diasingkan dari tarikh kawalan luput. Pelaburan saham tidak tersiar harga dalam syarikat subsidiari dinyatakan pada nilai kos di mana amanah tersebut diselaraskan kepada nilai boleh pulih termasuk kerugian rosotnilai bagi tahun berkenaan, jika ada. Polisi berkaitan dengan pengiktirafan dan pengukuran kerugian rosotnilai adalah seperti yang dinyatakan di dalam Nota 2.19.

Kos pengambilalihan dinyatakan pada nilai saksama aset-aset yang diterima, instrumen ekuiti yang diterbitkan dan liabiliti tertunggak yang sedia ada atau liabiliti yang diambil alih pada tarikh transaksi, termasuk kos pengambilalihan secara langsung.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.3 Syarikat Subsidiari dan Asas Penyatuan (sambungan)

(a) Subsidiari (sambungan)

Aset dan liabiliti yang dikenal pasti bagi tujuan pengambilalihan serta liabiliti luar jangka yang perlu ditanggung semasa gabungan perniagaan pada asalnya dinyatakan mengikut nilai saksama pada tarikh pengambilalihan, tanpa mengambil kira Kepentingan Tak Mengawal, jika ada.

Apabila pelaburan dilupuskan, perbezaan di antara terimaan bersih pelupusan dan nilai dibawa dinyatakan dalam untung atau rugi.

(b) Asas penyatuan

Penyata Kewangan digabungkan merangkumi Penyata-Penyata Kewangan KWAP dan syarikat-syarikat subsidiari. Penyata Kewangan KWAP dan syarikat-syarikat subsidiari yang digunakan bagi penyediaan Penyata Kewangan digabungkan adalah disediakan berdasarkan tarikh laporan yang sama. Dasar perakaunan yang konsisten diguna pakai bagi transaksi dan peristiwa yang sama.

Sekiranya KWAP mempunyai hak mengundi bukan majoriti di dalam sesuatu entiti, perkara-perkara berikut perlu diambil kira dalam penilaian ke atas hak mengundi yang mencukupi berhubung dengan kuasa ke atas entiti:

- Saiz hak mengundi KWAP berbanding dengan saiz dan pecahan pegangan pengundi lain;
- Potensi hak mengundi KWAP, pengundi lain atau pihak lain;
- Hak daripada perjanjian kontrak yang lain; dan
- Fakta atau peristiwa lain yang menggambarkan keupayaan semasa KWAP untuk mengarah aktiviti yang relevan semasa keputusan dibuat termasuk corak undian dalam mesyuarat pemegang saham terdahulu.

Transaksi antara kumpulan, baki dan keuntungan atau kerugian tidak nyata daripada transaksi di antara KWAP dan syarikat subsidiari adalah dihapuskan. Ini adalah termasuk kerugian tidak nyata yang juga merupakan petunjuk rosot nilai ke atas aset yang dipindahkan. Penyata Kewangan digabungkan hanya menggambarkan urusniaga luaran KWAP.

Kerugian antara syarikat subsidiari direkodkan dalam Kepentingan Tak Mengawal walaupun pelaksanaan tersebut mengakibatkan baki defisit.

(c) Gabungan Perniagaan

Pengambilalihan syarikat subsidiari dinyatakan menurut kaedah pengambilalihan. Kos pengambilalihan ialah aggregat pertimbangan yang dipindahkan, yang diambil kira pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan dan aman Kepentingan Tak Mengawal di dalam entiti, jika ada. Kumpulan memilih untuk menilai Kepentingan Tak Mengawal dalam syarikat yang diambilalih sama ada pada nilai saksama atau pada kadar bahagian aset bersih yang dikenal pasti berdasarkan transaksi demi transaksi. Kos transaksi dinyatakan sebagai perbelanjaan pengurusan.

Sebarang pertimbangan luar jangka yang akan dipindahkan oleh pengambilalih akan dinyatakan pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Perubahan dalam nilai saksama pertimbangan luar jangka yang diiktiraf sebagai aset atau liabiliti, akan dinyatakan di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif, berdasarkan MFRS 139 - Financial Instruments: Recognition and Measurement ("MFRS 139") sama ada dalam untung atau rugi atau sebagai perubahan dalam Pendapatan Komprehensif Lain. Penilaian semula tidak diperlukan sekiranya pertimbangan luar jangka diklasifikasikan sebagai ekuiti. Pembayaran berikutnya adalah dinyatakan di dalam ekuiti.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.3 Syarikat Subsidiari dan Asas Penyatuan (sambungan)

(c) Gabungan Perniagaan (sambungan)

Jika pertimbangan luar jangka berada di luar skop MFRS 139, penilaian pertimbangan luar jangka tersebut adalah berdasarkan piawaian MFRS yang bersesuaian.

Bagi pengambilalihan perniagaan oleh Kumpulan, penilaian ke atas aset dan liabiliti kewangan perlu dilaksanakan bagi penentuan pengelasan dan klasifikasi yang sesuai mengikut syarat-syarat kontrak, keadaan ekonomi dan keadaan lain pada tarikh pengambilalihan. Termasuk dalam penilaian ialah pemisahan derivatif terbenam dalam kontrak asal oleh pihak yang diambilalih.

Sekiranya gabungan perniagaan dilaksanakan secara berperingkat, nilai saksama pada tarikh pengambilalihan bagi kepentingan ekuiti terdahulu pembeli yang dipegang dalam syarikat yang diambilalih akan dinilai semula kepada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan berikutnya melalui untung atau rugi.

Muhibah, yang merupakan lebihan agregat pertimbangan yang dipindahkan dan aman yang dinyatakan bagi Kepentingan Tak Mengawal ke atas lebihan aset yang diambil alih dengan liabiliti yang ditanggung yang telah dikenal pasti, pada asalnya dinyatakan pada nilai kos. Sekiranya pertimbangan tersebut adalah lebih rendah daripada nilai saksama aset bersih syarikat subsidiari yang diambil alih, perbezaannya dinyatakan dalam untung atau rugi.

2.4 Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu dan Kepentingan Usaha Sama

Syarikat bersekutu adalah entiti di mana Kumpulan mempunyai pengaruh ketara. Pengaruh ketara ialah kuasa untuk mengambil bahagian di dalam keputusan dasar kewangan dan operasi syarikat bersekutu tetapi bukan kawalan atau kawalan bersama untuk mengawal dasar-dasar tersebut.

Usaha sama adalah pengaturan bersama dari segi struktur dan perundangan di mana pihak-pihak yang terlibat mewujudkan kawalan bersama dan hak bersama ke atas aset bersih pengaturan yang dibentuk. Kawalan bersama adalah perkongsian kawalan yang dipersetujui secara kontrak bagi sesuatu pengaturan, yang wujud hanya apabila keputusan mengenai aktiviti-aktiviti berkaitan memerlukan persetujuan sebulat suara daripada pihak-pihak yang terlibat.

Bagi pengambilalihan pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama, sebarang lebihan kos pelaburan ke atas bahagian Kumpulan bagi nilai saksama bersih aset dan liabiliti yang dikenal pasti dinyatakan sebagai muhibah dan dimasukkan dalam nilai dibawa pelaburan. Sebarang lebihan bahagian Kumpulan bagi nilai saksama bersih aset dan liabiliti yang boleh dikenal pasti ke atas kos pelaburan dikecualikan daripada nilai dibawa pelaburan dan sebaliknya dimasukkan sebagai pendapatan bagi menentukan bahagian untung atau rugi Kumpulan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama bagi tempoh di mana pengambilalihan pelaburan dilaksanakan.

Syarikat bersekutu atau usaha sama dinyatakan menurut kaedah ekuiti dari tarikh entiti diiktiraf sebagai syarikat bersekutu atau usaha sama.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.4 Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu dan Kepentingan Usaha Sama (sambungan)

Menurut kaedah ekuiti, pengiktirafan asal pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama dinyatakan pada nilai kos di mana penambahan atau pengurangan nilai dibawa diiktiraf dalam untung atau rugi dan bahagian Kumpulan bagi Pendapatan Komprehensif Lain syarikat bersekutu atau usaha sama selepas tarikh pengambilalihan. Sekiranya bahagian kerugian Kumpulan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama bersamaan atau melebihi pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama tersebut, pengiktirafan kerugian seterusnya tidak perlu dinyatakan oleh Kumpulan kecuali jika terdapat obligasi perundangan atau konstruktif atau pembayaran yang dibuat bagi pihak syarikat bersekutu atau usaha sama, jika ada.

Keuntungan atau kerugian daripada urus niaga huluan atau hiliran di antara Kumpulan dan syarikat bersekutu atau usaha sama yang dinyatakan di dalam Penyata Kewangan Kumpulan hanya tertakluk kepada pelabur tidak berkait dalam syarikat bersekutu atau usaha sama tersebut. Kerugian tidak nyata dihapuskan kecuali transaksi tersebut membuktikan bahawa terdapat rosotnilai bagi aset yang dipindahkan.

Penyata Kewangan syarikat bersekutu dan usaha sama disediakan mengikut tarikh laporan yang sama dengan Kumpulan. Pelarasan dibuat untuk menyeragamkan dasar perakaunan syarikat bersekutu dan usaha sama dengan dasar Kumpulan, jika perlu.

Selepas penerimaan pakai kaedah ekuiti, Kumpulan menggunakan piawaian *MFRS 136 – Impairment of Asset* ("MFRS 136") bagi menentukan keperluan pengiktirafan kerugian rosotnilai tambahan daripada kemerosotan pelaburan berkaitan dengan pelaburan bersih dalam syarikat bersekutu atau usaha sama, jika ada. Keseluruhan nilai dibawa pelaburan diuji sebagai satu aset untuk pengiraan rosotnilai berdasarkan piawaian MFRS 136 yang menggunakan perbandingan di antara nilai boleh pulih (yang lebih tinggi antara nilai sedang digunakan dan nilai saksama setelah ditolak kos jualan) dan nilai dibawa, jika perlu. Kerugian rosotnilai dinyatakan dalam untung atau rugi, jika ada. Penyataan semula kerugian rosotnilai dinyatakan pada tahap peningkatan nilai boleh pulih pelaburan.

2.5 Aset Tidak Ketara

Aset tidak ketara yang diperolehi secara berasingan pada asalnya dinyatakan pada nilai kos. Berikutan pengiktirafan asal, aset tidak ketara sama dinyatakan pada nilai kos selepas ditolak pelunasan terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul, jika ada. Jangka hayat aset tidak ketara sama ada terhad atau tidak terhad ditentukan. Aset tidak ketara dengan jangka hayat terhad dilunaskan berdasarkan kaedah garis lurus sepanjang anggaran ekonomi jangka hayat penggunaan dan rosotnilai diambil kira apabila terdapat tanda rosotnilai bagi aset tidak ketara, jika perlu. Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan bagi aset tidak ketara dengan jangka hayat terhad disemak semula pada hujung setiap tarikh laporan.

Perubahan dalam jangka hayat atau corak penggunaan berkaitan dengan manfaat ekonomi masa hadapan aset diiktiraf melalui perubahan ke atas tempoh atau kaedah pelunasan, di mana bersesuaian, dan diambil kira sebagai perubahan dalam andaian perakaunan. Kos pelunasan bagi aset tidak ketara dengan jangka hayat terhad direkodkan dalam untung atau rugi.

Aset tidak ketara dengan jangka hayat tidak terhad atau belum bersedia untuk tujuan kegunaan disemak bagi tujuan rosotnilai setiap tahun, atau lebih kerap apabila terdapat tanda bahawa nilai dibawa aset mungkin dirosotnilai sama ada secara individu atau pada peringkat Unit Penjana Tunai ("CGU"). Aset tidak ketara tersebut tidak tertakluk kepada pelunasan. Jangka hayat bagi aset tidak ketara dengan jangka hayat tidak terhad disemak semula setiap tahun untuk menentukan kebolehlaksanaan penilaian jangka hayat. Sekiranya jangka hayat tersebut tidak boleh disokong, perubahan daripada jangka hayat tidak terhad kepada jangka hayat terhad dilaksanakan secara prospektif.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.5 Aset Tidak Ketara (sambungan)

Keuntungan atau kerugian daripada hapuskira aset tidak ketara dinyatakan sebagai perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa aset dan diiktiraf dalam untung atau rugi apabila hapuskira dilaksanakan.

Susut nilai bagi aset tidak ketara diperlukan mengikut kaedah garis lurus di mana kos setiap aset dihapus kira kepada nilai sisa berdasarkan kaedah susut nilai yang berikut:

Perisian komputer dan lesen	33.33%
-----------------------------	--------

2.6 Hartanah Dan Peralatan

Hartanah dan peralatan pada asalnya dinyatakan pada nilai kos. Kos bagi sesuatu item harta dan peralatan diiktiraf sebagai aset jika, dan hanya jika, terdapat kebarangkalian besar bahawa faedah ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan aset tersebut akan diterima oleh Kumpulan dan kosnya boleh dinilai dengan yakin.

Selepas pengiktirafan asal, harta dan peralatan dinyatakan pada nilai kos selepas ditolak susut nilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul, sekiranya ada.

Jika terdapat keperluan untuk menggantikan sebahagian besar daripada item harta dan peralatan, bahagian tersebut diiktiraf sebagai aset individu dengan jangka hayat penggunaan serta susut nilai tersendiri. Begitu juga, sekiranya terdapat pemeriksaan utama, kos penggantian bagi item harta dan peralatan diiktiraf dalam nilai dibawa item tersebut, tertakluk kepada kriteria pengiktirafan yang ditetapkan. Kos-kos penambahbaikan dan penyelenggaraan lain diiktiraf dalam untung atau rugi apabila ditanggung.

Susut nilai bagi harta dan peralatan diperlukan mengikut kaedah garis lurus di mana kos setiap aset dihapus kira kepada nilai sisa berdasarkan kaedah susut nilai yang berikut:

Komputer	20.00%
Perabot dan Peralatan Pejabat	20.00%
Peralatan Gimnasium	20.00%
Lukisan	20.00%
Kenderaan	20.00%
Peralatan Elektrik	33.33%

Kerja dalam kemajuan terdiri daripada, antara lain, kerja-kerja pengubahauan sedang dijalankan dan penambahbaikan atau penaiktarafan sistem maklumat yang sedang dijalankan. Kerja dalam kemajuan, lukisan bukan berasaskan lukisan air dan tanah pegangan kekal dinyatakan pada nilai kos dan tidak disusut nilaiakan sehingga aset berkenaan sedia untuk digunakan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.6 Hartanah Dan Peralatan (sambungan)

Nilai dibawa bagi harta tanah dan peralatan disemak bagi tujuan rosot nilai apabila berlaku peristiwa atau perubahan pada keadaan yang menunjukkan nilai dibawa berkemungkinan tidak akan diperolehi.

Nilai sisa, jangka hayat dan kaedah susut nilai disemak semula pada setiap tahun kewangan dan dilaraskan secara prospektif, sekiranya perlu.

Item harta tanah dan peralatan dihapuskira apabila dilupuskan atau apabila tiada faedah ekonomi masa hadapan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusan aset tersebut. Keuntungan atau kerugian aset selepas dihapuskira diiktiraf dalam untung atau rugi di dalam tahun aset tersebut dihapuskira.

2.7 Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf di dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila, dan hanya apabila, Kumpulan dan KWAP menjadi pihak kepada peruntukan berkontrak bagi instrumen kewangan tersebut. Selepas pengiktirafan asal, aset kewangan dinyatakan pada nilai saksama selepas ditambah kos transaksi yang berkaitan.

Klasifikasi aset kewangan ditentukan pada pengiktirafan asal di mana kategori-kategori klasifikasi adalah termasuk Aset Kewangan pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi, Pinjaman dan Belum Terima dan Aset Kewangan Sedia Dijual.

(a) Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi

Aset Kewangan pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi adalah merupakan Aset Kewangan Dipegang Untuk Dagangan, aset kewangan derivatif atau aset kewangan yang ditetapkan sedemikian semasa pengiktirafan asal. Aset Kewangan Dipegang Untuk Dagangan adalah aset kewangan yang diperolehi untuk tujuan dagangan, pembelian atau penjualan semula dalam tempoh terdekat. Instrumen pelaburan lain yang diklasifikasikan sebagai Aset Kewangan Dipegang Untuk Dagangan adalah instrumen pelaburan pendapatan tetap yang ditetapkan di bawah portfolio dagangan serta instrumen derivatif yang dibeli secara langsung atau terdapat di dalam kontrak yang telah dimeterai pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

Selepas pengiktirafan asal, aset kewangan pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi dinyatakan pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian daripada perubahan nilai saksama diiktiraf dalam untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian bersih ke atas Aset Kewangan pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi tidak merangkumi perbezaan pertukaran, faedah dan pendapatan dividen. Perbezaan pertukaran, faedah dan pendapatan dividen bagi Aset Kewangan pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi diiktiraf secara berasingan dalam untung atau rugi sebagai pendapatan atau kerugian lain.

Derivatif terbenam di dalam kontrak asal diiktiraf sebagai derivatif berasingan dan dinyatakan pada nilai saksama jika ciri-ciri ekonomi dan risiko derivatif tersebut tidak berkait rapat dengan ciri-ciri ekonomi dan risiko kontrak asal dan kontrak asal tidak diklasifikasikan sebagai Aset Kewangan Dipegang Untuk Dagangan atau ditetapkan pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi. Derivatif terbenam tersebut dinyatakan pada nilai saksama di mana perubahan terhadap nilai saksama diiktiraf dalam untung atau rugi. Penilaian semula dilaksanakan sekiranya berlaku perubahan pada terma kontrak di mana terdapat pengubahsuaian ketara kepada aliran tunai.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.7 Aset Kewangan (sambungan)

(a) Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi (sambungan)

Jika derivatif terbenam tidak boleh dinilai dengan yakin secara berasingan sama ada pada tarikh pengambilalihan atau pada tarikh akhir tempoh laporan yang berikutnya, keseluruhan instrumen tersebut ditetapkan pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi. Walau bagaimanapun, jika keseluruhan instrumen tidak boleh dinilai dengan yakin, instrumen tersebut dinyatakan pada nilai kos selepas ditolak rosotnilai.

Aset kewangan pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi diklasifikasikan sama ada sebagai aset semasa atau aset bukan semasa. Aset kewangan yang dipegang untuk tujuan dagangan diklasifikasikan sebagai aset semasa manakala aset kewangan yang dipegang bukan untuk tujuan dagangan diklasifikasikan sama ada sebagai aset semasa atau aset bukan semasa berdasarkan tarikh penyelesaian aset kewangan tersebut.

(b) Pinjaman dan belum terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif yang mempunyai pembayaran tetap atau pembayaran yang tidak tersiar harga di dalam pasaran aktif. Selepas pengiktirafan asal, pinjaman dan belum terima dinyatakan pada nilai kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi melalui proses pelunasan.

Pinjaman dan belum terima diklasifikasikan sebagai aset semasa kecuali pinjaman dan belum terima di mana tarikh matang adalah melebihi 12 bulan selepas tarikh laporan yang diklasifikasikan sebagai aset bukan semasa.

(c) Aset Kewangan Sedia Dijual

Aset Kewangan Sedia Dijual adalah aset kewangan bukan derivatif yang ditetapkan sebagai sedia untuk dijual atau tidak diklasifikasikan dalam mana-mana kategori aset kewangan lain di bawah MFRS 139.

Selepas pengiktirafan asal, Aset Kewangan Sedia Dijual dinyatakan pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian daripada perubahan nilai saksama aset kewangan tersebut diiktiraf dalam Pendapatan Komprehensif Lain, kecuali kerugian rosotnilai, keuntungan dan kerugian pertukaran mata wang asing atas instrumen kewangan serta faedah yang dikira di bawah kaedah faedah berkesan. Kerugian rosotnilai, keuntungan dan kerugian pertukaran mata wang asing atas instrumen kewangan dan faedah diiktiraf di dalam untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian terkumpul terdahulu yang diiktiraf di dalam Pendapatan Komprehensif Lain diklasifikasikan semula daripada ekuiti kepada untung atau rugi sebagai pelarasian klasifikasi semula selepas aset kewangan tersebut dihapus kira. Pendapatan faedah yang dikira menggunakan kaedah faedah berkesan diiktiraf dalam untung atau rugi. Dividen yang diterima daripada instrumen ekuiti Sedia Dijual diiktiraf dalam untung atau rugi setelah ditentukan hak untuk menerima pembayaran.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti di mana nilai saksama tidak boleh dinilai dengan yakin dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak kerugian rosotnilai.

Aset Kewangan Sedia Dijual diklasifikasikan sebagai aset bukan semasa kecuali Aset Kewangan Sedia Dijual yang dijangka akan direalisasikan dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh laporan yang diklasifikasikan sebagai aset semasa.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.7 Aset Kewangan (sambungan)

(c) Aset Kewangan Sedia Dijual (sambungan)

Aset kewangan dihapus kira apabila tamat hak kontraktual untuk menerima aliran tunai daripada aset tersebut. Apabila aset kewangan dihapus kira secara keseluruhan, perbezaan antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan yang diterima termasuk keuntungan atau kerugian terkumpul terdahulu yang diiktiraf di dalam Pendapatan Komprehensif Lain, sekiranya ada, dinyatakan dalam untung atau rugi.

Pembelian atau jualan aset kewangan secara biasa adalah merupakan pembelian atau jualan di mana penyerahan aset kewangan dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan mengikut peraturan atau konvensyen di dalam pasaran yang berkaitan. Segala pembelian dan jualan aset kewangan secara biasa diiktiraf atau dihapus kira pada tarikh dagangan iaitu tarikh di mana Kumpulan dan KWAP memberi komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

2.8 Aset-Aset Lain

Aset-aset lain diiktiraf pada nilai nyata bersih yang dijangka. Hutang lapuk diiktiraf dan dihapus kira apabila dikenalpasti. Anggaran hutang ragu adalah berdasarkan semakan semula jumlah yang tertunggak pada tarikh laporan.

2.9 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan, tunai di bank dan deposit yang ditempatkan di institusi kewangan yang mempunyai kecairan yang tinggi yang tidak tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang ketara selepas ditolak overdraf bank. Kesetaraan tunai termasuk pelaburan jangka pendek dengan tempoh matang 90 hari atau kurang dari tarikh pembelian.

2.10 Pajakan

Sebagai Penyewa

Pajakan operasi adalah pajakan di mana sebahagian besar risiko dan ganjaran ke atas pemilikan aset dikekalkan oleh tuan pajak. KWAP menyewa bangunan pejabat di Cyberjaya bagi Jabatan Perkhidmatan Pencen KWAP. Bayaran yang dibuat di bawah perbelanjaan ini dicajkan dalam Penyata Untung Rugi mengikut kaedah garis lurus dalam tempoh pajakan.

Sebagai Tuan Pajak

Pajakan operasi adalah pajakan di mana sebahagian besar risiko dan ganjaran ke atas pemilikan aset dikekalkan oleh tuan pajak. Pendapatan pajakan akan diiktiraf mengikut tempoh pajakan menggunakan kaedah garis lurus.

2.11 Pelaburan Hartanah

Pelaburan Hartanah terdiri daripada tanah, hartaanah siap dan hartaanah sedang dibina ("IPUC") yang dipegang untuk tujuan kenaikan modal atau sewa atau kedua-duanya, dan secara amnya tidak diduduki untuk kegunaan atau berada di dalam operasi Kumpulan. Pelaburan hartaanah diklasifikasikan sebagai pelaburan jangka panjang dengan pengiktirafan asal pada nilai kos termasuk kos urusniaga.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.11 Pelaburan Hartanah (sambungan)

Selepas pengiktirafan asal, pelaburan hartaanah dinyatakan pada nilai kos selepas ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul, sekiranya ada, kecuali hartaanah pegangan bebas dengan jangka hayat tidak terhad dan IPUC yang tidak disusut nilai. IPUC tidak disusut nilai kerana aset tersebut belum bersedia untuk digunakan. Pelaburan hartaanah lain disusut nilai mengikut anggaran jangka hayat ekonomi. Caj susut nilai bagi bangunan adalah 2.5% setahun pada atas garis lurus, manakala caj susut nilai tanah adalah Sembilan Puluh Sembilan (99) tahun pada atas garis lurus. Dasar bagi pengiktirafan dan pengukuran kerugian rosot nilai adalah seperti yang dinyatakan di Nota 2.19.

Nilai sisa, jangka hayat dan kaedah susut nilai pelaburan hartaanah disemak semula pada setiap tahun kewangan, dan dilaraskan secara prospektif, sekiranya sesuai.

Pelaburan hartaanah dihapus kira apabila dilupuskan atau apabila penggunaan terhenti di mana tiada faedah ekonomi masa hadapan yang dijangka daripada pelupusan dan penamatatan aset tersebut. Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan atau penamatatan pelaburan hartaanah diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tahun pelupusan atau penamatatan.

Pindahan kepada atau daripada pelaburan hartaanah hanya dilaksanakan apabila terdapat perubahan dalam kegunaan pelaburan hartaanah. Bagi pindahan daripada pelaburan hartaanah kepada hartaanah yang diduduki pemilik, kos bagi perakaunan berikutnya adalah nilai saksama pelaburan hartaanah tersebut pada tarikh perubahan dalam kegunaan. Bagi pindahan daripada hartaanah yang diduduki pemilik kepada pelaburan hartaanah, hartaanah tersebut diakaunkan mengikut dasar perakaunan bagi hartaanah dan peralatan seperti yang dinyatakan di dalam Nota 2.6 sehingga tarikh perubahan dalam kegunaan.

Tanah pegangan bebas dengan jangka hayat tidak terhad tidak disusut nilai dan dinyatakan pada nilai kos selepas ditolak kerugian rosot nilai, sekiranya ada.

Bangunan	2.50%
Ubahsuai pejabat	16.67%
Pelaburan hartaanah – kumpulan nilai rendah	18.75%

2.12 Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila terdapat obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) yang disebabkan oleh peristiwa terdahulu di mana terdapat kebarangkalian besar bahawa sumber ekonomi akan dialirkkan keluar untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan jumlah obligasi boleh dinilai dengan yakin.

Peruntukan disemak semula pada setiap tarikh laporan dan diselaraskan bagi menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Penyataan semula peruntukan dilaksanakan sekiranya terdapat kebarangkalian besar bahawa sumber ekonomi yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut tidak akan dialirkkan keluar. Bagi nilai masa wang, diskaun atas peruntukan dilaksanakan mengikut kadar sebelum cukai semasa, sekiranya sesuai. Selepas pelaksanaan diskaun ke atas peruntukan, peningkatan peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa dinyatakan sebagai kos kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.13 Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diklasifikasikan mengikut kandungan pengaturan kontrak yang dimeterai serta definisi liabiliti kewangan.

Liabiliti kewangan, di bawah skop MFRS 139, diiktiraf di dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila, dan hanya apabila, Kumpulan dan KWAP menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan. Liabiliti kewangan diklasifikasikan sama ada sebagai Liabiliti Kewangan pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi atau Liabiliti Kewangan Lain.

(a) Liabiliti Kewangan pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi

Liabiliti Kewangan pada Nilai Saksama Melalui Untung Atau Rugi adalah termasuk derivatif kewangan yang tidak memenuhi kriteria perakaunan lindung nilai. Liabiliti derivatif dinyatakan pada nilai saksama, di mana keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi. Perbezaan pertukaran mata wang adalah termasuk dalam keuntungan atau kerugian bersih derivatif tersebut.

(b) Liabiliti Kewangan Lain

Liabiliti Kewangan Lain adalah termasuk pembiayaan dan pinjaman.

Pembiayaan dan pinjaman pada asalnya dinyatakan pada nilai saksama setelah ditambah kos urusniaga secara langsung dan kemudiannya diukur pada nilai kos yang dilunaskan berdasarkan kaedah faedah berkesan.

Pembiayaan dan pinjaman pada asalnya dinyatakan pada nilai saksama, selepas diambil kira kos urus niaga yang terlibat dan kemudiannya dinyatakan pada nilai kos yang dilunaskan berdasarkan kaedah faedah berkesan. Pinjaman diklasifikasikan sebagai liabiliti semasa kecuali pinjaman yang mempunyai hak tanpa syarat untuk menunda penyelesaian liabiliti untuk sekurang-kurangnya dua belas 12 bulan selepas tarikh laporan yang diklasifikasikan sebagai liabiliti bukan semasa.

Keuntungan dan kerugian Liabiliti Kewangan Lain diiktiraf dalam untung atau rugi selepas liabiliti dihapuskira melalui proses pelunasan.

Liabiliti kewangan dihapuskira apabila obligasi berkenaan dengan liabiliti tersebut dihapuskan. Sekiranya terdapat pengantian ke atas liabiliti kewangan yang sedia ada daripada peminjam yang sama dengan perbezaan besar syarat pinjaman, atau pengubahsuaian besar terhadap terma liabiliti yang sedia ada, pengubahsuaian tersebut diiktiraf sebagai hapuskira liabiliti yang asal dan pengiktirafan liabiliti yang baru. Perbezaan dalam nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut diiktiraf dalam untung atau rugi.

2.14 Kos Pinjaman

Kos pinjaman dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos aset yang layak sekiranya kos tersebut berkait secara langsung dengan pengambilalihan, pembinaan atau pengeluaran aset. Permodalan kos pinjaman bermula dengan pelaksanaan aktiviti penyediaan aset bagi tujuan kegunaan aset tersebut atau berlakunya perbelanjaan dan kos pinjaman semasa jualan sedang dilaksanakan. Kos pinjaman dipermodalkan sehingga sebahagian besar aset telah siap dibina untuk tujuan kegunaan atau jualan aset tersebut.

Kos pinjaman lain diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh kos ditanggung. Kos pinjaman terdiri daripada faedah dan kos lain yang ditanggung berhubung dengan pinjaman dana.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.15 Pengiktirafan Hasil Dan Pendapatan

Hasil dan pendapatan diiktiraf pada tahap di mana terdapat kebarangkalian besar bahawa faedah ekonomi masa hadapan akan dialirkan masuk dan boleh dinilai dengan yakin. Hasil dan pendapatan dinyatakan pada nilai saksama bagi pertimbangan yang diterima atau akan diterima.

(a) Pendapatan dividen

Pendapatan dividen diiktiraf apabila terdapat hak untuk menerima pembayaran.

(b) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diiktiraf atas dasar akruan berdasarkan kaedah faedah berkesan.

(c) Keuntungan atau kerugian pelupusan pelaburan

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan pelaburan diiktiraf apabila semua syarat-syarat perjanjian yang membawa kepada penjualan pelaburan dipenuhi.

(d) Pendapatan sewaan

Pendapatan sewa diiktiraf atas dasar akruan sepanjang tempoh sewaan.

2.16 Cukai Pendapatan

(a) Cukai semasa

Aset dan liabiliti cukai semasa dinyatakan pada amaun boleh pulih yang dijangka akan diterima daripada pihak berkuasa cukai. Kadar cukai dan undang-undang cukai yang diguna pakai bagi pengiraan jumlah boleh pulih adalah berdasarkan kadar dan undang-undang yang digubal atau sebahagian besarnya telah digubal pada tarikh laporan.

Cukai semasa diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali cukai yang berkaitan dengan item yang diiktiraf di luar untung atau rugi, sama ada di dalam Pendapatan Komprehensif Lain atau secara langsung dalam ekuiti.

KWAP dikecualikan daripada cukai pendapatan di bawah seksyen 127[3A] Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi semua pendapatan daripada punca domestik. Semua pendapatan daripada punca antarabangsa adalah tertakluk kepada kadar dan undang-undang cukai negara terbabit.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.16 Cukai Pendapatan (sambungan)

(b) Cukai tertunda

Cukai tertunda adalah peruntukan yang menggunakan kaedah liabiliti berdasarkan perbezaan di antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai dibawa aset dan liabiliti untuk tujuan laporan kewangan pada tarikh laporan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara, kecuali:

- di mana liabiliti cukai tertunda berpunca daripada pengiktirafan asal muhibah atau pengiktirafan asal aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan merupakan gabungan perniagaan serta pada masa transaksi dilaksanakan, tiada memberi kesan kepada keuntungan perakaunan atau untung atau rugi sebelum cukai; dan
- bagi perbezaan sementara boleh cukai yang berkaitan dengan pelaburan dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan pelaburan dalam usaha sama, di mana pelaksanaan penyataan semula perbezaan sementara boleh dikawal dan terdapat kebarangkalian besar bahawa perbezaan sementara tersebut tidak akan dinyatakan semula pada masa hadapan.

Aset cukai tertunda dinyatakan bagi semua perbezaan sementara yang boleh ditolak, kredit cukai dan kerugian cukai tidak diguna yang dibawa ke hadapan, kepada tahap di mana kebarangkalian keuntungan boleh cukai boleh digunakan ke atas perbezaan sementara, dan kredit cukai dan kerugian cukai tidak diguna yang dibawa ke hadapan boleh dimanfaatkan kecuali:

- di mana aset cukai tertunda berkaitan dengan perbezaan sementara yang boleh ditolak berpunca daripada pengiktirafan asal sesuatu aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan merupakan gabungan perniagaan serta, pada masa transaksi dilaksanakan, tiada memberi kesan kepada keuntungan perakaunan atau keuntungan atau kerugian boleh cukai; dan
- bagi perbezaan sementara boleh ditolak yang berkaitan dengan pelaburan dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan pelaburan dalam usaha sama, aset cukai tertunda diiktiraf apabila terdapat kebarangkalian besar bahawa perbezaan sementara akan dinyatakan semula pada masa hadapan dan keuntungan boleh cukai akan membolehkan penggunaan perbezaan sementara tersebut.

Nilai dibawa aset cukai tertunda disemak semula pada setiap tarikh laporan dan dikurangkan kepada tahap di mana tiada kebarangkalian besar bahawa terdapat keuntungan boleh cukai yang mencukupi untuk membolehkan semua atau sebahagian penggunaan aset cukai tertunda. Aset cukai tertunda tidak diiktiraf dinilai semula pada setiap tarikh laporan dan diiktiraf kepada tahap di mana terdapat kebarangkalian besar bahawa keuntungan boleh cukai masa hadapan akan membolehkan penggunaan aset cukai tertunda tersebut.

Aset dan liabiliti cukai tertunda dinyatakan pada kadar cukai yang dijangka akan diguna pakai pada tahun aset direalisasikan atau penyelesaian liabiliti berdasarkan kadar cukai dan undang-undang cukai yang digubal atau sebahagian besarnya digubal pada tarikh laporan.

Cukai tertunda yang berkaitan dengan item yang diiktiraf di luar untung atau rugi diiktiraf di luar untung atau rugi. Cukai tertunda tersebut diiktiraf berdasarkan urusniaga yang berkaitan sama ada di dalam Pendapatan Komprehensif Lain atau secara langsung di dalam ekuiti. Cukai tertunda yang berpunca daripada gabungan perniagaan diselaraskan ke atas muhibah yang berkaitan semasa pengambilalihan.

Aset cukai tertunda dan liabiliti cukai tertunda diimbangi, sekiranya terdapat hak yang sah untuk mengimbangi aset cukai semasa dengan liabiliti cukai semasa, di mana aset cukai tertunda dan liabiliti cukai tertunda tersebut adalah berkaitan dengan entiti boleh cukai yang sama serta pihak berkuasa cukai yang sama.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.17 Mata Wang Asing

(a) Mata wang fungsian dan persembahan

Penyata Kewangan individu bagi setiap entiti dalam Kumpulan dinyatakan berdasarkan mata wang utama dalam persekitaran ekonomi di mana entiti tersebut beroperasi ("mata wang fungsian"). Penyata Kewangan digabungkan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") sebagai mata wang fungsian Kumpulan dan KWAP.

(b) Transaksi dan baki dalam mata wang asing

Transaksi mata wang asing dinyatakan berdasarkan mata wang fungsian masing-masing bagi KWAP dan syarikat subsidiari di mana pengikrafan asal mata wang fungsian tersebut adalah berdasarkan kadar tukaran mata wang pada tarikh urus niaga.

Aset dan liabiliti kewangan yang didominasi dalam mata wang asing diterjemahkan menggunakan kadar tukaran mata wang semesta pada tarikh laporan.

Perbezaan kadar tukaran mata wang yang terhasil daripada penyelesaian item kewangan atau pada terjemahan item kewangan pada tarikh laporan diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif kecuali perbezaan kadar tukaran mata wang berikutnya daripada item kewangan yang merupakan sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan di dalam operasi luar negara. Item kewangan tersebut pada asalnya diiktiraf di dalam Pendapatan Komprehensif Lain dan dikumpulkan di bawah Rizab Pertukaran Mata Wang Asing di dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Item bukan kewangan yang didnenominasi dalam mata wang asing yang dinyatakan pada nilai kos sejarah adalah diterjemahkan menggunakan kadar tukaran mata wang semesta pada tarikh transaksi asal dilaksanakan. Item bukan kewangan yang didnenominasi dalam mata wang asing dinyatakan pada nilai saksama yang diterjemahkan menggunakan kadar tukaran mata wang semesta pada tarikh nilai saksama ditentukan.

Perbezaan kadar tukaran mata wang berikutnya daripada terjemahan item bukan kewangan yang dinyatakan pada nilai saksama diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif pada tahun dilaksanakan kecuali bagi perbezaan kadar tukaran mata wang berikutnya daripada terjemahan item bukan monetari di mana untung dan rugi item bukan kewangan tersebut diiktiraf di dalam Pendapatan Komprehensif Lain.

(c) Kendalian asing

Hasil kewangan dan kedudukan kewangan kendalian asing yang mempunyai mata wang fungsian yang berbeza dengan mata wang persembahan Ringgit Malaysia di dalam Penyata Kewangan digabungkan adalah diterjemahkan kepada mata wang persembahan seperti berikut:

- Aset dan liabiliti kendalian asing diterjemahkan pada kadar tukaran mata wang penutup pada tarikh laporan;
- Pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap Penyata Pendapatan Komprehensif diterjemahkan pada kadar tukaran purata bagi tahun kewangan tersebut; dan
- Semua perbezaan kadar tukaran mata wang dinyatakan secara langsung di dalam Pendapatan Komprehensif Lain melalui Rizab Pertukaran Mata Wang Asing.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.17 Mata Wang Asing (sambungan)

(c) Kendalian asing (sambungan)

Sekiranya sesuatu kendalian asing dilupuskan, perbezaan kadar tukaran mata wang terkumpul berkaitan dengan kendalian asing tersebut yang dahulunya diiktiraf di dalam Pendapatan Komprehensif Lain dan dikumpulkan di dalam komponen ekuiti yang berasingan, dikelasifikasi semula dari ekuiti ke Penyata Pendapatan Komprehensif (sebagai pelarasan klasifikasi semula) apabila keuntungan atau kerugian pelupusan dinyatakan.

Bagi pelupusan separa syarikat subsidiari yang melibatkan kendalian asing, bahagian bersekadar untuk perbezaan pertukaran mata wang terkumpul yang dahulunya diiktiraf di dalam Pendapatan Komprehensif Lain disalurkan kepada Kepentingan Tak Mengawal bagi kendalian asing tersebut. Bagi pelupusan separa kendalian asing yang lain, bahagian bersekadar perbezaan pertukaran mata wang terkumpul yang dahulunya diiktiraf di dalam Pendapatan Komprehensif Lain dikelasifikasi semula kepada Penyata Pendapatan Komprehensif.

Muhibah dan pelarasan nilai saksama yang berikutnya daripada pengambilalihan kendalian asing dinyatakan sebagai aset dan liabiliti kendalian asing tersebut dan diterjemahkan mengikut kadar tukaran mata wang penutup pada tarikh laporan.

2.18 Rosotnilai Aset Bukan Kewangan

Penilaian rosotnilai dilaksanakan pada setiap tarikh laporan bagi menentukan keperluan rosotnilai aset. Sekiranya terdapat tanda-tanda rosotnilai atau keperluan untuk penilaian rosotnilai, jangkaan nilai boleh pulih dianggarkan bagi aset yang berkaitan.

Nilai boleh pulih adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksama aset selepas ditolak kos jualan dan nilai sedang digunakan. Bagi tujuan penilaian rosotnilai, aset dikumpulkan pada tahap terendah di mana aliran tunai boleh dikenal pasti secara berasingan iaitu pada tahap Unit Penjanaan Tunai ("CGU").

Dalam penilaian nilai sedang digunakan, anggaran aliran tunai masa hadapan yang dijangka akan dijana oleh aset didiskaunkan kepada nilai semasa menggunakan kadar diskau sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang serta risiko yang khusus kepada aset tersebut. Apabila nilai dibawa aset melebihi nilai boleh pulih, aset tersebut dinyatakan pada nilai boleh pulih. Kerugian rosotnilai yang diiktiraf bagi CGU atau kumpulan CGU pada asalnya diperuntukkan untuk mengurangkan nilai dibawa muhibah yang diperuntukkan kepada unit atau kumpulan unit tersebut, sekiranya ada, diikuti oleh pengurangan amaun dibawa aset-aset lain di dalam unit atau kumpulan unit pada atas *pro-rata*. Kerugian rosotnilai diiktiraf dalam untung atau rugi.

Penilaian rosotnilai dilaksanakan pada setiap tarikh laporan bagi menentukan sama ada keperluan kerugian rosotnilai terdahulu masih lagi wujud atau telah berkurangan. Penyataan semula kerugian rosotnilai terdahulu hanya dilaksanakan sekiranya terdapat perubahan dalam anggaran yang diguna pakai untuk menentukan nilai boleh pulih aset bagi pengiktirafan kerugian rosotnilai terdahulu. Bagi situasi ini, nilai dibawa aset dinaikkan kepada nilai boleh pulih. Walau bagaimanapun, kenaikan tersebut tidak boleh melebihi nilai dibawa aset selepas ditolak susut nilai, di mana tiada pengiktirafan kerugian rosotnilai terdahulu. Penyataan semula rosotnilai diiktiraf dalam untung atau rugi. Tiada penyataan semula bagi kerugian rosotnilai ke atas muhibah di dalam tempoh yang berikutnya.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.19 Rosotnilai Aset Kewangan

(a) Penghutang perniagaan dan penghutang lain serta aset kewangan lain yang dinyatakan pada nilai kos yang dilunaskan

Faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan pembayaran, kesulitan kewangan penghutang yang ketara dan tunggakan atau kelewatan ketara dalam pembayaran diambil kira untuk menentukan bukti objektif kerugian rosotnilai aset kewangan. Pentaksiran rosotnilai secara kolektif dilaksanakan terhadap aset yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa. Bukti objektif rosotnilai portfolio penghutang adalah seperti pengalaman berkenaan pungutan pembayaran, peningkatan bilangan pembayaran lewat portfolio yang melebihi tempoh kredit purata serta perubahan yang boleh diperhati berkenaan dengan keadaan ekonomi negara atau tempatan yang berhubung kait dengan kemungkinan tunggakan bayaran oleh penghutang.

Sekiranya wujud bukti sedemikian, amaun kerugian rosotnilai dinyatakan sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset kewangan dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan asal aset kewangan. Kerugian rosotnilai diiktiraf dalam untung atau rugi.

Nilai dibawa aset kewangan dikurangkan secara langsung oleh kerugian rosotnilai aset kewangan kecuali penghutang perniagaan di mana nilai dibawa dikurangkan melalui penggunaan akaun elau. Jika hutang perniagaan tidak dibayar, hutang perniagaan tersebut dihapus kira melalui akaun peruntukan penghutang.

Sekiranya terdapat pengurangan amaun kerugian rosotnilai di dalam tempoh berikutnya yang mempunyai kaitan secara objektif dengan peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan rosotnilai asal, kerugian rosotnilai terdahulu dinyatakan semula kepada tahap di mana nilai dibawa aset tidak melebihi kos pelunasan aset pada tarikh penyataan semula. Penyataan semula rosotnilai diiktiraf dalam untung atau rugi.

(b) Sekuriti ekuiti tidak tersiar harga dinyatakan pada nilai kos

Sekiranya terdapat bukti objektif bagi kerugian rosotnilai ke atas aset kewangan yang dinyatakan pada nilai kos (seperti perubahan ketara dalam persekitaran perniagaan di mana penerbit beroperasi, kebarangkalian ketidakmampuan pembayaran atau kesulitan kewangan penerbit yang ketara), amaun kerugian rosotnilai dinyatakan sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset kewangan dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan yang didiskaunkan pada kadar pasaran semasa bagi aset kewangan yang serupa. Kerugian rosotnilai tersebut tidak boleh dinyatakan dalam tempoh berikutnya.

(c) Aset Kewangan Sedia Dijual

Penurunan ketara atau penurunan berpanjangan bagi nilai saksama di bawah nilai kos, kesulitan kewangan yang ketara bagi penerbit atau penanggung obligasi serta kehilangan pasaran dagangan yang aktif adalah tanda-tanda untuk menentukan bukti objektif bagi rosotnilai sekuriti pelaburan yang dikelasifikasikan sebagai Aset Kewangan Sedia Dijual.

Bagi rosotnilai Aset Kewangan Sedia Dijual, amaun yang terdiri daripada perbezaan di antara nilai kos (selepas ditolak sebarang bayaran pokok dan pelunasan, sekiranya ada) dan nilai saksama selepas ditolak kerugian rosotnilai terdahulu yang diiktiraf dalam untung atau rugi bagi aset kewangan, sekiranya ada, dipindahkan daripada ekuiti kepada untung atau rugi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.19 Rosot nilai Aset Kewangan (sambungan)

(c) Aset Kewangan Sedia Dijual (sambungan)

Tiada pernyataan semula kerugian rosot nilai aset kewangan dalam untung atau rugi bagi tempoh berikutnya. Peningkatan nilai saksama, sekiranya ada, selepas pengiktirafan kerugian rosot nilai, dinyatakan di dalam Pendapatan Komprehensif Lain. Jika peningkatan nilai saksama pelaburan hutang boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan asal kerugian rosot nilai dalam untung atau rugi, kerugian rosot nilai akan dinyatakan semula dalam untung atau rugi.

2.20 Manfaat Pekerja

(a) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus, caruman keselamatan sosial (PERKESO), caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau caruman pencen dan bayaran gratuity kepada pekerja kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan tersebut diberikan oleh pekerja Kumpulan. Pampasan ketidakhadiran jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja yang kemudiannya meningkatkan kelayakan pekerja untuk pampasan ketidakhadiran yang akan datang. Sementara itu, pampasan ketidakhadiran jangka pendek tidak terkumpul seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

(b) Manfaat jangka panjang

Bayaran manfaat jangka panjang selepas persaraan dan/atau selepas tamat tempoh kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan manfaat pekerja atas dasar terakru dalam tahun semasa Penyata Pendapatan Komprehensif. Pada masa yang sama, amaun tersebut diiktiraf sebagai liabiliti yang dikategorikan sebagai faedah pekerja di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Jenis-jenis faedah jangka panjang yang diiktiraf berdasarkan asas akruan adalah seperti berikut:

- Bayaran pembiayaan rawatan perubatan kepada pesara; dan
- Bayaran anugerah cuti gantian.

2.21 Pengiraan Nilai Saksama

Instrumen kewangan seperti derivatif dan pelaburan kewangan diukur pada nilai saksama pada setiap tarikh laporan. Nilai saksama instrumen kewangan yang diukur pada nilai kos pelunasan dinyatakan di dalam Nota 29 kepada Penyata Kewangan.

Nilai saksama adalah amaun yang akan diterima daripada jualan aset atau amaun yang dibayar bagi pemindahan liabiliti dalam transaksi yang teratur di antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan kepada anggapan bahawa transaksi jualan aset atau pemindahan liabiliti dilaksanakan sama ada:

- Dalam pasaran utama bagi aset atau liabiliti, atau
- Jika ketidaaan pasaran utama, dalam pasaran yang paling menguntungkan bagi aset atau liabiliti.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.21 Pengiraan Nilai Saksama (sambungan)

Pasaran utama atau pasaran yang paling menguntungkan hendaklah boleh diakses oleh Kumpulan dan KWAP. Nilai saksama aset atau liabiliti diukur dengan menggunakan andaian yang diambil kira oleh peserta pasaran dalam menentukan harga aset atau liabiliti, serta andaian bahawa peserta pasaran akan bertindak mengikut kepentingan ekonomi yang terbaik.

Pengukuran nilai saksama aset bukan kewangan mengambil kira kebolehan peserta pasaran untuk menjana manfaat ekonomi melalui penggunaan aset secara terbaik atau jualan kepada peserta pasaran lain yang akan menggunakan aset tersebut secara terbaik.

Kumpulan dan KWAP menggunakan teknik penilaian yang dianggap bersesuaian dengan keadaan di mana data yang mencukupi boleh didapati untuk mengukur nilai saksama, dengan memaksimumkan penggunaan input yang boleh diperhatikan serta meminimumkan penggunaan input yang tidak boleh diperhatikan.

Aset dan liabiliti di mana nilai saksama diukur atau dinyatakan di dalam Penyata Kewangan dikategorikan mengikut hierarki nilai saksama berikut, berdasarkan tahap input paras terendah dari segi kepentingan terhadap ukuran nilai saksama secara keseluruhan:

- Tahap 1: Sebut harga (tidak dilaras) harga pasaran di dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang sama;
- Tahap 2: Teknik penilaian di mana input paras terendah dari segi kepentingan terhadap ukuran nilai saksama yang boleh diperhatikan secara langsung atau tidak langsung; dan
- Tahap 3: Penilaian teknik di mana input paras terendah dari segi kepentingan terhadap pengukuran nilai saksama yang tidak boleh diperhatikan.

Berhubung dengan aset dan liabiliti yang diiktiraf di dalam Penyata Kewangan secara berulang, penilaian semula bagi kategori aset dan liabiliti dilaksanakan bagi menentukan sama ada berlakunya pemindahan aset di antara tahap di dalam hierarki (berdasarkan input paras terendah dari segi kepentingan kepada pengukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tarikh laporan.

2.22 Aset Luar Jangka Dan Liabiliti Luar Jangka

Aset Luar Jangka merupakan aset yang mungkin timbul daripada peristiwa terdahulu di mana kewujudannya disahkan dengan terjadi atau tidak terjadinya satu atau lebih peristiwa masa hadapan yang berada di luar kawalan Kumpulan dan KWAP. Tiada pengiktirafan bagi Aset Luar Jangka, hanya pendedahan mengenai kewujudan aset tersebut di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan tetapi tidak boleh dijangka.

Liabiliti Luar Jangka adalah obligasi yang disebabkan peristiwa terdahulu di mana kewujudannya disahkan dengan terjadi atau tidak terjadinya satu atau lebih peristiwa masa depan yang berada di luar kawalan Kumpulan dan KWAP atau obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian bahawa aliran keluar sumber diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut. Liabiliti Luar Jangka mungkin juga timbul melalui kes yang amat jarang berlaku di mana liabiliti tidak diiktiraf disebabkan oleh ketidakupayaan untuk diukur dengan yakin. Tiada pengiktirafan bagi Liabiliti Luar Jangka, hanya pendedahan di dalam Penyata Kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

2. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.23 Peruntukan Kumpulan Wang Berkanun

KWAP menerima peruntukan tahunan daripada Kerajaan Persekutuan mengikut seksyen 13, Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662).

2.24 Caruman Pencen

Caruman pencen diiktiraf apabila caruman tersebut diterima daripada Badan Berkanun, Pihak Berkusa Tempatan dan Agensi-Agenzi Lain serta syer kerajaan, ganjaran dan potongan lain sejajar dengan Akta Pencen Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkusa Tempatan 1980 (Akta 239) dan Pekeliling Perkhidmatan No. 12/2008. Denda atas caruman lewat bayar diiktiraf dan diakaunkan mengikut asas tunai.

3. JANGKAAN DAN PENILAIAN AKAUN YANG PENTING

Penyediaan Penyata Kewangan digabungkan memerlukan pihak pengurusan untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada amaun yang dilaporkan bagi pendapatan, perbelanjaan, aset dan liabiliti serta pendedahan yang disertakan dan pendedahan berkenaan dengan Aset dan Liabiliti Luar Jangka selaras dengan MFRS. Ketidaktentuan mengenai andaian dan anggaran boleh menyebabkan keputusan yang mengakibatkan pelarasan ketara kepada nilai dibawa bagi aset atau liabiliti yang terlibat pada masa hadapan.

Pertimbangan yang dibuat oleh pihak pengurusan dalam mengaplikasikan polisi akaun, andaian penting berkaitan dengan masa hadapan dan sumber-sumber ketidakpastian jangkaan lain pada tarikh laporan yang mempunyai risiko besar dalam mengakibatkan pelarasan ketara kepada nilai dibawa aset dan liabiliti yang terlibat bagi tempoh tahun kewangan seterusnya adalah seperti yang dibincangkan di bawah:

(a) Rosot nilai atas pelaburan dalam syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu

Penilaian bukti objektif rosot nilai pelaburan dilaksanakan pada setiap tarikh laporan. Faktor-faktor seperti, antara lain, penurunan berpanjangan di antara nilai saksama indikatif dan nilai dibawa, perubahan ketara dengan kesan yang menjelaskan pelaburan serta kemerosotan prestasi kewangan pelaburan adalah dipertimbangkan bagi mengenal pasti bukti objektif rosot nilai, jika ada.

Pertimbangan dilaksanakan oleh pihak pengurusan dalam pemilihan kaedah penilaian yang sesuai seperti, antara lain, aliran tunai terdiskaun, nilai boleh realis bersih aset dan purata kaedah nisbah harga perolehan sektor bergantung kepada sifat serta industri pelaburan tersebut.

Dengan pemilihan kaedah penilaian yang sesuai, andaian-andaian tertentu dilaksanakan bagi menjangka jumlah pelaburan boleh pulih masa hadapan. Andaian yang dibuat adalah termasuk, antara lain, andaian terhadap jangkaan aliran tunai masa hadapan, peningkatan pendapatan, kadar diskau yang diguna pakai bagi mendiskaunkan aliran tunai masa hadapan yang menerapkan risiko yang relevan serta jangkaan hasil masa hadapan bagi kejadian terdahulu yang berkait dengan pelaburan tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

3. JANGKAAN DAN PENILAIAN AKAUN YANG PENTING (SAMBUNGAN)

(b) Rosot nilai pelaburan

Rosot nilai pelaburan dilaksanakan berikutan tanda-tanda tertentu seperti, antara lain, penurunan berpanjangan di antara nilai pasaran dan nilai dibawa, perubahan ketara dengan kesan yang menjelaskan pelaburan serta kemerosotan prestasi kewangan pelaburan.

Pertimbangan diperlukan bagi menentukan definisi "ketara" atau "berpanjangan". Pertimbangan ini memerlukan penilaian faktor-faktor seperti pergerakan nilai saksama tahun terdahulu dan tempoh masa serta tahap kekurangan nilai saksama pelaburan berbanding dengan nilai kosnya. Kumpulan dan KWAP telah menetapkan bahawa penurunan nilai saksama melebihi dua puluh peratus (20%) sebagai "ketara" dan tempoh masa melebihi dua belas (12) bulan sebagai "berpanjangan".

Pertimbangan dilaksanakan dalam pemilihan kaedah penilaian yang sesuai seperti, antara lain, aliran tunai terdiskaun, nilai boleh realis bersih aset serta purata kaedah nisbah harga perolehan sektor bergantung kepada sifat dan industri yang berkaitan dengan pelaburan.

(c) Rosot nilai aset bukan kewangan

